

PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 56**Selasa****23 November 2004**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 10)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 21)
USUL MENANGGUHAKAN MESYUART DI BAWAH P.M 18(1): Insiden Pembunuhan Umat Islam Di Selatan Thailand <i>- Y.B. Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]</i>	(Halaman 21)
USUL MENANGGUHAKAN MESYUART DI BAWAH P.M 18(1): Insiden Pembunuhan Umat Islam Di Selatan Thailand <i>- Y.B. Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]</i>	(Halaman 108)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2005 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.41	(Halaman 23)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2005 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.41	(Halaman 23)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 23 November 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum itu saya ingin mengambil kesempatan untuk memperkatakan satu, dua perkara. Iaitu yang pertamanya kalau kita mengendalikan mesyuarat Dewan yang mulia ini faktor masa adalah penting. Oleh itu saya berharap jawapan-jawapan dari pihak kementerian haruslah tepat dan padat dan menumpukan kepada yang ditanya sahaja. Kalau tidak kadangkala berlaku walaupun tidak selalu di mana dalam jawapan-jawapan dilonggokkan segala maklumat dan juga segala data yang sesetengahnya tidak begitu relevan.

Ahli-ahli yang bertanya pula mesti membuat pertanyaan-pertanyaan mereka dengan tepat dan ditumpukan kepada persetujuan berkehendakkan maklumat atau penerangan daripada kementerian. Pertanyaan yang tidak tepat akan menarik jawapan yang tidak tepat. Saya tidak berniat untuk menyekat Ahli Yang Berhormat yang telah diberi kebenaran untuk berucap daripada terus berucap dan saya memahami bahawa soalan tambahan adalah satu alat untuk mendapat maklumat yang lebih lanjut dan terang atau untuk menimbulkan kebenaran. Akan tetapi saya harap bahawa dalam usaha kita untuk menegakkan kebenaran dan juga mendapat maklumat yang lebih lanjut, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam menuju kepada soalan itu seperti yang selalu diberi sebab oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat tidak terlalu banyak berlegar dalam ruang pendahuluan ataupun mukadimah. Lagi lama kita mengambil masa lagi sedikit masa tinggal untuk ahli-ahli yang lain memberi ucapan. Sekian, harap maklum. *[Tepuk]*

Yang Berhormat Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin.

1. **Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah perancangan-perancangan yang akan dan telah dirancangan bagi menjaga keselamatan pasukan Polis Diraja Malaysia dan telah dirancangan bagi menjaga keselamatan pasukan Polis Diraja Malaysia semasa mereka menjalankan tugas memandangkan peningkatan kes jenayah yang melibatkan nyawa mereka.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Yang di-Pertua, setiap anggota Polis Diraja Malaysia sentiasa diperlukan dalam keadaan siap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Akta Polis 1997 juga menyifatkan seseorang anggota Polis Diraja Malaysia di dalam menjalankan tugas sebagai dengan izin, *deem to be on duty* 24 jam sehari. Justeru itu kementerian sentiasa memberi perhatian dalam menjaga keselamatan pasukan polis yang menjalankan tugas untuk memastikan kes jenayah yang melibatkan nyawa anggota Polis dipandang serius sejajar dengan peningkatan kadar jenayah di negara ini.

Dengan mengambil kira peningkatan kes jenayah setiap anggota Polis yang bertugas sentiasa diberikan taklimat dan taklimat balas dalam pelaksanaan tugas harian termasuk dari segi keselamatan diri serta nyawa dengan harta benda orang ramai seperti termaktub di bawah Seksyen 3(3), Akta Polis 1997. Memandangkan setiap anggota Polis merupakan anggota terlatih maka tahap kesediaan mereka telah wujud dan disokong oleh penyeliaan yang rapi dan sokongan logistik seperti bekalan senjata api dan peralatan-peralatan yang lain. Justeru itu secara tidak langsung, secara fizikal dan mental telah diserapkan ke atas setiap anggota Polis yang dilantik oleh Suruhanjaya tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pasukan Polis juga mempunyai perintah-perintah tetap Ketua Polis Negara yang menggariskan panduan mengenai prosedur kerja termasuk dari aspek keselamatan dengan mengambil kira perkara-perkara di atas perancangan yang telah dibuat demi menjamin keselamatan anggota Polis semasa bertugas bagi mengelakkan sebarang kemungkinan semasa menjalankan tugas mengenai keselamatan dan juga ketenteraman negara. Kementerian sentiasa mengambil perhatian dalam usaha mempertingkatkan kemahiran dan juga kecekapan anggota polis. Oleh itu berbagai-bagai latihan, kursus, seminar diadakan adalah bertujuan untuk memastikan anggota-anggota Polis Diraja Malaysia dapat menjalankan tugas dengan lebih baik.

Selain itu pasukan Polis Diraja Malaysia juga dipertingkatkan kemahiran dan kecekapan dengan menghantar pegawai-pegawai Polis untuk mendapatkan latihan-

latihan khususnya di dalam dan luar negara berkenaan pelbagai bidang seperti ancaman keganasan antarabangsa, jenayah rentas sempadan, jenayah siber dan lain-lain ancaman jenayah berbentuk global dan menyediakan kelengkapan dan peralatan seiring dengan teknologi terkini untuk anggota dan juga pasukan Polis Diraja Malaysia seluruhnya. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak menafikan bahawa memang banyak diperlakukan untuk mempertingkatkan kemudahan keperluan pasukan Polis tetapi tidakkah Yang Berhormat sedar bahawa masih banyak lagi keperluan-keperluan untuk menjaga keselamatan diri pasukan polis dan juga ketenteraman awam yang perlu dilakukan dan kadang-kadang kalau kita persoalkan belanjawan tidak mencukupi. Kita lihat pada Hari Raya Polis tidak boleh cuti dan sebagainya dan akhirnya ada di antara mereka ini dilanggar oleh kereta dan sebagainya. Ini salah satu ciri-ciri mungkin keselamatan diri mereka itu tidak mencukupi dan apakah tindakan-tindakan yang serius yang harus diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan bahawa pasukan Polis itu apabila ia menjalankan tugas dia mempunyai satu *confident* yang amat tinggi bahawa dirinya, keluarganya terjamin seandainya sesuatu berlaku kepada dia kerana masih ada dalam kawasan saya anak bekas polis yang duduk dengan ibu polis yang susah hari ini.

Jadi bermaknanya apabila mereka menjadi Polis Diraja Malaysia kalau matikah, *accident* kah, apakah, anak-anak mereka ini tidak terjamin. Jadi apakah pihak kementerian tidak mahu melihat lebih dalam memastikan bahawa Polis Diraja Malaysia ini adalah orang yang menjaga keamanan dan mereka harus juga diberi perhatian yang sebaik-baiknya untuk diri mereka semasa bertugas dan juga keluarga mereka seandainya berlaku sesuatu kemalangan. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bagi pihak kementerian, saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat untuk membela nasib dan juga kebajikan Polis Diraja Malaysia yang seperti mana Yang Berhormat menyatakan memang anggota Polis Diraja Malaysia ini bekerja 24 jam dan mereka pun kadang-kadang cuti pun dibekukan dan waktu mereka menjalankan tugas seperti menjaga keselamatan jalan raya dalam tempoh 5 tahun ini seramai 9 orang Polis Diraja Malaysia mati dilanggar waktu menjalankan tugas trafik. Dan seramai 134 orang cedera semasa mereka menjalankan tugas. Daripada segi jenayah pada tahun ini sahaja yang saya sempat melawat ada 5 orang cedera ditembak oleh penjenayah dan seorang mati ditembak oleh penjenayah.

Oleh itu kerajaan akan sentiasa memberikan perhatian supaya keluarga ataupun balu Polis Diraja Malaysia ini akan terbela. Buat masa ini kita menyediakan beberapa kemudahan, di antaranya adalah bantuan pengurusan jenazah jika kumpulan Polis seorang sebelah Semenanjung, kita beri RM1,000; bantuan pengurusan jenazah ASB, duit kita beri RM1,000. Yang ketiga ialah tabung amanah PERWIRA dan juga pertahanan negara. Kalau dia meninggal kita akan beri token, RM18,000, kalau cedera kita akan lihat berapa dan sejauh mana kecederaannya untuk kita berikan ganti rugi. Begitu juga kita ada untuk pegawai kita ada tabung pegawai kanan Polis Diraja Malaysia kita beri RM2,000 dan kemudian Koperasi Polis Diraja Malaysia iaitu sebanyak RM27,000, khairat kematian Koperasi Polis Diraja Malaysia akan beri RM1,000 kemudian TKKS Kontinjen juga kita berikan sumbangan.

Di samping itu skim bantuan setiap kerajaan negeri juga kita lihat ada juga memberikan sumbangan kepada anggota-anggota polis yang menghadapi kecederaan. Mengenai insurans, setiap polis kita galakkan untuk membeli insurans persendirian yang dikendalikan oleh Koperasi Polis Diraja Malaysia dan kita sedang mengkaji bagaimana cara untuk kita memberikan perlindungan insurans yang mana insurans ini kalau boleh pihak kementerian ataupun pihak kerajaan yang akan membelinya supaya selain insurans yang mereka beli sendiri mungkin kita akan memberi juga insurans-insurans tambahan yang lain.

Jadi dengan ini kita harap apabila seseorang antara kita menjadi anggota polis mereka lebih yakin menjalankan tugas dan memberikan keyakinan kepada keluarga mereka jika berlaku segala bahaya kepada anggota keluarga mereka. Terima kasih

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Konstabel Jabu mati ditembak dalam Platun saya tahun 1971. Anak dan isterinya sampai sekarang polis sendiri pun tidak tahu di mana, tidak terbela. Jadi banyak keluarga mangsa sebegini, Ibrahim balik bersama saya daripada Kuala Lumpur selepas training 3 bulan baru bertugas, mati ditembak komunis di belakang panggung di Sibul, jadi perkara macam ini memang banyak berlaku.

Yang RM18,000 macam Yang Berhormat sebut tadi, dahulu RM12,000, 25 tahun dahulu sekarang 25 tahun di belakang masih RM18,000 hanya meningkat RM6,000 sahaja. Jadi ini belum cukup baik banyak anggota Polis Diraja Malaysia lebih banyak mati daripada askar dalam mana-mana darurat di Sarawak ataupun di Semenanjung.

Berlatarbelakangkan ini, saya hendak tanya satu perkara dalam keadaan yang sekarang ini. Tadi soalan insurans, saya masih menggesa supaya *group* insurans diselidik dan dikaji untuk dilaksanakan. Persoalan saya ialah apakah keselamatan secara badan dia, fizikal dia menggunakan *undergarment vest* pakaian, *undergarment* yang disediakan untuk pegawai polis yang bertugas dalam *urban areas* (dalam bandar) yang selalu tercedera dan luka kena tembak oleh penjenayah dan apakah *preparation* kerajaan dan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan, perundingan kerajaan antara jabatan dengan kerajaan dalam persoalan ini. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong yang juga bekas pegawai polis. Kita akan berusaha supaya nasib anggota polis sebagaimana Yang Berhormat nyatakan itu mungkin tidak boleh berulang. Sebab itu kita lihat bahawa beberapa langkah kita ambil dan juga sebenarnya ada satu tabung lagi yang kita sediakan untuk bekas-bekas anggota polis masih lagi berjalan yang mana saya sendiri yang menjadi Pengerusinya.

Kalau ada permohonan-permohonan daripada bekas-bekas anggota polis, kita akan berikan bantuan tertentu. Mengenai cadangan Yang Berhormat, itu merupakan suatu cadangan yang baik dan kita sebenarnya telah pun membuat kajian untuk kita membekalkan baju kalis peluru kepada anggota-anggota polis yang menjalankan mereka tetapi saya difahamkan hasrat ini mungkin tidak dapat kita penuhi 100% kerana harga baju kalis peluru ini amat tinggi.

Walau bagaimanapun, saya difahamkan untuk tahun ini, bilangan untuk PDRM membeli baju kalis peluru akan kita pertingkatkan untuk kita menjaga keselamatan anggota-anggota yang sedang meronda untuk mengelakkan berlakunya jenayah.

Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat.

2. Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta Menteri Pelajaran menyatakan status pelaksanaan sekolah bestari di semua sekolah rendah dan menengah termasuk sekolah aliran jenis kebangsaan. Sejauh manakah pencapaian sekolah bestari dalam mempertingkatkan pencapaian akademik di kalangan pelajar.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih. Terlebih dahulu saya, teman ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab sekali gus dua pertanyaan yang berkaitan dengan sekolah bestari. Pertama daripada soalan pada 23 Disember 2004 daripada Yang Berhormat Ayer Hitam. Kedua, daripada Yang Berhormat bagi Kuala Krai pada 2 Disember 2004. Saya pohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab kedua-dua sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, sebanyak 87 buah sekolah [*Disampuk*] Sebab di Kedah tidak ada air, dia ada ayak. Sebanyak 87 buah sekolah telah dibekalkan dengan infrastruktur teknologi, perisian aplikasi dan perisian pendidikan di sekolah bestari di bawah Projek Rintis Bestari bermula pada Julai 1999 dan tamat pada Disember 2002.

Dari segi infrastruktur teknologi sekolah-sekolah ini dibekalkan mengikut tiga aras teknologi, iaitu:

- (i) aras A mengandungi 296 hingga 530 komputer peribadi, 5 komputer riba dan 6 pelayan;
- (ii) aras B mengandungi 81 komputer peribadi, 2 komputer riba dan 3 pelayan; dan
- (iii) aras C mengandungi 37 komputer peribadi, 2 komputer riba dan 3 pelayan.

Ketika ini, Kementerian Pelajaran sedang dalam peringkat untuk mencadangkan kepada kerajaan Pelan Perluasan Sekolah Bestari fasa 1 melibatkan 10,000 buah sekolah di seluruh negara. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat bagi Kuala Krai tentang strategi keluasan, ketika ini kejayaannya banyak bergantung kepada pelaksanaan program "School Map" yang akan merangkaikan kesemua 10,000 buah sekolah dengan jalur lebar.

Pada masa yang sama, dengan perkembangan teknologi, Kementerian Pelajaran turut mengkaji kaedah-kaedah terbaru yang lebih *cost-effective* yang berkesan bagi membantu program perluasan ini. Berbalik kepada soalan Yang Berhormat bagi Ayer Hitam mengenai pencapaian akademik pelajar, sehingga kini belum ada kajian yang benar-benar menjurus terhadap pencapaian akademik pelajar. Kajian-kajian yang ada hanyalah untuk menilai kesesuaian dan keberkesanan bahan pengajaran dan pembelajaran yang dibekalkan kesesuaian dan keberkesanan aplikasi sistem pengurusan sekolah bestari atau SSMS.

Kesesuaian infrastruktur teknologi sekolah bestari bagi membantu pengurusan pengajaran dan pembelajaran dan keberkesanan program pengurusan perubahan. Hasil dari kajian ini telah diambil kira dalam cadangan peluasan yang akan disampaikan kepada kerajaan. Biarpun tidak ada kajian yang spesifik, namun tinjauan dan pemerhatian kepada salah sebuah sekolah bestari iaitu Sekolah Kebangsaan Bintang Utara menunjukkan bahawa sekolah tersebut menunjukkan prestasi cemerlang dalam Peperiksaan UPSR bagi tahun 1999, 2002 dan 2003.

Selain itu, dari aspek ko-kurikulum berkaitan teknologi maklumat, sekolah ini juga telah menjadi Johan Pertandingan Jejak Siber bagi tahun 2000 dan 2001 serta Naib Johan pada tahun 2002. Terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, saya ingin tahu apakah kriteria pemilihan sekolah bestari ini dan ketika ini bagaimana taburan dan berapa peratuskah sekolah bestari ini terletak di kawasan luar bandar. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Penilaian yang telah kita lakukan selama ini berdasarkan kepada sekolah-sekolah yang telah diberi sokongan oleh pihak Jabatan Negeri. Sebab itu kita gunakan kriteria itu. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, saya di sini, pada perancangan yang akan datang kita memperluaskan lagi program ini.

Buat masa ini, hanya terdapat misalnya saya sebutkan di sini bagi negeri Selangor sahaja, kita ada sembilan buah sekolah. Insya-Allah kita akan tambah lagi jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah yang lain seperti di luar bandar kalau boleh sebutkan di sini, di negeri-negeri lain juga di antara lima dan enam buah sekolah yang kita adakan.

Ini pun saya katakan kita yang terbaik sekali di dalam dunia kalau kita bandingkan program kita dengan di New Zealand dan Ireland, kitalah yang terbaik sekali. Terima kasih.

Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam soalan ini dan juga soalan tambahan tadi ditanya tentang kriteria sekolah bestari. Saya rasa soalan itu belum dijawab, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan oleh Timbalan Menteri tadi, seolah-olah bestari itu bila ada komputer, bila ada teknologi tinggi katanya kalau peralatan maka bestarilah sekolah itu.

Saya difahamkan bestari ini bila disebut konsep bestari sepertilah di negara-negara maju yang lain ialah peralihan cara mengajar. Bestari adalah bukan bentuk tetapi fungsi dan bestari ialah untuk mengajar kita berfikir dan bukan untuk *memorise*

tentang sesuatu perkara. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah pendekatan sebenarnya bestari ini. Apakah memadai kalau kita membeli komputer, kita beli peralatan maka bestarilah sekolah di Malaysia? Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat bagi Kota Bharu. Sebenarnya saya telah menjawab, tetapi oleh kerana kita hendak menjimatkan masa sebab itu jurusan saya tadi, saya katakan kriterianya apabila ada sokongan daripada JPN. Mereka yang menentukan sokongan itu dan kita akan mengimplementasikan daripada sokongan itu tetapi kita tidak boleh buat menyeluruh. Sebab itu saya sebut dalam jawapan saya tadi, jangkaan kita akan kita perluaskan lagi kepada 10,000 buah sekolah. Ini cadangan kita pada awalnya tetapi kemampuan kita.

Baik. Keduanya mengenai dengan penggunaan IT ataupun komputer tadi. Tidak semestinya apabila kita menggunakan komputer, kita menjadi sekolah bestari. Konsep sekolah bestari ini ialah segala-galanya dilakukan secara berkomputeran sama ada dari segi pentadbiran, sama ada beberapa mata pelajaran semuanya dikendalikan di dalam menggunakan pengkomputeran.

Ketiganya ialah perisiannya itu juga harus diambil kira. Di sini kita telah lakukan projek rintis kepada beberapa buah sekolah dan kemudiannya kita kembangkan lagi dan ini lagi bergantung kepada kemampuan kita. Insya-Allah macam saya katakan tadi, kita akan perluaskan lagi.

Walau bagaimanapun, kita mesti ingat Yang Berhormat, bahawa kita telah pun membekalkan makmal-makmal komputer kepada setiap sekolah sama ada sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Ini pun sudah kita lakukan tetapi kita tidak namakan lagi sekolah bestari. Apa yang kita maksudkan tadi, saya ulangi iaitu sekolah-sekolah yang mengadakan program sama ada di peringkat pengurusan sekolah itu dan semua mata pelajaran dan juga perisiannya itu dikawal oleh kita. Itu yang dipanggil bestari.

Insya-Allah kita akan membestarikan kesemua sekolah pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Timbalan Menteri menjawab dengan jitu dan tepat. Seperti termaktub dalam Perlembagaan Malaysia dan manifesto BN, SRJK(C) dan SRJK(T) itu sebahagian daripada sistem pendidikan dan kewujudannya memang terjamin.

Soalan asal saya, adakah pelaksanaannya merangkumi SRJK(C) dan SRJK(T) dan daripada senarai yang kita tahu, pada tahun 1999 hampir 90 buah

sekolah itu tidak ada satu pun SRJK(C) dan SRJK(T). Saya hendak bertanya adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan pelaksanaan ini dan bagaimana pula ia dapat dilaksanakan sedangkan tidak ada satu kajian untuk menilai apakah kelemahan yang ada pada sekolah yang telah dilaksanakan sekolah bestari ini. Minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Secara menjimatkan masa, secara jitu pertama sekali keutamaan kita berikan kepada sektor kebangsaan. Itu satu.

Keduanya, sekolah-sekolah jenis kebangsaan, kita juga membekalkan makmal komputer di Sektor Jenis Kebangsaan – itu maksud saya - dan juga pada masa hadapan kita juga ada perancangan ini. Sekian, terima kasih.

3. Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang pertanian dan industri asas tani dapat menyumbang kepada pengeluaran makanan di negara kita; dan
- (b) setakat manakah pelaksanaan Dasar Pertanian Kebangsaan Ketiga (NAP3) dapat mengatasi lebih import makanan ke negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, tahniah di atas pemilihan sebagai Speaker.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pendidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian telah mempercepatkan kemodenan dan pembangunan institusi pertanian dan makanan. Bagi tujuan ini, kerajaan melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah menubuhkan beberapa institusi penyelidikan utama seperti MARDI, Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh, Institut Veterinar Jerantut, Pusat Penyelidikan Perikanan Batu Maung, Pulau Pinang serta beberapa institusi yang lain untuk menerajui penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian.

Institusi-institusi ini telah memberi sumbangan yang banyak bagi pemodenan dan pembangunan industri pertanian dan makanan melalui sokongan teknologi dan teknikal dan seterusnya telah menyumbang kepada ekonomi negara. Banyak penemuan penyelidikan yang dihasilkan oleh institusi-institusi ini boleh dikomersialkan. Misalnya di sepanjang tempoh 1998 hingga 2002, sebanyak 72

teknologi telah dikenal pasti oleh MARDI yang boleh dikomersialkan dan sebahagian daripadanya benar-benar berpotensi untuk diketengahkan.

Contohnya sebanyak 10 *variety* padi yang signifikan telah diisytiharkan kerana mempunyai ciri-ciri istimewa dan hampir 90% dari kawasan jelapang seluruh negara ditanam dengan padi yang diselidik oleh Mardi. Di antara *variety* tersebut ialah MR 84, MR 159, MR 185, MRQ 50, MR 211, MR 219 dan MR 220.

Selain daripada itu antara teknologi-teknologi hasil Mardi yang dikomersialkan ialah telur ayam diperkaya dengan Omega 3 yang telah dilesenkan pengeluarannya kepada LTK, Betik Eksotika 1 & 2, Limau Bali, Melomas, Durian D88, Ciku CM19, Nanas Josephine, pelbagai klon dan *polyhydric* kopi, beberapa *variety* ubi kayu dan ubi keledak, minyak pati, baka lembu pedaging seperti Bradmas dan Cherokee, teknologi tanaman di atas tanah lombong, tanah berpasir, tanah gambut, dan asid sulfat, pengeluaran karnap dan herba serta pengendalian lepas tuai.

Dalam bidang bioteknologi pula Mardi telah membuat kemajuan dalam penyelidikan menghasilkan pokok padi *transgenic* tahan penyakit, virus dan penghasilan *bio-sensor* bagi menentukan tahap *residue*, antibiotik dalam ayam yang diproses dan bahan kimia pada sayur.

Sementara itu penyelidikan mekanisasi dan automasi telah berjaya menghasilkan jentera dan mesin yang sesuai untuk digunakan di negara ini seperti piotrack, penyembur gelas tempatan, struktur *rain shelter* dan kalis serangga untuk tanaman sayur-sayuran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pemprosesan makanan, Mardi telah berjaya memperkenalkan produk-produk baru dan sesetengahnya telah dikomersialkan oleh SME seperti serbuk santan, sos, coklat tanpa gula dan kurang kalori, *jelly*, *confectionery*, buah-buahan bersalut tepung, beras campuran, kuih tradisional berasaskan ubi keledak, makanan *convenient*, jus jernih, perwarna dan perisa asli dan pengangkutan udang serta ikan talapia hidup.

Institut-institut penyelidikan veterinar pula telah menyumbang kepada pembangunan industri ternakan dalam bidang pembiakan-pembiakan, pengurusan pemakanan dan kesihatan haiwan. Di antara penemuan-penemuan penyelidikan yang telah memberi manfaat kepada industri dan untuk meningkatkan pengeluaran makanan negara termasuklah pembangunan teknologi dalam pengeluaran daging dan telur ayam. Dalam pengeluaran daging ruminan, tenusu, pengeluaran aneka

haiwan, penggunaan bioteknologi untuk pembakaan dan pembiakan, pengurusan dan pemakanan ternakan dan untuk kesihatan haiwan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengeluaran ikan pula, institusi-institusi penyelidikan perikanan seperti Pusat Penyelidikan Perikanan Ikan Air Tawar, Batu Berendam Melaka, Pusat Penyelidikan Perikanan Sarawak dan Pusat Penyelidikan Batu Maung Pulau Pinang telah menghasilkan pelbagai penemuan dalam bidang pembakaan, pembiakan, pengurusan ternakan ikan, pemakanan ternakan ikan akuakultur dan kesihatan ternakan ikan yang berpotensi dan boleh dikomersialkan.

Dasar Pertanian Negara Ketiga yang dilaksanakan pada tahun 1999 mempunyai beberapa matlamat termasuk meningkatkan pengeluaran makanan negara, mengurangkan import dan menambahkan eksport. Kejayaan mengurangkan import dapat dilihat dengan penurunan defisit imbalan perdagangan produk makanan negara kebelakangan ini. Defisit imbalan perdagangan produk makanan telah turun daripada RM5.7 bilion pada tahun 2001 kepada RM5.01 bilion pada tahun 2002 dan telah terus turun kepada RM4.34 bilion pada tahun 2003. Kejayaan pengurangan defisit ini adalah hasil daripada pertambahan pengeluaran serta peningkatan eksport produk-produk pertanian negara.

Selain daripada itu sumbangan nilai sektor pertanian kepada KDNK - panjang – hendak bagi faham, tiada soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan sedikit. Tolong ringkaskan sedikit.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengurangkan import makanan melalui strategi peningkatan pengeluaran makanan tempatan dan juga meningkatkan eksport hasil pertanian dengan tujuan untuk mengurangkan defisit dalam imbalan perdagangan.

Dalam usaha untuk menggalakkan pengeluaran makanan, kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

- (i) meningkatkan produktiviti dan kos pengeluaran;
- (ii) menggalakkan kerajaan negeri untuk memperuntukkan lebih banyak kawasan tanah;
- (iii) menggalakkan sektor swasta untuk melabur dalam sektor pertanian;
- (iv) mewujudkan zon-zon tanaman akuakultur;
- (v) mempergiatkan pelaksanaan amalan pertanian dan sistem akreditasi;
- (vi) mempergiatkan aktiviti penyelidikan; dan

(vii) meningkatkan infrastruktur pemasaran seperti kemudahan pengumpulan penggredan dan sebagainya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini telah pun membuat banyak penyelidikan dan hasil-hasilnya telah pun diaplikasikan. Namun satu bidang yang mungkin tidak dikaji selidik oleh kementerian iaitu kos aplikasi kepada petani-petani. Walaupun negara kita boleh mengeluarkan banyak makanan, namun kalau kos aplikasi ini – kos pengeluaran ini lebih tinggi daripada negara yang lain, ini akan menyebabkan negara mengimport juga makanan daripada luar negara.

Soalan tambahan, adakah kementerian ada satu garis panduan untuk R&D ini agar semua penemuan dan hasil ini dapat diaplikasikan dengan kos yang rendah. Itu soalan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat daripada kawasan Dabos bahawa kos pengeluaran hasil-hasil pertanian..... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Mambong. Mambong! *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Dabos.

Seorang Ahli: Sekali lagi?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Dabos *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Mambong bahawa kos pengeluaran hasil-hasil pertanian di negara kita lebih tinggi jika kita bandingkan dengan pengeluaran hasil pertanian dari negara-negara seperti di Vietnam, Thailand dan juga Indonesia.

Ada sebab-sebab tertentu yang menyebabkan kos pengeluaran hasil-hasil pertanian di negara kita lebih tinggi. Walau bagaimanapun, dalam menentukan produktiviti hasil-hasil pertanian banyak faktor yang terlibat, di antaranya yang paling penting ialah soal pengurusan (*management*). Jadi, pihak Kementerian Pertanian dan Asas Tani dengan kerjasama semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian sedang memberi penekanan supaya kumpulan sasar yang terlibat dalam pengeluaran hasil-hasil pertanian dapat selain daripada faktor-faktor lain seperti benih yang baik disediakan oleh kerajaan, kemudahan infrastruktur, subsidi yang dibantu oleh kerajaan, faktor pengurusan ini menyumbang kepada peningkatan hasil.

Jadi, kita sedang memberi perhatian kepada hal ini dengan tujuan supaya para petani kepada kumpulan sasar dapat menguruskan tanaman mereka itu dengan lebih baik lagi.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengikut jawapan, pengeluaran makanan import adalah berlebih daripada kita. Soalan saya ialah apakah halangan yang menyebabkan pengeluaran atau pengimportan hasil pertanian kita masih belum berjaya mengatasi makanan dan hasil pertanian dibuat di negara kita, walaupun Dasar Pertanian Negara kita sudah lama dilaksanakan yang tadi Yang Berhormat katakan pada tahun 1999. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rasanya Bukit Bintang tidak ada pertanian. Terima kasih kerana mengambil perhatian yang berat kepada soal peningkatan bil import makanan negara. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, penyelidikan dan pembangunan telah menyumbang kepada kejayaan kita mengurangkan defisit bil makanan ini. Kita telah berjaya mengurangkan dan sasaran kita sekarang di bawah program kita *Balance of Trade (BOT)*, dengan izin.

Kita akan meningkatkan pengeluaran hasil-hasil pertanian di negara kita dengan kerjasama pihak kerajaan negeri dan juga pihak swasta untuk meningkatkan lagi hasil-hasil pertanian negara umpamanya dalam bidang pengeluaran ternakan lembu kita hanya sekadar 30%. Ini bererti kita perlu mengimport daging cukup banyak. Begitu juga dalam bidang tanaman padi, kita hanya mampu mengeluarkan hasil padi setakat 65% sara diri. Kerajaan telah menggunakan peningkatan hasil padi di bawah program 10 metrik tan bagi menambahkan hasil padi negara meningkatkan lagi tahap SSL.

Tuan Yang di-Pertua: 10 metrik tan apa itu?

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: 10 metrik tan padi se hektar. Ini antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian ke arah mengurangkan bil import, tidak terlalu bergantung pada pihak asing dan yang ketiga dapat mengurangkan tukaran negara kita. Jadi, program kita akan meningkatkan hasil-hasil pengeluaran pertanian di negara kita supaya dapat meningkatkan lagi pengeluaran dan mengurangkan pergantungan kepada negara asing.

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bahagia pada pagi ini.

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak ikut dan patuh apa arahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi al-maklum Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini penuh dengan...yalah berbagai-bagailah Ahli Parlimen ini. Ini soalan terus. Terus. Saya memang tertarik dan memujilah MARDI dan juga jabatan-jabatan penyelidikan di bawah kementerian yang menemui bermacam-macam pembaharuan. Tetapi sayang seribu kali sayang Tuan Yang di-Pertua. Ha, ha...ho.

Beberapa Ahli: Ho, ho.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sayang seribu kali sayang Tuan Yang di-Pertua. Petani di kampung tidak berapa dapat faedahnya sebab itu kemiskinan ketinggalan masih tetap di dalam kelompok ini. Kita memang memuji pencapaian Mardi tetapi mungkin agaknya pihak swasta yang mengusahakan berskala besar, dia dapat faedah kebaikan yang dibuat oleh MARDI tetapi petani, penternak yang ada di kampung yang jumlahnya ratusan ribu [*Disampuk*] tidak dapat apa-apa.

Jadi mungkin agaknya sudah sampai masa dan ketikanya Kementerian Pertanian mengubah pendekatan. Memang pihak Menteri dan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan pihak KSU di atas memang bersemangat besar tetapi pihak pelaksanaan di bawah tidak bertemu dengan akar umbi. Tidak sampai. Jadi penemuan yang begitu besar faedahnya tidak dapat dirasai oleh golongan petani-petani yang miskin di luar bandar. Jadi bagaimana hendak kita serahkan penemuan ini sampai ke bawah? Ambil contoh Tan Sri, Dasar Pertanian Kebangsaan Ketiga (MPP3) orang kampung tidak tahu dan tidak kenal. Apakah dasar kebangsaan apabila hendak dilaksanakan, kumpulan sasaran tidak kenal macam mana mereka hendak terima? Siapa yang harus dipersalahkan? Kerajaan tidak perlu dipersalahkan tetapi pelaksanaan ke bawah tidak sampai, ini masalahnya.

Timbalan Menteri saya tahu dia akan jawab dengan cantik molek tetapi itu belum dapat menyelesaikan masalah. Masalah kita ialah petani kita masih tetap miskin, ketinggalan di luar-luar bandar. Terima kasih Tan Sri kerana memberi saya soalan yang tepat kepada orangnya kerana saya datang daripada kumpulan petani, kawasan luar bandar. Terima kasih dan panjang umur Tan Sri.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Gading. Ini teguran yang membina. Kita terima teguran ini. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, penyelidikan dan pembangunan ini dibuat oleh MARDI kemudian MARDI akan pindahkan kepada Jabatan dari agensi. Untuk pelaksanaannya diserahkan kepada Jabatan Pertanian, Jabatan Haiwan, Jabatan Perikanan dan sebagainya. Dari segi penyelidikan dan pembangunan dibuat oleh MARDI. Pemindahan kepada kumpulan sasar itu dibuat melalui Jabatan – Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan sebagainya Jabatan-jabatan yang di bawah Kementerian Pertanian.

Kementerian sekarang ini telah mengubah cara pendekatan. Sekarang ini kita namakan MoA-ing dengan izin. Pendekatan Kementerian Pertanian Bersepadu bukan lagi dibuat bersendirian oleh satu jabatan. Pendekatan yang dijalankan sekarang adalah pendekatan yang melibatkan pasukan daripada Kementerian Pertanian di mana semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian terlibat di dalam sesuatu projek Kementerian Pertanian. Umpamanya projek Taman Kekal Pengeluaran Pertanian yang melibatkan satu kawasan pertanian untuk mengeluarkan sayur-sayuran secara komersial bukan sahaja tugas itu terletak di bahu Jabatan Pertanian semata-mata tetapi melibatkan jabatan-jabatan lain bukan sahaja dari segi pengeluaran. Dahulu mungkin kita bercakap soal *production*, kita lupa tentang soal pemasaran tetapi pada hari ini kita bukan sahaja bercakap tentang pengeluaran tetapi kita juga bercakap soal pemasaran.

Pada masa sekarang Yang Berhormat Menteri mengarahkan supaya semua kita untuk turun ke padang bukan banyak duduk di Kuala Lumpur, bukan banyak di pejabat tetapi banyak di lapangan bagi melihat sendiri kemajuan yang telah berlaku ataupun kegagalan. Apa yang berlaku di lapangan apakah projek itu berjaya ataupun projek itu gagal. Kita ingin berjumpa dengan lebih banyak kumpulan sasar bagi mendapat maklum balas. Saranan Yang Berhormat daripada Sri Gading itu amat dihargai oleh kementerian. Terima kasih.

4. Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah tindakannya untuk mempromosikan Kerajaan Melayu Hindu Kedah sebagai Kerajaan Melayu Tertua di Malaysia. Berapa tahun kah umur candi-candi dan artifak yang lain terdapat di Lembah Bujang, Merbok, Kedah Darul Aman sebagai lambang dan mercu tanda keagungan tersebut.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, Lembah Bujang di Merbok, Kedah Darul Aman adalah merupakan Kerajaan Melayu Tertua Pra-Islam yang amat penting dari sudut sejarah. Kementerian Kebudayaan,

Kesenian dan Warisan melalui Jabatan Muzium Antikuiti telah membangunkan prasarana pemuziuman yang menarik yang mempamerkan jumpaan artifak termasuk tinggalan tapak candi yang menggambarkan tentang keagungan Kerajaan Melayu Tertua tersebut. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengatur beberapa program bagi mempromosikan Lembah Bujang seperti menyediakan brochure, menerbitkan buku-buku dan mengadakan program lawatan berpandu kepada pelajar-pelajar sekolah.

Selain dari itu, program-program khas seperti “Jom Ke Lembah Bujang” yang dijalankan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah, Majlis Daerah Kuala Muda dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri Kedah telah dibuat bersempena dengan perlumbaan motor *cross* lasak di litar berdekatan dengan muzium tersebut. Lembah Bujang dipercayai wujud pada kurun keempat Masihi dan menemui zaman kemuncaknya pada kurun ke sepuluh hingga kurun ke tiga belas Masihi. Kemasyhurannya mula menurun pada kurun ke empat belas Masihi. Umur ini adalah berdasarkan kepada penemuan batu bersurat di Ceruk Tukun, Pulau Pinang dan Bukit Mariam, Kedah serta artifak lain seperti seramik Cina, bahan kaca dari Timur Tengah, manik-manik dari India dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Soalan tambahan, adakah kerajaan bercadang mengadakan satu pasukan penyelidikan sejarah untuk menulis semula sejarah Kerajaan Melayu Kedah misalnya Merong Mahawangsa, Raja Bersiong kerana Kedah mempunyai sejarah yang begitu banyak dan Kedah dahulunya dan juga Penang termasuk Satoon hingga ke Ranom di Myanmar. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat daripada Langkawi. Berkenaan dengan sejarah-sejarah silam, Lembah Bujang berasaskan daripada penemuan-penemuan yang dibuat oleh pakar kaji purba. Berkenaan dengan sejarah yang lebih terperinci berkenaan sejarah silam Kedah, ini akan dibuat oleh pakar sejarah dan bukan oleh kementerian. Sekian, terima kasih.

5. Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bercadang untuk memperkenalkan sistem insurans bagi peminjam-peminjam yang telah meninggal dunia dan sejauh manakah prestasi bayaran balik pinjaman oleh waris bagi peminjam-peminjam yang telah meninggal dunia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, PTPTN sebenarnya telah pun memasukkan

elemen insurans di dalam proses pinjaman pendidikan yang diagihkan kepada semua pelajar yang berjaya mendapat tajaan PTPTN. Oleh yang demikian, sekiranya pelajar meninggal dunia isu berkaitan prestasi bayaran balik yang meninggal dunia tidak timbul dan menjadi masalah kepada waris ataupun penjaga kerana tuntutan oleh PTPTN akan dibuat terus kepada syarikat insurans yang dilantik.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini terdapat seramai 68 orang pelajar tamat pengajian yang telah pun dilaporkan meninggal dunia oleh keluarga masing-masing. Seramai 416 orang pelajar di dalam pengajian mereka telah pun dilaporkan telah meninggal dunia. Jumlah keseluruhannya seramai 484 orang pelajar tajaan PTPTN telah dilaporkan telah meninggal dunia. Bagi kes-kes seumpama ini PTPTN telah dan sedang mendapatkan tuntutan dari pihak insurans yang dilantik. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh pelajar-pelajar yang telah meninggal dunia ini. Amin.

Tuan Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berhubung dengan bayaran balik pinjaman ini. Baru-baru ini kita dengar Pengerusi PTPTN mengatakan apabila diberikan pinjaman, ibu bapa kena bayar balik dalam masa tiga bulan. Adakah ini merupakan satu dasar yang akan diterima pakai oleh Kementerian Pengajian Tinggi kerana kita takut nanti bila anak-anak masuk universiti sementara ibu bapa kena masuk jil. Terima kasih.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat dari Pendang. Sebenarnya dasar yang asal kekal iaitu pelajar-pelajar dalam keputusan Bajet 2004 balik pinjaman dimulakan pada tahun ketiga bekerja atau atas kadar 5% daripada gaji untuk lima tahun pertama dan 10% pada tahun berikutnya. Jadi dasar yang diumumkan baru-baru ini tidaklah memberikan kita sebarang masalah sebenarnya sebab kita kekal dengan dasar yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kita sedar bahawa sebagai salah satu badan yang bakal menjadi global *player*, *return on investment* atau ROI menjadi perkara yang penting. Sesungguhnya pengumuman Perbadanan pada bulan Ramadhan yang lepas telah pun mencetuskan satu topik perbualan yang hebat mengatasi peristiwa di Selatan Thailand apabila ibu bapa terpaksa membayar balik setelah tiga bulan membuat pinjaman.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, jadi di sini kita dapat melihat bagaimana sebuah badan yang cemerlang terpaksa mengambil kira kepentingan peminjam pada masa yang sama memikirkan keuntungan. Apa yang saya dapat lihat setelah keputusan yang dibuat oleh pihak perbadanan, oleh sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita meletakkan kepentingan peminjam di atas segala-galanya, segala keputusan itu telah berubah. Ini mungkin telah memberikan sedikit calar ataupun *dented* kepada Perbadanan. Keputusan yang dibuat tanpa merujuk saluran-saluran yang tertentu. Apakah komen Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kewibawaan Perbadanan ini kerana kita yakin penyumbang-penyumbang tentu rasa curiga terhadap sumbangan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Adham bin Baba: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tangga Batu. Bayangkanlah pinjaman yang terlibat sebanyak RM7.3 bilion bagi menampung 600,000 pelajar dan dalam sedar negara manakah yang boleh menandingi negara ini yang bermurah hati sanggup menanggung beban kewangan semata-mata untuk menjadikan rakyatnya berpendidikan tinggi dan prestasi kutipan pinjaman PTPTN setakat Ogos 2004 adalah sekitar 18% ataupun RM72 juta berbanding dengan RM7.3 bilion dan melibatkan seramai 28,629 orang peminjam sahaja yang telah membuat pembayaran balik.

Ini diharapkan dapat membuka ruang pemikiran kepada anak-anak kita yang belajar di pengajian tinggi sama ada di IPTA atau di IPTS untuk memikirkan masalah yang kita hadapi pada masa depan ialah untuk membiayai pengajian tinggi untuk adik-adik mereka pada masa depan. Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Tangga Batu bahawa kerajaan berharap dengan langkah-langkah yang diambil dan akan diambil terhadap pelajar-pelajar ini sebenarnya akan memberikan pulangan kepada prestasi kutipan balik pinjaman. Antara langkah-langkah yang diambil ialah kita mengeluarkan notis arahan bayaran balik, notis peringatan dan *letter of demand* dan *trend* bayaran balik sekarang menunjukkan kebanyakan pelajar tidak akan membuat bayaran balik walaupun selepas enam bulan sekiranya tidak mendapat notis arahan bayaran balik.

Kita juga telah memperbanyakkan tempat dan kaedah bayaran balik kepada pelajar-pelajar, pada awalnya kita memulakan dengan mengutip melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri ataupun di PTPTN tetapi telah pun kita lanjutkan kepada perkhidmatan perbankan, internet dan perkhidmatan kaunter bank seperti di Maybank, Bank Bumiputera, Bank Islam, Rashid Hussin dan sehinggakan kita membenarkan bayaran minimum hingga RM50 untuk pelajar-pelajar yang telah pun

bekerja secara kontrak ataupun baru memulakan pekerjaan mereka dan akhirnya kita telah pun mengadakan taklimat kesedaran bayaran balik pinjaman kepada pelajar-pelajar. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Ahmad Shabery bin Cheek [Kemaman] minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan bercadang mengeluarkan pasport terhad yang lebih murah berbanding pasport antarabangsa, khusus untuk umat Islam mengerjakan umrah dan haji di Tanah Suci.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat setakat ini kerajaan belum ada cadangan untuk mengeluarkan pasport Malaysia terhad khusus untuk umat Islam mengerjakan umrah dan haji di Tanah Suci. Walau bagaimanapun kerajaan mengambil maklumat akan cadangan ini. Sekianlah, terima kasih.

Tuan Ahmad Shabery bin Cheek: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Soalan tambahan daripada saya ialah berapa banyakkah pasport yang dikeluarkan khusus kepada mereka yang menunaikan fardu haji dan juga umrah setiap tahun dan beberapa ramaikah di kalangan mereka yang menggunakan pasport tersebut hanya sekali sahaja kerana ini perlu untuk kita mengetahuinya memandangkan bahawa banyak di kalangan orang-orang kampung, orang tua yang miskin hanya ke tanah Suci Mekah ke Saudi Arabia hanyalah untuk sekali dan tidak wajar mereka dipaksa untuk membuat pasport antarabangsa yang mahal harganya. Jadi, itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini warga Malaysia yang berhasrat untuk ke luar negara termasuklah yang mengerjakan umrah dan haji di Tanah Suci adalah menggunakan pasport antarabangsa Malaysia dan mengenai bilangan yang pergi mengerjakan haji dan umrah, saya akan jawab secara bertulis dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi umat Islam yang mendaftar dan mengerjakan haji melalui tabung haji akan dikeluarkan pasport haji. Pengurusan pengeluaran dan pembayaran pasport tersebut adalah di bawah Tabung Haji. Kadar bayaran adalah termasuk dalam pakej yang dikenakan oleh Tabung Haji. Sekianlah, terima kasih.

7. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) apakah dasar kerajaan di dalam memastikan pengurusan syarikat milik Kerajaan terutama Petronas berupaya untuk mencapai status syarikat antarabangsa yang berjaya dengan modal dan aset yang sama dengan syarikat-syarikat gergasi dunia; dan
- (b) apakah strategi Kerajaan di dalam memastikan tenaga pengurusan di kalangan profesional dan industri sokongan syarikat-syarikat ini akan terdiri daripada rakyat Malaysia terutama kaum Bumiputera.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan Petronas mencapai status syarikat antarabangsa yang berjaya dengan modal dan aset yang sama dengan syarikat-syarikat gergasi yang lain, kukuh prestasi kewangan Petronas perlu berterusan untuk jangka masa panjang. Justeru itu Petronas perlu menambahkan nilai hasil minyak dan gas, mengintegrasikan operasi di sektor hulu dan hiliran serta mengembangkan aktiviti-aktiviti perniagaan ke peringkat global.

Selain daripada itu, untuk memastikan tenaga pengurusan di kalangan profesional dan industri sokongan syarikat milik kerajaan terdiri daripada rakyat Malaysia terutama kaum bumiputera, kerajaan akan mempraktikkan strategi pembangunan sumber tenaga manusia. Kerajaan akan memastikan dan membangunkan tenaga manusia terutamanya kaum bumiputera yang berpotensi untuk mengisi sebarang kekosongan jawatan dalam syarikat milik kerajaan dan juga memilih calon-calon berdasarkan kelayakan, kewibawaan dan pengalaman untuk memimpin dan memikul tanggungjawab yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini mengikut perangkaan yang ada revenue yang di perolehi oleh Petronas dalam negeri dan juga luar negara pada tahun 2001 ialah RM73.4 bilion dan untung bersih RM16.5 bilion, 2002 - RM67.2 bilion dan untung bersih RM14.6 bilion, 2003 - RM61.4 bilion dan untung bersih ialah RM15.1 bilion dan setakat ini 2004 Petronas telah memperoleh revenue sebanyak RM97.5 bilion dan untung bersih setakat ini ialah RM23.7 bilion, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang menjelaskan tentang pengurusan Petronas ini, sudah tentu salah satu pemain utama dalam pengurusan, pentadbiran dan prestasi Petronas hari ini ialah tidak lain dan tidak bukan penasihat Petronas itu

sendiri iaitu bekas Perdana Menteri kita. Baru-baru ini ada sedikit kontroversi di mana beliau cuba menjelaskan tentang status dan kedudukan dan kemudahan yang beliau perolehi sebagai penasihat Petronas, adakah Yang Berhormat boleh menyatakan di Dewan ini apakah sebenarnya gaji, elaun dan kemudahan yang diperolehi oleh penasihat Petronas kita ini.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah begitu spesifik, saya perlu notis untuk menjawab soalan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa soal jawab sudah selesai untuk hari ini.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim] dibaca kali yang pertama, akan di baca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Insiden Pembunuhan Umat Islam Di Selatan Thailand

11.08 pagi

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan isu ini adalah perkara tertentu kerana kerajaan Thailand melalui tentera dan polis Thai telah melakukan satu keganasan besar-besaran ke atas umat Islam di Selatan Thai pada 25 Oktober, 2004 yang dikhuatiri menyebabkan lebih 100 kematian penduduk awam yang tidak berdosa.

Perkara ini juga perlu disegerakan kerana ini ialah kali kedua kerajaan Thailand melakukan keganasan ke atas umat Islam. Selepas peristiwa masjid Kerisik pada bulan April, 2004. Sebelum in Thaksin, menjamin peristiwa tersebut tidak akan berulang tetapi selang enam bulan kemudian pembunuhan yang lebih besar berlaku, pembunuhan secara besaran ini jika tidak ditangani dengan segera boleh mengancam nyawa dan keselamatan umat Islam di sana.

Isu ini adalah melibatkan kepentingan ramai kerana isu pembunuhan nyawa umat Islam di Selatan Thailand, selain itu ia juga akan mendorong kepada isu-isu keganasan dan pelarian yang melibatkan politik serantau. Yang menjadi mangsa dalam isu ini ialah Malaysia, ia juga akan menjejaskan kestabilan politik dan ekonomi serantau.

Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas saya merasakan dan mencadangkan usul ini amat penting untuk dibahaskan dalam Dewan yang mulia pada hari ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu memberitahu iaitu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada ahli Yang Berhormat bagi kawasan Kubang Kerian pada 20 November, 2004.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah satu perkara yang tertentu. Syarat yang kedua ialah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah berkehendakkan disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (a) Tertentu – perkara ini ialah perkara yang tertentu;
- (b) Kepentingan orang ramai – ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (c) Berkehendakkan disegerakan - perkara ini juga perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. Mengikut Peraturan Mesyuarat 18(3)(b), Usul ini hendaklah ditempokkan hingga pukul 4.30 petang nanti dan ia akan ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan usul ini selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit. Sekian.

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2005
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. **[Hari kesebelas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

Maksud B. 41 [Jadual] –
Maksud P. 41 [Anggaran Pembangunan 2005] –

Tuan Pengerusi: Kementerian Pelajaran. Yang Berhormat bagi Bukit Gantang.

11.13 pagi.

Cik Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum itu saya ucapkan tahniah atas pemilihan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh perkara 010000 – Pengurusan Kementerian di bawah Butiran 010400 – Pembangunan dan Perolehan dan 010700 – Pengurusan Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, sejak kita bersidang dalam Parlimen, banyak di kalangan Ahli Parlimen kita telah menyuarakan rasa bimbang dan tidak puas hati terhadap Kementerian Pelajaran, yang kurang prihatin terhadap pembekalan infrastruktur dan kemudahan pendidikan di sekolah-sekolah terutamanya di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di mana bangunannya sungguh daif, dengan bumbung yang bocor, kerusi meja yang serba kekurangan, berlubang, bergoyang-goyang dan persekitaran yang daif ini adalah sebenarnya amat tidak sesuai untuk proses P&P.

Saya amat berharap Menteri.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingin memberi makluman bahawa perbahasan ini adalah kepada Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41. Sila teruskan, sila sambung.

Cik Tan Lian Hoe: Okay, saya amat berharap Menteri Pelajaran dapat membuat lawatan ke sekolah-sekolah terutamanya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil di seluruh negara. Bak kata pepatah, *seeing is believing*, dengan izin. Keprihatinan Kementerian Pelajaran amat diperlukan untuk mengatasi masalah ini. Janganlah katakan atau memberi alasan bahawa sekolah-sekolah ini adalah sekolah bantuan modal. Janganlah kita menganaktirikan sekolah-sekolah ini kerana sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil ini sebenarnya anak-anak murid yang belajar juga adalah anak-anak rakyat Malaysia dan dari bangsa Malaysia dan merekalah yang sebenarnya merupakan harapan bangsa dan negara kita yang akan memberi sumbangan yang banyak kepada pembangunan dan kemajuan negara kita.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tidakkah kita sebenarnya ingin melihat bahawa anak-anak di sekolah tanpa mengira bangsa dan agama serta kaum cemerlang dan gemilang dalam memartabatkan negara kita ke arah pendidikan yang gemilang dan terbilang. Oleh itu, saya amat mengharapkan apa kemudahan yang dinikmati oleh anak-anak di sekolah-sekolah kebangsaan juga perlulah dinikmati juga oleh anak-anak di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil.

Tuan Pengerusi, dalam Butiran 010700 – Pengurusan Sumber Manusia, nampaknya Kementerian Pelajaran juga gagal dalam pengurusan sumber manusia terutamanya guru-guru di sekolah. Kalau dahulu guru amat dihormati dan disegani oleh masyarakat, tetapi pada hari ini, kalau kita lihat balik bahawa masyarakat dan ibu bapa kurang yakin terhadap kebolehan guru-guru. Guru-guru hari ini dikritik, dicaci dan tidak disegani kerana kelalaian atau tidak sengaja melaksanakan tugas mereka dengan baik. Disiplin, kebolehan dan semangat guru pada hari ini amat diragui oleh masyarakat kerana semangat mereka semakin hari semakin luntur. Realitinya pada hari ini, ada di kalangan pelajar-pelajar lepasan SPM masih lagi buta 3M – tidak tahu membaca, menulis dan mengira selepas mereka berada di bangku sekolah selama 11 tahun.

Realitinya juga kalau kita lihat guru-guru hari ini, ada yang masuk lambat ke kelas, keluar awal, tidak masuk ke kelas langsung, ada yang masuk kelas tetapi tidak ada P&P, tidak pandai mengajar dan ada yang bersikap begitu malas sehingga anak-anak murid balik ke rumah mengadu kepada ibu bapa bahawa guru tidak mengajar di sekolah dan apa yang berlaku pada hari ini, ibu bapa menaruh keyakinan kepada guru-guru tuisyen di luar dan inilah kegagalan pendidikan negara kita. Anak-anak pergi ke sekolah, tetapi mereka tidak diajar.

Ini berlaku disebabkan kerana sikap mereka, tidak adanya pemantauan daripada pihak guru besar, pengetua, pegawai pendidikan dari Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri, nazir-nazir negeri dan juga nazir-nazir Persekutuan. Mereka sibuk dalam hal yang lain tetapi *core-business* tidak dijaga dengan baik. Oleh itu, akibat daripada keadaan inilah pada hari ini keruntuhan disiplin dan moral di kalangan anak-anak kita di sekolah. Mereka tidak berminat untuk belajar, mereka tidur di dalam kelas dan masalah ini telah pun menjadi masalah sosial dalam masyarakat dan juga di negara kita. Saya amat mengharapkan bahawa Kementerian Pelajaran terutamanya Menteri dan Timbalan Menteri dapatlah turun untuk memberi input yang lebih bermakna dan kita juga amat mengharapkan bahawa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Cik Tan Lian Hoe:guru-guru.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, segala yang disampaikan memang ada di dalam ucapan dasar dan kita di peringkat Jawatankuasa.

Cik Tan Lian Hoe: Boleh saya teruskan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Cik Tan Lian Hoe: saya juga amat mengharapkan bahawa pemantauan yang lebih serius daripada pihak kementerian dan begitu juga dari segi pelaksanaan peperiksaan negara kita. Pada hari ini kita rasa amat sedih dan menjadi bahan ketawa masyarakat kerana boleh dikatakan bahawa peperiksaan UPSR, PMR dan SPM pada hari ini berlaku kebocoran, kualiti peperiksaan yang telah dipertikaikan.

Saya amat mengharapkanlah bahawa Kementerian Pelajaran melihat ini sebagai sesuatu yang serius. Begitu juga kalau kita lihat pada hari ini pelajar yang mendapat keputusan yang begitu cemerlang tetapi sebenarnya kualitinya semakin merosot disebabkan kerana markah lulus untuk sesuatu mata pelajaran semakin hari semakin direndahkan. Di mana kita dapati bahawa ada pelajar yang dapat A1 dalam

Bahasa Inggeris tetapi tidak dapat berbahasa dalam Bahasa Inggeris. Bermakna di sini, kalau kita lihat pendidikan kita pada hari ini kualitinya adalah amat rendah sekali. Oleh itu, saya amat mengharapkan Kementerian Pelajaran dapat melihat perkara ini dengan secara mendalam, terperinci dan serius. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ayer Hitam.

11.22 pagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di bawah Butiran 020700 - Pendidikan Guru. Kalau kita melihat cadangan atau perancangan yang telah direncanakan oleh Kementerian Pelajaran salah satu program yang penting ialah Program Pensiswazahan Guru menjelang tahun 2010. Saya melihat perkara ini adalah satu perkara yang perlu kita rancang daripada sekarang dan saya melihat dari segi pendidikan guru yang ada sekarang kita masih lagi tidak dapat memenuhi kehendak semasa.

Saya mengambil contoh, baru-baru ini ada ura-ura bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan Cina itu mengalami kekurangan guru yang begitu serius sekali dan ianya memerlukan perhatian daripada pihak Kementerian Pelajaran. Dalam konteks ini, sekalian guru-guru ini merayu supaya Kementerian Pelajaran ini dapat membuka kelas ataupun Kursus Dalam Cuti (KDC) seperti mana yang telah diadakan pada tahun 2000 sampai 2002. Sebelum ini KDC mengambil peserta seramai 1000 orang. Akan tetapi pada tahun lalu, ianya telah diubah konsep yang diumumkan pada November 2003 bahawa satu kursus yang dinamakan LPBS (Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah) ini telah diperkenalkan dan telah mengambil 406 orang peserta yang mengambil aliran bahasa Cina di mana mereka ini akan menjadi bakal guru dalam Sekolah Jenis Kebangsaan Cina.

Tetapi pada tahun ini, perkara ini tidak diumumkan. Saya melihat perkara ini sebagai satu perkara yang amat perlu dan merupakan satu kewajipan Kementerian Pelajaran kerana kita lihat menjelang tahun 2010, 50% daripada guru adalah siswazah tetapi 50% lagi bukan siswazah. Kalau kita lihat, dengan menutup kursus ini ataupun diumumkan tidak mengambil peserta pada tahun ini, menjelang 2010 kita akan ketandusan guru.

Jadi, masalah ini perlu kita lihat sekarang dan masyarakat sekarang menunggu sama ada pihak Kementerian Pelajaran dapat membuka ataupun memperkenalkan kursus pada tahun ini kerana tahun lalu ada LPBS, tahun ini belum

lagi diumumkan bagaimana pengambilan pada tahun ini. Saya rasa ini adalah satu perkara yang amat penting perlu perhatian daripada pihak Kementerian Pelajaran.

Mengikut statistik yang telah dibuat oleh guru-guru sekalian di Malaysia merangkumi 1,280 buah SKJC iaitu seramai 2,550 guru sandaran yang mahu memasuki LPBS. Mereka ini bukanlah kelulusan ijazah daripada universiti tetapi mereka hanya mempunyai kelayakan SPM dan STPM. Mereka mahu menjadi guru bukan siswazah dan mereka ini merupakan 50% daripada guru yang akan dibekalkan menjelang tahun 2010.

Maka dalam konteks ini kita perlu satu pendekatan yang lebih holistik bukan sahaja guru siswazah atau guru bukan siswazah, kita tidak boleh berhentikan kursus sebegini. Jadi saya minta Kementerian Pelajaran dalam tempoh seminggu dua ini kita buat satu keputusan supaya kita nampak kesinambungan untuk melatih guru-guru dan kekurangan guru di Sekolah jenis Kebangsaan Cina itu merupakan satu masalah yang hangat diperbincangkan selama ini.

Saya melihat masalah ini menjelang tahun 2010, guru besar-guru besar di SKJC ataupun SKJT mereka ini DGA41 mempunyai kelayakan sebagai seorang siswazah. Sekarang kita melihat DGA34 atau 32 ini adalah orang yang tidak mempunyai kelayakan universiti. Maka dalam konteks ini, apabila kita hendak mengubah daripada DGA34 kepada DGA41, kita perlu melakukan sesuatu. Sistem pengagihan dan perancangan yang lebih teratur dalam pendidikan guru ini perlu kita titik beratkan. Jika tidak, satu hari nanti saya takut kita tidak dapat guru dan guru-guru yang sedang mengajar sebagai guru sandaran nampak mereka tidak ada peluang lagi untuk melanjutkan pelajaran dan tidak boleh menjadi guru yang bertauliah. Maka mereka tidak akan menjadi guru sandaran. Saya berharap, Kementerian Pendidikan ini dapat memikirkan kekusutan yang dihadapi oleh pihak guru.

Satu lagi masalah yang saya ingin bangkitkan kepada pihak kementerian adalah masalah Majlis Peperiksaan Malaysia seperti mana yang pernah saya bangkitkan. Saya lihat dalam butiran ini walaupun peruntukan itu secara *token*, tetapi satu perkara yang ingin saya utarakan kepada pihak Kementerian Pelajaran iaitu Majlis Peperiksaan Malaysia ini perlulah mempunyai kredibiliti dan *accountability* yang baik. Imejnya perlu baik. Kita tidak boleh lihat 19 pelajar di Melaka membuat laporan polis kononnya ada soalan bocor. Kita lihat soalan-soalan yang keluar dalam SPM ataupun PMR ini kadangkala orang mengesyaki ianya tidak ada keaslian.

Jadi, saya minta supaya pihak Kementerian Pelajaran melihat perkara ini secara objektif. Walaupun kita tidak boleh 100% berkata gambar rajah itu tiruan daripada buku latihan yang ada. Tetapi persepsi rakyat terhadap Majlis Peperiksaan Malaysia itu amat penting. Kalau tidak satu hari nanti orang akan kata peperiksaan Malaysia boleh buat *exercise* selepas itu masuk dalam peperiksaan soalan yang sama juga.

Jadi, saya nampak kebarangkalian untuk mengulangi soalan yang sama itu memang terlalu sedikit. Kita melihat perkara ini secara objektif dan menerima kritikan daripada pelbagai pihak dengan secara terbuka. Inilah masanya untuk kita menegarkan imej Majlis Peperiksaan Malaysia.

Satu perkara lagi, saya minta apabila SPM ataupun STPM diumumkan nanti janganlah berlaku lagi keputusan F9 telah dibuat rayuan menjadi A1 ataupun mereka dianiaya menjadi keputusan yang paling buruk iaitu gagal. Selepas rayuan baru dapat A1, mereka sudah ketinggalan untuk memohon biasiswa JPA dan sebagainya.

Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana kita sebagai satu negara Malaysia yang maju daripada segi sistem pendidikan kita bertaraf antarabangsa. Perkara ini perlulah diambil perhatian dan saya yakin dengan Menteri Pelajaran yang baru perkara ini dapat kita selesaikan dengan cepat. Dengan itu saya mohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

11.29 pagi

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh dalam Pengurusan Kementerian yang pertama dalam Butiran 010100 - Dasar dan Korporat Kerajaan. Saya hendak bertanya dua perkara dalam soal ini. Adakah program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk menggantikan sekolah-sekolah lama, usang dan buruk di seluruh negeri Sarawak dibuat dan kalau ya, bilakah jangka masa pelaksanaan ini.

Saya hendak bertanya juga, kawasan Santubong di pinggir Kuching masih banyak sekolah-sekolah kayu yang usang, yang buruk, yang tidak cukup kemudahan-kemudahan asas. Amat sedih dan kecewa sekali saya bila sampai ke kawasan ini, kawasan bandar, *suburban area*, dengan izin, Tuan Pengerusi, masih banyak sekolah yang begitu teruk sekali, bukan layak dalam kawasan itu, kawasan yang dikatakan *the center of the tourism industry*, Sarawak, masih *tourism* yang kita

tunjuk ialah sekolah usang, buruk dan hodoh. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya soalan ini, tolong jawab, tidak payah panjang tetapi padat dan tepat.

Yang kedua, persoalan berkaitan dengan dasar kerajaan juga iaitu dasar Sekolah Wawasan, adakah akan dilaksanakan di Sarawak? Kalau ada, adakah akan dilaksanakan di kawasan saya, Santubong? Kalau ya, di mana tempat pelaksanaan itu hendak dibuat?

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada muka 452 iaitu 04000 – Pengurusan Dasar Pendidikan. Ini soal guru. Saya selalu membangkitkan soal guru ini, ada guru yang sudah *twilight*, guru yang telah hidup dalam *sunset era* dia, hidup dalam *declining era* dia, tidak lama lagi hendak pencen, lima ataupun enam tahun dianggap hampir berpencen. Ini memang sudah keadaan manusia, khususnya di negara-negara yang baru membangun. Apabila sudah hampir pencen itu, tidak kisah sangat, prestasi baik tidak buat pun, jaga sendiri sahaja asalkan boleh dapat terima pencen selepas itu. Asalkan buat kerja, cukup makan sahaja.

Saya mendengar hujah Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya tadi, memang bukan semua guru begitu. Kebanyakan guru ini tekun, baik dan sebagainya. Tetapi ada di kalangan mereka ini, Tuan Pengerusi, berbincang soal *direct selling*, soal jual kereta di luar, *business* lain kecil-kecilan, hendak jual cucur pisang, hendak jual goreng pisang, hendak jual macam-macam benda, hendak buka gerai pada bulan puasa, ini benda yang mereka *discuss*.

Telefon berdering bukan soal kementerian dan pendidikan tetapi persoalan apa benda yang boleh dijual, *business*, bukan golongan yang besar, terutama sekali mereka yang sudah hendak cuba aturkan langkah-langkah untuk menjejak alam pencen, alam bersara. Yang Berhormat Dato' tolong tengok soal ini.

Yang kedua pula, dalam era inilah mereka ini mengatakan bahawa kami ini makan garam dahulu, kami in terdidik dahulu, kami ini pandai, kami sudah mengajar banyak orang, banyak yang sudah jadi menteri, banyak yang sudah jadi pegawai. Kalau di Sarawak, ada yang *resident* atau jadi DO, jadi pegawai kanan, bahkan jadi *State Secretary* pun ada, kata dia. Jadi, apa pandai-pandai budak-budak yang baru-baru *graduate* ini bawa idea baru ini, dilatih idea baru menerima pendidikan baru di Maktab Pendidikan Perguruan ini.

Bahkan pendidikan dalam Maktab Perguruan itu amat canggih dan moden *outlook* dia, termasuklah soal-soal interaksi murid dengan guru, termasuklah dengan pengajaran supaya guru jangan menjadi *dessinator of knowledge* tetapi jadi

facilitator of learning. Jadi, guru lama ini tidak hendak terima dasar ini. Dia kata kami sudah banyak ajar orang, tidak pun macam itu.

Murid-murid atau anak-anak zaman moden ini, Tuan Pengerusi, anak saya berumur 11 tahun berbincang soal apa? Surat khabar keluaran hari ini, apa dia kata: Kenapa dia kata macam ini? Kenapa Bush bom Iraq? Kenapa dia marah sangat dengan Islam? Ini budak 11 tahun, Tuan Pengerusi, berbincang macam ini dengan kita. Kalau dia tidak boleh berbincang dengan kita, dia rasa kecewa.

Jadi, guru-guru yang lama ini tidak hendak berbincang dengan anak-anak. Dia kata, "You dengar, *I'm your teacher, I'm cleverer than you. I'm your teacher*, apa yang sebut semua betul."

Jadi, yang jadi *dessinator of knowledge* ini dipandang membantutkan pemikiran anak-anak yang ingin maju. Di satu sekolah yang saya hendak sebut, Tuan Pengerusi...

Cik Fong Po Kuan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu sekejap, Yang Berhormat ya, hampir habis.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tunggu, tunggu sekejap! Ada Sekolah Tuanku Putera yang selalu saya sebut. Tuanku Putera, semua anak murid yang habis UPSR, dia kata, "Cikgu, buatlah satu bilik dengan bawah sana, kita tidak hendak pindah ke sekolah-sekolah lain." Yang sudah masuk seminggu atau dua minggu ke sekolah jenis kebangsaan yang mana guru memikirkan merekalah *the best dessinator of knowledge* ini, semua *knowledge* daripada mereka mesti diterima dan bantahan pemikiran apa sahaja input daripada anak-anak tidak boleh didengar, mengatakan kami hendak balik ke sekolah kami dahulu yang mana kami boleh *achieve excellence* dalam UPSR dan sebagainya.

Sekolah Tuanku Putera baru empat tahun *exist*, Tuan Pengerusi. Tetapi sekarang *one of the best schools in the nation*. Jadi, apa dia punya rahsia? Rahsianya ialah anak murid rasa elok dan senang belajar. Walaupun dia belajar sepenuh masa, dari pagi pukul 7.30 sampai pukul 5.00 petang pun termasuk kurikulumnya, *champion* dalam *football*, *champion* dalam tenis dan *champion* dalam beberapa bidang, tetapi kenapa dalam akademik, dia *excellent* juga. Sebabnya, *the development of the brain*, minda dia digalakkan oleh guru dia, berfikir dan memikir.

Persoalan saya, apakah latihan yang patut kita beri kepada guru-guru yang lama yang mengajar 10 atau 15 tahun ini supaya mengikut arus pemikiran pendidikan dan pembelajaran zaman moden ini yang kementerian hendak buat, tetapi mereka di peringkat bawah ini tidak melaksanakan kerana anak saya umpamanya, masuk ke satu sekolah, mengajar *literature* dan *English*, dia beritahu *Principal* dia soal pengurusan sekolah sebab dia belajar dalam bidang pengurusan, macam mana hendak menguruskan sekolah supaya, kata dia, "Kita punya *time* boleh diselamatkan, pengajaran boleh diselamatkan, semua benda boleh diselamatkan kerana saya belajar dalam bidang ini, bukan bidang perguruan sahaja." Jadi, Guru Besar dia pun kata, "Eh, saya ini Guru Besar, tahu..."

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: ...saya sudah dapat banyak..."

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, Tuan Pengerusi, saya akan gulung. Tidak terima, sampai anak saya pun rasa tertekan, dia kena keluar. Masuk ke Tuanku Putera, alhamdulillah, sekarang mengajar *English* dan *literature* untuk *international class*, budak-budak dari Amerika, dari Europe dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya berharap supaya dasar kerajaan ini jangan apabila sampai ke pertengahan ini tidak diguna pakai oleh guru. Walau macam mana baik sekalipun dasar yang dikeluarkan oleh kementerian dan jabatan kerajaan peringkat atasan, kalau tidak dilaksanakan di peringkat bawahannya, *delivery system* kita hanya *aborted halfway*. Dengan izin, Tuan Pengerusi.

Saya menyokong, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ramai lagi ingin berucap. Bagi membolehkan kita membenarkan seberapa ramai yang boleh, saya terpaksa hadkan masa 5 minit bagi setiap Ahli yang berucap. Yang Berhormat bagi Kuala Krai, sila.

11.38 pagi.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebut butiran guru juga. Pertama saya ingin memberitahu mengenai masalah guru-guru yang tidak cukup.

Saya baru-baru ini berpeluang ke luar bandar di kawasan saya di mana saya telah diberitahu, guru Sekolah Mempelang Jelawang, Ulu Dabong masih kekurangan

guru bahasa Inggeris dan guru Sains. Begitu juga di Sekolah Kebangsaan Manik Urai dan di sekolah kebangsaan yang satu lagi yang saya ingat iaitu di Sekolah Kebangsaan Pahi. Jadi, tiga buah sekolah ini telah pun mengutarakan kepada saya yang gurunya tidak mencukupi, lebih-lebih lagi dalam bahasa Inggeris.

Saya ingin bertanya pihak kementerian, dasar-dasar dahulu yang pernah kita utarakan di pendidikan yang begitu harum dan memuaskan, kenapa sekarang ini kita tidak nampak. Umpamanya, kursus-kursus hujung minggu, kursus-kursus bahasa Inggeris, *key personnel* dan sebagainya ini yang boleh memberi manfaat kepada guru-guru lain dan juga kepada pelajar-pelajar itu sendiri. Bulan Bahasa, Minggu Bahasa yang dibuat begitu hebat pada tahun 80-an masa dahulu, sekarang saya tidak lihat.

Begitu juga *debate*, drama dalam bahasa Inggeris yang telah diatur mengikut kumpulan sebaya sekolah-sekolah, misalnya dalam satu *group* dan satu kumpulan ada enam buah sekolah, diadakan kumpulan sebaya sekolah-sekolah dan di situ pula ditemukan dengan pengetua-pengetua, guru-guru besar dan diadakan *brain-storming* bagi mempertingkatkan prestasi sekolah masing-masing. Dan benda itu saya kira tidak wujud pada masa ini sedangkan benda itu kalau dulunya berfaedah – kita ada *blueprint* di sekolah-sekolah yang boleh kita mengatasi dan adakan kumpulan untuk melihat prestasi sekolah-sekolah yang baik dan sebagainya.

Begitu juga dari segi pelawat-pelawat, nazir-nazir, di mana sekarang? Dan inilah yang kita kira guru ini cuai termasuk guru besar

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ingin saya mencadangkan oleh kerana kita sekarang berada di peringkat Jawatankuasa, jadi ucapan dasar saya fikir Ahli Yang Berhormat fahamlah, tidak sesuai untuk kita kemukakan. Untuk menjimatkan masa di peringkat Jawatankuasa, bukan peluang, masa untuk kita memberikan ucapan secara ucapan dasar.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih. Jadi untuk menggulungnya, saya sekali lagi mengharap pihak Kementerian Pendidikan dapat mengemaskinikan supaya bilangan guru-guru yang tidak mencukupi di kawasan luar bandar dapat dihantar dan sekiranya perlu mereka dibayar elaun khusus demi kepentingan rakyat di luar bandar ini. Saya kira pihak kementerian dapat berbuat demikian demi kepentingan rakyat yang di luar bandar khususnya. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat.

11.42 pagi.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh secara ringkas tiga perkara berkenaan dengan Kementerian Pelajaran. Pertamanya, Butiran 030400 – Pendidikan Islam dan Moral. Mengikut laporan dan prestasi aktiviti yang ada dalam buku ini dinyatakan bahawa dicadangkan rancangan sekolah yang akan melaksanakan J-QAF. Kalau pada tahun 2004 ini sebanyak 30 buah; tahun 2005 dianggarkan 1,210 buah sekolah dan ada laporan-laporan yang berkaitan dengannya.

Soalan saya ialah saya ingin mengetahui daripada pihak Kementerian Pelajaran tentang sama ada satu kajian sudah dibuat untuk mengenal pasti akan masalah-masalah, dan kalau ada, kejayaan-kejayaan rancangan kementerian dan kerajaan untuk menyebarkan penggunaan pengetahuan, ilmu menerusi penulisan Jawi dan bahasa Arab itu. Jadi saya anggap bahawa ini sepatutnya dianggap sebagai perkara yang penting dan saya yakin pihak kementerian pun melihatnya begitu dan oleh sebab itu saya yakin kementerian pun ada membuat kajian untuk mengetahui keberkesanan program ini, dan saya harap kalau boleh kita kongsi bersama supaya kita dapat mengikuti perkembangan dasar kerajaan dalam konsep J-QAF ini.

Keduanya saya ingin merujuk kepada Perpustakaan Negara di bawah Butiran 050000 yang diperuntukkan sekitar RM42 juta untuk tahun akan datang ini. Saya juga ingin mengetahui apakah penggunaan ataupun misalnya berapa ramai penyelidik-penyelidik dalam negara dan dari luar negara yang menggunakan dan memanfaatkan Perpustakaan Negara kita.

Ketiganya soalan saya, setakat mana Perpustakaan Negara mengutip, membeli, menyimpan koleksi buku-buku penting sebagai satu khazanah negara kita dalam bidang pendidikan, dalam bidang ilmu, dalam bidang buku-buku, kitab-kitab, laporan-laporan dan sebagainya. Adakah Perpustakaan Negara ada program ini dan setakat mana ianya berjaya?

Keempatnya, Tuan Pengerusi ialah bawah Butiran 070000 – Dewan Bahasa dan Pustaka. Saya secara umumnya melihat bahawa keberkesanan, peranan dan moral DBP itu menurun beberapa tahun akhir ini berpunca daripada beberapa perkara, termasuklah yang agak pentingnya dasar kerajaan untuk tidak lagi menggunakan bahasa Malaysia dalam mata-mata pelajaran penting seperti ilmu

Sains, Matematik yang dialihkan ke bahasa Inggeris dengan anggapan bahawa bahasa Melayu tidak cukup moden, tidak cukup cekap, tidak cukup wibawa untuk menjadi bahasa pengantar untuk ilmu-ilmu penting seperti Sains dan Matematik itu.

Daripada laporan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam buku ini juga, misalnya di bawah tajuk "Hasil Penyelidikan Bahasa, Manuskrip" menurun tahun 2003 – 19; tahun 2004 – 18; tahun 2005 dianggarkan hanya 12. Ini kebimbangan saya. Adakah kita benar-benar melihat bahawa peranan dan fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka semakin menurun, tidak diberikan tempat dan kedudukan yang penting, tidak ada lagi keutamaan yang diberikan oleh kerajaan tentang peranan Dewan Bahasa dan Pustaka itu. Itu sahaja soalan-soalan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

11.46 pagi.

Tuan Ling Ban San [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tiga perkara. Yang pertama di bawah Butiran 020300 – Pendidikan Rendah; Butiran 020400 – Pendidikan Menengah dan Butiran 020700 – Pendidikan Guru. Kita telah dimaklumkan dalam akhbar bahawa terdapat bangunan-bangunan sekolah menengah dan sekolah rendah yang sudah siap dibina disimpan dan dibiarkan selama dua hingga tahun seperti di Tanjung Puteri Resort dalam kawasan Parlimen Tebrau sehingga bangunan itu rosak kerana vandalisme. .

Soalan saya ialah adakah kementerian sudah siasat sebab berlakunya gejala seperti ini? Perkara seperti ini sangat menarik minat rakyat. Mereka sering bertanya mengapa tempat kita yang kekurangan bilik darjah itu tidak dibina, manakala bangunan sekolah yang baru ditinggalkan pula begitu sahaja di tempat lain. Mengapa membina jika tidak diperlukan? Jadi soalan yang dikemukakan rakyat itu memang benar kerana kita telah pun menerima permintaan bantuan dari sekolah-sekolah yang serba kekurangan dari segi fizikal, dari segi bilik darjah, sekolah yang memerlukan bangunan baru yang lebih selesa tetapi tidak diberi perhatian. Contohnya di Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Mount Austin di kawasan Tebrau.

Jadi saya cadangkan supaya kementerian lebih prihatin tentang masalah-masalah sekolah yang bangunannya sudah di dalam keadaan yang daif dan diberi bantuan dengan segera dan kerajaan harus menggalakkan penglibatan orang ramai khasnya mereka yang berkemampuan untuk membantu membangunkan sekolah dengan memberi pengecualian cukai pendapatan atas derma yang disumbangkan terhadap pembinaan sekolah. Saya percaya lebih ramai orang kaya sanggup

menghulurkan sumbangan sebagai obligasi sosial mereka jika digalakkan oleh kerajaan.

Yang kedua, saya ingin menyentuh tentang sekolah-sekolah yang telah memohon pembinaan bilik darjah dan diminta permohonan mereka dimasukkan ke dalam RMK-8. Contohnya Sekolah Penyu Lima di kawasan Tebrau tetapi sehingga sekarang belum ada berita yang baik dan mereka terus meminta supaya permohonan untuk menambahkan bilik darjah dimasukkan dalam RMK-9. Jadi saya minta kementerian memberi perhatian tentang keperluan oleh Sekolah Penyu Lima di kawasan Tebrau.

Yang ketiga, saya ingin menyentuh tentang gaji pensyarah yang berkelayakan Ph.D. di maktab-maktab perguruan. Pada masa ini pensyarah-pensyarah yang mempunyai Masters atau Ph.D di maktab-maktab perguruan tidak diberi ganjaran dalam bentuk kenaikan gaji, kenaikan pangkat. Saya rasa ini tidak selaras dengan matlamat kementerian untuk menggalakkan pensyarah-pensyarah memperoleh kelayakan yang lebih tinggi, meningkatkan mutu profesional mereka supaya dapat kita menghasilkan guru-guru yang lebih bermutu, yang berkelayakan.

Jadi saya harap golongan pensyarah yang mempunyai kelayakan Master dan PHD itu harus diberi ganjaran dari segi kenaikan gaji atau kenaikan pangkat. Dengan itu sahaja saya memohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Terengganu

11.50 pagi

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya suka tarik perhatian ahli Dewan berhubung dengan maksud Bekalan Pembangunan 41 bahawa kebelakangan ini Kementerian Pelajaran khususnya mendapat peruntukan hampir 28% sehingga 25% daripada keseluruhan *budget* negara. Saya minta kalau boleh biar ada satu kajian dibuat, apakah sumbangan yang besar *budget* negara ini mendatangkan kesan kepada DGP kita ataupun *Cross Domestic Product* kita. Berapa peratuskah peningkatannya daripada jumlah perbelanjaan yang besar yang telah diberikan kepada Kementerian Pelajaran supaya dapat kita lihat apakah *investment* kita itu mendatangkan pulangan-pulangan yang sepatutnya dari segi *cost effective* dan kos berkesan.

Perkara yang kedua ialah saya cukup menarik apabila saya hendak menyentuh berhubung dengan 02000 iaitu tentang pendidikan rendah dan menengah ini.

Saya ingin tarik perhatian ahli dewan berhubung dengan satu kenyataan daripada *The United State Commission On National Security* dengan mereka melihat bahawa kepentingan pendidikan itu sebagai *National Security Of The first Order*. Ini menunjukkan kepada kita bahawa betapa pentingnya pendidikan itu dan di dalam konteks ini saya kira Kementerian Pelajaran dan juga Pengajian Tinggi harus meletakkan *a proper prospective* dengan izin di atas aktiviti-aktiviti pendidikan dan pengajian tinggi agar kita dapat bersaing di pentas global dan antarabangsa.

Yang seterusnya saya ingin tarik perhatian berhubung dengan 02077 tentang pendidikan 'Goh'. Ini adalah merupakan satu perkara yang penting dalam usaha kita dalam memastikan guru-guru kita benar-benar berkualiti. Guru-guru yang berkualiti ialah guru-guru yang senantiasa belajar sepanjang hayat. Oleh hal demikian supaya guru-guru kita ini setiap seorang dari guru-guru kita ini mesti dihantar untuk meningkatkan kursus peningkatan profesional mereka. Setidak-tidaknya sekali atau dua kali setahun. Ini untuk memastikan ibarat guru itu air yang mengalir bukan air yang berkeladak yang *stagnant* itu yang menyebabkan mereka akan ketinggalan tidak banyak tahu tentang perkembangan-perkembangan semasa.

Seterusnya saya mencadangkan kalau boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Prestasi dan juga kewibawaan guru dalam proses *determination of information* dan juga dalam etika kerja mereka tergugat kerana ada pilih kasih dan juga ketidakadilan dalam proses peningkatan pangkat dan juga pelbagai perkara di mana ada guru-guru rasa bahawa sistem-sistem kenaikan gaji dan sebagainya tidak adil oleh kerana golongan-golongan atasan itu dia suka pilih mana yang dia mahu.

Bagai manakah ini dapat dikurangkan demi menjamin supaya perguruan itu dan kemurniannya sentiasa terjamin.

Dato' Razali bin Ismail: Di sini bahawa kalau sekiranya kita ada *bar council, law council* saya ingin mencadangkan *teachers council* sebagai satu badan untuk mengawal dari segi prestasi, dari segi perkembangan dan juga dari segi gaji bermacam-macam lagi itu harus di bentuk satu *council* guru untuk kita mengawal dari segi etikanya dari segi profesionalismenya. Seterusnya saya ingin mencadangkan di sini supaya tiada anak-anak kita yang ketinggalan dalam pelajaran seperti yang di bangkit tadi. *No child is left behind* supaya setiap guru kita

bertanggungjawab untuk memastikan ini merupakan potensi dan potensi ini harus dijaga, dikawal dengan sebaik mungkin.

Seterusnya saya ingin tarik perhatian berhubung dengan kurikulum 020800 iaitu berhubung dengan kurikulum. Apa yang saya dapat kesan sekarang ini seolah-olah terdapat satu sindrom *one size fits all* yakni kurikulum itu seolah-olah di lihat sebagai seragam. Kadang-kadang tidak tepat dan tidak mengenai keperluan anak-anak kita terutamanya anak-anak luar bandar itu. Oleh hal yang demikian kurikulum itu harus digubal berdasarkan kepada keperluan, berdasarkan kepada *multiple intelligence* dengan izin supaya ia benar-benar dapat memugar segala *capacity* dan segala bakat-bakat yang sedia ada di kalangan anak-anak kita. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran

11.54 pagi

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di kawasan saya PPD dijemput hadir mesyuarat, kita hadir mesyuarat pembangunan daerah, mesyuarat tindakan daerah. Banyak perkara yang kita ingin tahu berhubung dengan sekolah, tentang pencapaian sekolah, tentang pencapaian Sains, tentang pencapaian Matematik, Bahasa Inggeris dan sebagainya. Kita difahamkan bahawa semua maklumat ini adalah maklumat-maklumat yang sulit yang pada peringkat daerah, permohonan daerah juga tidak boleh diketahui kerana itu PPD memilih untuk tidak menghadirkan diri di mesyuarat.

Saya ingin tahu adakah ini satu arahan dan jika ianya bukan dan jika ianya adalah disebabkan oleh tindakan PPD saya ingin perkara ini diperbetulkan oleh Kementerian Pelajaran.

Saya melihat sekarang ini bahawa guru-guru besar diimpoweredkan, diberikan kuasa yang begitu luas dalam melaksanakan dasar-dasar pelajaran. Dalam mengeluarkan peruntukan kerajaan seperti peruntukan bantuan sekolah, bantuan tuisyen, bantuan *one off* dan sebagainya.

Tetapi kita melihat pada peringkat ini juga, pada peringkat guru besar juga masyarakat luar, pemimpin luar, agensi luar, jabatan-jabatan kerajaan yang luar daripada pendidikan tidak dilibatkan sama oleh guru besar dalam menentukan siapa peserta yang layak, pelajar mana yang layak, pelajar mana yang harus dibantu. Sedangkan kita melihat bahawa ada orang yang lebih mengetahui daripada guru besar. Perkara ini juga saya ingin kementerian lihat dan *ratified* kan, perbetulkan

agar peserta yang terlibat yang diberi bantuan daripada kementerian dapat dilaksanakan dan disalurkan kepada peserta yang benar-benar tepat.

Saya mahu melihat bahawa penglibatan pemimpin-pemimpin tempatan termasuklah pejabat daerah, tindakan daerah, pembangunan daerah akan memberikan sumbangan input yang lebih baik terhadap pemilihan peserta-peserta yang dibantu oleh kerajaan melalui Kementerian Pelajaran ini. PPD, guru besar harus melibat samakan diri dalam pembangunan daerah. Itu saya minta diperbetulkan oleh kementerian.

Perkara lain adalah mengenai rumah guru, 3 tahun lalu Setiausaha Parlimen ketika itu sekarang Timbalan Menteri mengatakan bahawa setiap sekolah-sekolah baru yang dibina dia akan tentukan rumah guru akan dibina sama. Saya melihat perkara ini mungkin berlaku di sini tetapi ia tidak berlaku di kawasan saya. Sebuah sekolah baru Sekolah Menengah Pekan (2), SMK Pekan (2) Beluran sekarang ini dalam peringkat akhir pembinaannya dan dijangkakan akan beroperasi pada tahun depan.

Saya dimaklumkan bahawa dalam *full capacity* operasi sekolah menengah ini, dia akan menempatkan 80 hingga 100 guru dalam sebuah sekolah. Masalahnya Tuan Pengerusi, sekolah ini tidak dibekalkan dengan rumah guru. Pekan Beluran tidak ada perumahan untuk menampung guru-guru yang akan ditempatkan di sekolah ini. Saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh kerajaan, kementerian untuk menentukan masalah tempat tinggal tidak menjadi masalah apabila SMK Pekan (2) ini dioperasikan tahun depan atau tahun-tahun seterusnya.

Di pekan Beluran tidak ada rumah untuk di sewa dan saya tidak mahu melihat Tuan Pengerusi, apabila sekolah ini beroperasi masalah penginapan guru-guru akan menjadi satu masalah yang menghalang kepada pencapaian yang baik untuk sekolah yang baru ini. Tuan Pengerusi banyak sekolah yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia ke-8 di kawasan Beluran, SMK Balapan Jaya, SMK Hulu Sapi, SMK Simpangan, tulislah pegawai semua.

Semua ini disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia ke-8 tetapi tidak ada tanda-tanda ianya akan dilaksanakan sehingga tahun 2005. Inilah yang saya katakan pembangunan yang dirancang dalam Rancangan Malaysia itu harus diseimbangkan pelaksanaannya. Saya melihat di bandar 5 sekolah dalam lingkungan 7 batu 5 batu dilaksanakan. Semua ini dilaksanakan dirancang dalam Malaysia ke-8 dan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-8. Tetapi, tiga buah sekolah di kawasan saya, tidak ada tanda-tanda akan dilaksanakan dalam

tempoh Rancangan Malaysia Kelapan. Saya juga ingin melihat bahawa perkara seperti ini diambil serius oleh kementerian untuk menentukan bahawa pelaksanaan projek-projek yang dirancang untuk Kementerian Pelajaran ini dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Parit. Yang Berhormat, minta maaf. Lipis.

12.01 tgh.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan membincangkan, yang pertama Butiran 010700 – Pengurusan Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, latihan guru atau penempatan guru sangat penting. Kemasukan guru ke sekolah juga sangat penting ke dalam perkhidmatan pendidikan. Jadi, apa yang saya sarankan di sini, yang pertama sekali ialah bila kita mengambil guru, kita berdasarkan kepada kelulusan. Jadi, gaji atau upah yang diberi juga mestilah berdasarkan kepada kelulusan.

Jadi, saya menyarankan di sini, yang pertama sekali, kalau guru itu masuk berdasarkan kepada *Bachelor*, kita beri gaji yang setimpal dengan kelulusan *Bachelor*. Kalau dia masuk dengan kelulusan Sarjana, setimpal dengan *point of entry* dia, dengan izin, Sarjana dan begitulah kalau dia ada Ijazah Kedoktoran.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Di samping itu, bagi guru-guru yang telah belajar dan mendapat kelulusan yang sesuai dengan pengkhususan mereka. Jangan pula kalau guru itu ada guru Sejarah, dia mendapat Sarjana dalam bidang pengkhususan pendidikan. Jadi, kalau dia mengajar Sejarah, dia adalah guru Sejarah dan mendapat kelulusan dalam Sarjana Sejarah, kita bagi dua kenaikan atau tiga kenaikan gaji setimpal dengannya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading bangun, hendak juga. Haa, teruskan Yang Berhormat bagi Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Itu yang pertama. Yang kedua, saya hendak bincangkan tentang Butiran 020500 – Pendidikan Sekolah Asrama

Penuh. Saya percaya dan saya yakin dan rasa saya banyak daripada kita di sini telah mendapat pendidikan dan mendapat tempat yang baik, hasil daripada sekolah asrama penuh ini. Kita sepatutnya berterima kasih kepada kerajaan kerana telah membina sekolah asrama penuh ini. Walau bagaimanapun, rasa saya kalau dahulu sekolah asrama penuh memang tujuan dibuat adalah untuk pelajar-pelajar yang tidak mampu, keluarganya tidak mampu dan mereka juga tidak berkesempatan untuk mendapat pendidikan atau pelajaran setara dengan apa yang diperolehi daripada bandar, tetapi sekarang ini kita melihat kebanyakan sekolah, telah boleh menyaingi dengan sekolah-sekolah di bandar pada suatu masa dahulu sekarang ini.

Jadi, apa yang saya sarankan di sini ialah dari segi kemasukan ke sekolah asrama penuh dikaji semula. Sekarang ini, diambil pelajar-pelajar daripada Tingkatan Satu. Selepas peperiksaan UPSR, mereka masuk pada Tingkatan Satu. Bagi saya, pada umur Tingkatan Satu ini, umur 13 tahun ini, awal remaja mereka sepatutnya berada bersama keluarga, kerana pada masa itulah proses pembesaran dan kalau kita melihat pada falsafah pembangunan kita, kita hendakkan berasaskan keluarga. Jadi di situ, sepatutnya mereka bersama-sama keluarga dan budaya yang dipupuk oleh keluarga itu sangat penting.

Jadi, saya menyarankan di sini supaya kemasukan ke sekolah-sekolah berasrama penuh dibuat selepas peperiksaan PMR, iaitu tingkatan Empat sahaja. Jadi, dengan cara ini, pelajar juga telah mempunyai hala tujunya dan ibu bapa juga dapat memainkan peranan mendidik anaknya di peringkat awal remaja.

Seterusnya butiran dari segi pendidikan guru, Butiran 020700 dari segi Kursus Dalam Perkhidmatan. Jadi, apabila saya membuat tinjauan rambang, berbincang dengan guru besar di sekolah dan pengetua di sekolah, mereka menyatakan satu daripada masalah yang mereka hadapi, bukan kekurangan guru tetapi masalah guru yang terlalu kerap keluar masuk sekolah kerana berkursus. Tetapi ini mungkin satu fenomena yang bermusim. Jadi, banyak kadang-kadang proses P&P di sekolah tidak dapat dijalankan, kerana guru terlalu kerap berkursus.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Jadi, kursus ini baik sebenarnya tetapi jangan terlalu kerap dan apa yang saya sarankan di sini ialah menyelaraskan pengendalian kursus itu. Sekarang ini kita dapati pihak kementerian juga menjalankan kursus, Jabatan Pendidikan Negeri juga menjalankan kursus. Kadang-kadang PPD juga menjalankan kursus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Jadi, tidak selaras. Jadi di sini saya menyarankan supaya pengendalian kursus diberi kepada institusi latihan. Kalau di peringkat guru P&P, mata pelajaran yang melatih.....Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Kursus bagi guru ini, saya rasa penting sangat fasal guru harus dari hari ke hari, dari masa ke masa mesti ditingkatkan kemahirannya, ilmunya supaya dia tidak ketinggalan zaman. Kalau guru yang diberikan kursus itu, dia dapat pendedahan-pendedahan baru, yang untung anak bangsa. Yang untung murid. Jadi, saya rasa apa yang sedang dijalankan oleh kementerian, harus sangat kita berikan sokongan. Tidak apalah, mungkin guru itu guru malas. Ini guru besar malas. Dia tidak hendak lebih sangat agaknya kerja. Kalau kita berhentikan kursus kepada guru, makna tamatlah soal-soal untuk memperkayakan guru dengan ilmu. Jadi, kita Ahli-ahli Yang Berhormat, patut sokonglah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Saya jawab sekejap, ya. Memang saya tidak menafikan bahawa kursus itu penting. Tetapi, jangan terlalu kerap dan tidak diselaraskan. Itu yang penting, sehinggakan seseorang guru itu keluar masuk lebih banyak berkursus daripada mengajar. Itu masalah dia. Bukan, kursus penting. Memang kita hendak. Bagi saya, kalau guru ini disusun jadualnya bahawa ada masa mereka pergi berkursus dan kebanyakan daripada masanya ada di sekolah, alhamdulillah. Jadi, sebab itu tadi, saya sarankan supaya diselaraskan dan hanya ada.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:.....dua badan sahaja yang melatih. Yang pertama, kalau untuk P&P, maktab-maktab perguruan dan bagi pengurusan dan kepimpinan sekolah pula dibuat oleh Institut Aminuddin Baki.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah, cukup Yang Berhormat.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman:ada dua. Jadi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kalabakan.

12.08 tgh.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Beberapa Ahli: *Walaikumussalam.*

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Pengerusi, kalau kita membincangkan mengenai Kementerian Pelajaran, Pendidikan memang kita tidak dapat habis untuk membincangkan kesemuanya. Tetapi oleh kerana kementerian ini penting, jadi saya ada beberapa perkara yang saya ingin kemukakan. Mungkin masa yang diberikan tidak begitu mengizinkan.

Tuan Pengerusi, kita menggalakkan supaya budak-budak kita mempelajari bahasa Inggeris, sehinggakan menjadi satu pelajaran yang penting dalam sekolah. Di luar bandar dan di dalam bandar memang berlainan senario untuk budak bersekolah. Dalam bandar, budak-budak boleh pergi tuisyen. Ibu bapa mereka mampu untuk membayar semua perbelanjaan untuk mereka mendapat tuisyen dalam bahasa Inggeris. Di luar bandar, mereka tidak dapat kemudahan dan mereka juga tidak mampu.

Apa yang dibuat oleh kementerian sekarang, ada guru-guru Bahasa Inggeris, tetapi guru-guru yang mengajar Bahasa Inggeris, tidak begitu fasih dalam Bahasa Inggeris. Mereka keluaran kolej yang tidak kena mengena, tidak tahu Bahasa Inggeris. Kemudian, apabila kementerian membuat pembaharuan untuk budak-budak belajar Bahasa Inggeris, guru-guru ini yang tidak fasih disuruh mengajar Bahasa Inggeris, sedangkan mereka ini tidak fasih menggunakan komputer.

Jadi, Tuan Pengerusi, ini merugikan bangsa, merugikan anak-anak di luar bandar kerana guru-guru yang fasih berbahasa Inggeris mahu tinggal di dalam bandar di mana ada air, lampu, ada lain-lain kemudahan termasuklah hiburan-hiburan di dalam bandar. Di luar bandar tidak ada lampu, tidak ada kemudahan. Anak-anak di luar bandar mahu belajar bahasa Inggeris bermasalah. Mereka bermasalah!

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya menggalakkan guru-guru yang fasih berbahasa Inggeris pergi ke luar bandar. Kerajaan mesti berkorban untuk memberi mereka insentif dari segi gaji. Berikan insentif. Kalau sekiranya tidak ada insentif, pakar-pakar bahasa ini tidak pergi ke luar bandar. Mereka mendapat gaji yang sama dalam bandar, pergi ke luar bandar sama, jadi dengan itu mereka tidak mahu pergi. Jadi, kita minta Kementerian Pendidikankah, Kementerian Pelajarankah, apa juga

yang kita sebut supaya guru-guru pakar fasih dalam bahasa Inggeris ini dihantar ke luar bandar, diberikan insentif yang begitu baik, gaji mungkin RM1000 lebih dari mereka yang di dalam bandar, mereka pergi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Larut bangun, Yang Berhormat hendak beri jalan?

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Beri

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pengerusi. Hendak bertanya sedikit, walaupun ini merupakan ucapan dasar tetapi saya mahu bertanya juga..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini bukan ucapan dasar, Yang Berhormat. Ini peringkat jawatankuasa.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, dalam peringkat jawatankuasa. Apakah yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat bersetuju bahawasanya ada guru-guru yang memilih jalan untuk berhenti, kerana merasakan elaun yang disediakan oleh kementerian tidak mencukupi ataupun terlalu rendah jika dibandingkan dengan kakitangan kerajaan yang lain. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Mungkin itu satu daripada sebabnya. Itulah saya mencadangkan mungkin kementerian pelajaran membuat satu perancangan yang begitu teratur sekali untuk guru-guru profesional dalam bahasa Inggeris, yang fasih dalam bahasa Inggeris ini dihantar ke luar bandar, diberikan kemudahan yang lebih. Itu saya fikir tidak merugikan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun pula, Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, saya mengagumi, menghormati apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kalabakan. Ini satu perkara yang serius, yang kementerian harus mengambil perhatian yang berat. Kalau budak-budak di kampung gagal dalam bahasa Inggerisnya, lemah kerana gurunya lemah, bagaimanakah untuk mereka bersaing dengan penuntut-penuntut di bandar yang mempunyai guru-guru pakar bahasa Inggeris? Jangan lupa UPSR ialah pertandingan mula-mula antara murid-murid atau insan dalam negara ini untuk menapak lebih tinggi.

Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kalabakan. Sepatutnya Kementerian Pendidikan memberikan elaun RM1000, RM1500, kalau ada guru pakar bahasa Inggeris atau matematik yang mahu pergi ke luar bandar untuk pendemokrasian pendidikan yang sebenarnya bagi luar bandar dan bandar. Tahniah, Yang Berhormat bagi Kalabakan! Panjang umur anda!

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Alhamdulillah. Tuan Pengerusi, biasanya kerajaan, Kementerian Pelajaran merancang untuk membuat sekolah di seluruh negara, di luar-luar bandar pun kita membuat sekolah tetapi masalah yang kita hadapi, sekolah dibuat, sekolah tinggal sekolah, kemudahan tidak ada, *maintenance* tidak ada. Ada sekolah dibina 20 – 30 tahun lebih tetapi *maintenance* tidak ada. Tangga untuk naik ke sekolah pun sudah bergoyang. Di luar bandar siapakah yang pergi melihat semua ini? Tidak ada pegawai dari kementerian yang pergi ke luar bandar untuk melihat dengan mata kepala mereka sendiri memastikan bahawa sekolah untuk luar bandar ini begitu selesa. Bukannya saya kata mesti mahu membuat sekolah konkrit, batu dengan kemudahan yang canggih, tidak!

Sekurang-kurangnya kemudahan asas diberikan, saya tidak nampak. Saya gulung, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Saya tidak nampak di luar bandar di Sabah mungkin di Sarawak ada Menteri atau Timbalan Menteri pergi, tidak ada sama sekali, cuma mengharap laporan dari pegawai sahaja. Kalau pegawai pendidikan daerah dia buat laporan memang canggih, keseluruhannya canggih kerana dia mahu naik pangkat. Saya minta supaya kita ada Menteri, kita ada dua Timbalan Menteri pergilah bergilir-gilir ke luar bandar melihat dengan mata kepala sendiri dan membuat laporan yang bersesuaian, betul-betul kerana, Tuan Pengerusi.

...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: pendidikan di luar bandar ini mustahak untuk masa depan anak-anak bumiputera orang Melayu ini. Tuan Pengerusi, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Okay, Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, sudah lapan kali saya berdiri belum dapat!

12.16 tgh.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya tetapi saya amat terkeliru tadi. Barisan Nasional ada Menteri dari UMNO, ada Timbalan Menteri dari MCA. Jadi, masih banyak masalah dalam Barisan Nasional tetapi di sini, semua bila hendak diluluskan, semua sokong.

Seorang Ahli: Cakaplah! *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Itulah masalahnya,...

Seorang Ahli: Lain kali jangan beri peluanglah dekat dia!

Cik Fong Po Kuan: ...telah banyak kali berulang-alik.

Saya rujuk kepada Butiran 020700 - Pendidikan Guru

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada Parlimen kalau tidak ada masalah!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sila ambil perhatian.

Cik Fong Po Kuan: Masalah kekurangan guru telah terlalu kerap dibangkitkan di dalam Dewan....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak mengapa, beri peluang dia bercakap.

Cik Fong Po Kuan: ... oleh ahli-ahli dalam Dewan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Prasangka buruk tu!

Cik Fong Po Kuan: Pada bajet jawatankuasa ini kita juga melihat tidak berhenti juga masalah kekurangan guru dibangkitkan. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada masalah yang dihadapi. Saya menerima satu e-mail dari beberapa orang pelajar yang berminat. Mereka sekarang ini adalah guru sandaran, jadi kita telah tahu isu kekurangan guru yang berkecukupan dan satu masalah yang sering menghantui sekolah-sekolah khasnya di SRJK(C). Tadi kita telah mendengar dari sekolah kebangsaan juga ada, terdapat segolongan guru sandaran yang ingin meneruskan karier mereka dalam bidang perguruan dan masa depan mereka tidaklah begitu cerah kerana mereka bukan siswazah ataupun graduan universiti.

Namun saya berpendapat mereka yang mempunyai minat yang mendalam dan *the passion to teach*, dengan izin, memiliki potensi untuk menjadi guru yang baik, mereka tidak seharusnya tidak diberi peluang untuk menjadi - guru tetap hanya kerana mereka ini bukan siswazah. Untuk seseorang guru sandaran menjadi guru

tetap saya dimaklumkan satu-satunya opsi ialah mereka diberi peluang untuk mengikuti latihan perguruan berasaskan sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran.

Saya ingin mendapatkan penjelasan butir-butir lanjut mengenai program ini iaitu sama ada program ini masih dijalankan, siapakah yang layak dipilih untuk mengikuti program ini dan bilakah pengambilan peserta akan dijalankan. Saya juga ingin tahu bilakah tarikh yang terdekat untuk mengikuti program ini akan datang, apakah *course* dan bagaimanakah seseorang guru sandaran memohon untuk mengikuti program ini. Dengan ringkasnya saya memerlukan maklumat ini bagi membantu pelajar-pelajar yang sekarang ini adalah guru sandaran yang berminat untuk menjadi guru tetap bagi mengatasi masalah kekurangan guru ini.

Jadi, saya berharap pihak Kementerian Pelajaran akan meneliti apakah masalah yang telah timbul di dalam polisi kementerian ini sehingga berulang-ulang kali masalah kekurangan guru ini dibangkitkan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu yang menyatakan *no child is supposed to be left behind* dalam isu pendidikan.

Saya ingin merujuk kepada butiran berkenaan 040200 mengenai Lembaga Peperiksaan. Sering kali apabila menjelang atau sebaik sahaja peperiksaan awam kita akan mendengar dan membaca dalam surat khabar, pelbagai kejadian yang tidak sepatutnya berlaku telah mengambil tempat. Kita dapat baca terlalu kerap sekali kertas peperiksaan PMR, laporan menyatakan bahawa kertas Bahasa Malaysia, soalnya sama seperti dengan soalan yang diberi kepada pelajar di dalam satu seminar PMR. Kertas peperiksaan SPM, kertas peperiksaannya tidak mencukupi dua buah sekolah di Batu Pahat, kertas peperiksaan STPM, kertas Biologi didapati mempunyai soalan yang sama dengan peperiksaan percubaan di sekolah-sekolah di Seremban dan peperiksaan UPSR, Kertas Bahasa Inggeris soalan yang kononnya diambil hampir sama dengan buku kerja atau buku rujukan.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya hendak tanya apa masalah telah timbul dalam Lembaga.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan:Peperiksaan dan apakah tindakan yang akan diambil, jadi adakah kewibawaan lembaga ini tidak akan terhakis dan keyakinan orang ramai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu bangun Yang Berhormat...

Cik Fong Po Kuan:...akan dipulihkan bahawa yang kita lahirkan mereka dan mereka mendapat keputusan yang terbaik ini adalah benar-benar yang terbaik dan bukanlah kerana mereka ada jalan belakang untuk mendapat soalan ramalan atau soalan peperiksaan yang bakal mereka duduki.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Minta maaflah Tangga Batu, mungkin lain kali, sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Cameron Highlands.
12.21 tgh.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan sedikit Butiran 020200 mengenai Pendidikan Prasekolah. Pendidikan prasekolah khususnya di luar bandar amat kekurangan khususnya untuk sekolah-sekolah Orang Asli, sekolah-sekolah kampung, sekolah-sekolah di Sabah Sarawak dan juga SJK(T) dan SJK (C). Di kawasan saya terdapat sekolah-sekolah asli yang mendapat keputusan UPSR 0% kerana masalah pelajar-pelajar yang tidak dapat menggarap dan mengikut kurikulum seperti mana yang dikatakan oleh kita punya Yang Berhormat ROI. Sorry ya!
[Beberapa orang ahli ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: ROI itu...Yang Berhormat ROI itu kawasan mana?

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Kuala Terengganu. Maka saya ingin membawa perhatian bahawa di bandar-bandar besar prasekolah sudah pun mampu dilakukan oleh guru-guru yang begitu banyak sekali dan kita nampak bahawa ketinggalan antara bandar dengan luar bandar begitu jauh sekali, jurang pendidikannya begitu jauh sekali, maka wang yang diperuntukkan RM178 juta itu boleh kita fokuskan kepada bantuan sekolah-sekolah pra ini di peringkat luar bandar. Dan boleh saya cadangkan supaya kementerian bekerjasama dengan Kemas dalam memberi kepakaran *pedagogi* dan juga kepakaran perguruan kepada sekolah-sekolah sebegini supaya peningkatan mereka dapat mencapai ke peringkat yang boleh dibanggakan. Di samping itu prasekolah juga boleh memainkan peranan memberi bantuan makanan kerana salah satu sebab kajian yang dilakukan di

sekolah-sekolah luar bandar ini, pelajar-pelajar tidak begitu pandai adalah kerana masalah imbalan makanan, masalah *nutrition*. Maka bantuan makanan boleh juga disediakan untuk pelajar-pelajar yang datang ke sana dan di samping itu kualiti pendidikan dapat ditingkatkan supaya bila mereka masuk ke darjah satu mereka dapat menggarap dan juga memahirkan diri dalam 3R, KBSR. Inilah masalah pelajar-pelajar di luar bandar, maka kalau kementerian dapat mengalihkan fokus kepada peringkat prasekolah di luar bandar, maka ini adalah satu sumbangan yang amat bererti di bawah Perdana Menteri kita yang benar-benar mahukan rakyat luar bandar diperkasakan dengan segala peralatan untuk pembangunan diri.

Saya juga membawa kepada masalah kekurangan guru dalam Butiran 00700 di mana masalah perguruan di sekolah dan juga kurikulum sekolah begitu ketat sekali, *compact* di mana guru-guru terpaksa ditarik keluar untuk kursus, untuk peperiksaan, untuk tugas sukan, untuk tugas kurikulum sehingga ada ketikanya di mana guru-guru itu tidak ada dalam bilik darjah. Ini membawa kepada masalah pengajaran dan pembelajaran dan juga masalah disiplin di kalangan pelajar-pelajar. Maka saya mencadangkan supaya kementerian melihat benar-benar kepada satu sistem di mana pendidikan swasta ini dan institusi-institusi pendidikan swasta dapat menjadi *complimentary* kepada sekolah, di mana kalau sekiranya ada guru-guru kekurangan, maka *release teachers* boleh diperolehi daripada luar dengan bayaran tertentu, di mana kepakaran mereka boleh digunakan untuk pembangunan sekolah-sekolah kerajaan. Ini sedang dilakukan di UK dan juga di Amerika, maka mungkin boleh kita kaji dan lihat bagaimana kita boleh tarik, contohnya ada guru-guru yang tidak tahu Inggeris boleh mengajar, macam dikatakan oleh Yang Berhormat dari mana tadi mengatakan, ya Kalabakan beliau mengatakan bahawa ada guru yang tidak fasih bercakap bahasa Inggeris terpaksa mengajar, dan di kawasan saya pula ada seorang guru sandaran Tingkatan 5 mengajar pelajar Tingkatan 5. Kelulusan pelajar Tingkatan 5 mengajar pelajar Tingkatan 5, maka inilah masalahnya, maka...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun Yang Berhormat, Larut.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yes.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, saya ada sedikit sahaja hendak tanya. Terima kasihlah kerana Yang Berhormat adalah seorang bekas pendidik, cuma saya hendak tanya kepada Yang

Berhormat selepas Yang Berhormat balik daripada Amerika, Amerika baru pergi ini...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: New York!

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Eh, New York, samalah itu. Mungkin Yang Berhormat dapat pengalaman-pengalaman yang baru sewaktu di sana, dapat curi-curi peluang untuk melawat kawasan-kawasan tersebut. Cuma satu saya hendak tanya pada Yang Berhormat bagaimanakah agaknya sewaktu zaman Yang Berhormat mengajar, adakah lebih baik selesai dengan zaman sekarang? Itu sahaja terima kasih.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih, jawapannya saya mengajar di Batu Kurau dahulu di kawasan Yang Berhormat. Maka saya rasa dahulu perguruan adalah satu yang murni, ayah saya guru, adik-beradik saya guru, maka apabila masuk ke dalam kelas itu seperti masuk masjid atau kuil. [*Beberapa orang ahli ketawa*] Di mana anak kita adalah anak yang perlu diberi sajian jiwa raga, tetapi sekarang perguruan adalah sesuatu yang paksa, tidak ada kerja lain masuk sana, itu dia.

Saya begitu bangga dengan kementerian baru-baru ini memberi ganjaran yang baik untuk guru-guru. *The teaching profession must never been seen as a last resort of students*. Apabila hendak, minta izin, minta maaf, maka perguruan sudah disusah saya katakan "diperkosakan", pasal dahulu saya katakan, tak nak diperkosakan, itu yang dilaporkan, maka saya rasa perguruan perlu dimurnikan semula. *It goes back* dan ia balik kepada insan kerana manusia ini kalau disalah bentuk sampai mati dia disalah bentuk, sampai mati tidak boleh betul sudah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya gulung Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih ya, saya berbalik kepada cikgu *story* ya...

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [*Bangun*]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya tidak ada masa!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat!

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak boleh beri jalan sebab saya tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan masa Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Maka saya berbalik di sini, jadi saya minta supaya satu alternatif *human resource in teaching*, dengan izin diwujudkan daripada sumber-sumber swasta kerana pendidikan swasta begitu melampau pendidikan di sekolah, tuisyen, institusi swasta *fantastic* sekarang. Lebih banyak budak hendak pergi sana daripada pergi ke sekolah. So, mintalah supaya kementerian dan akhir sekali saya minta satu sahaja dalam Rancangan Malaysia Kelapan, RM24 bilion diberi untuk peruntukan pembangunan sekolah-sekolah, SJK(T) yang dilonggokkan bersama SJK(C) dan sekolah-sekolah *machinery* hanya mendapat RM52 juta, maka saya minta supaya kementerian beritahu berapakah peruntukan untuk pembangunan sekolah-sekolah bantuan modal Rancangan Malaysia Kesembilan dan apakah rancangan untuk memastikan supaya soal tanah yang menjadi isu besar untuk menukarkan bantuan modal kepada bantuan penuh di sekolah-sekolah sebegini dapat diselesaikan oleh kementerian dengan kerjasama kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Berapa orang lagi yang hendak bangun? Ramai lagi? Ya, Kinabatangan.

12.29 tgh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama saya hendak tahu dan saya hendak bertanya kementerian dan pegawai-pegawai yang hadir pada hari ini daripada kementerian, *high ranking officer*kah, yang kanankah ataupun cuma bantu-bantu sahaja yang tidak boleh buat keputusan. Saya percaya kalau pegawai-pegawai tinggi yang dihantar banyak persoalan yang kita persoalkan akan selesai. Di mana Kementerian Pelajaran, pegawai-pegawainya, sebelah mana? Kita tidak tahu sebab masalah yang kita hadapi ini tidak selesai.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Okey! [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta maaf saya baru mahu bercakap ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri Yang Berhormat, ya, sila teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Pertama, dahulu saya ada cakap banyak kali sudah, soal pentadbiran Pejabat Pelajaran Daerah Kinabatangan, saya minta jangan ditadbir di Lahad Datu, sebab masalah besar sampai sekarang tidak selesai, saya sudah hantar surat kepada kementerian saya tidak tahulah apa hasilnya. Saya

mahu tahu apa hasilnya boleh ditukar balik ke Sandakan ataupun tidak? Saya mahu tahu sahaja jangan tunggu-tunggu lagi.

Yang kedua, saya juga dapat tahu sebab saya dahulu menulis surat kepada jawatankuasa pembangunan daerah, 2 tahun yang lalu kita dimaklumkan bahawa terdapat beberapa sekolah menengah yang telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Kalau dalam Rancangan Malaysia Kelapan tidak dibuat, Rancangan Malaysia Kesembilan sudah tidak ada. Tidak ada dalam rancangan, hilang.

Saya mahu tahu sama ada Kementerian Pelajarankah, Kementerian Kewangankah beritahu kita apa sudah jadi, sebab sekolah ini kerajaan telah memutuskan pendidikan adalah diwajibkan kepada semua warganegara Malaysia - pendidikan sepanjang hayat. Apa pendidikan sepanjang hayat? Kalau sekolah pun tidak dibenarkan, kalau tidak ada duit cakaplah tidak ada cukup wang, jangan main wayang lagi. Ini janji kosong tidak putus-putus, kita ini wakil rakyat kena jawab dengan rakyat juga, kementerian kena ajar kita betul-betul.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ini DAP dia betul-betul macam-macam ada dalam dia punya otak. Kita *criticize* untuk kebaikan dia kata, mana ada dalam dunia ini tidak ada masalah. Hidup kita sendiri pun ada masalah, Batu Gajah lagi banyak masalah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Dia bujang!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Orang bujang jangan sangka tidak ada masalah, lagi banyak.....

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Mahu hati-hati di jalan raya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Buatlah cara orang bujang!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Buatlah cara yang baik. Saya minta Tuan Pengerusi supaya pembinaan sekolah-sekolah menengah, 'Sekolah Menengah Antilibon' tolong catat pegawai-pegawai yang ada, maklumkan kepada penguasa di pendidikan, siapa penguasa dia, kita tidak tahu, sama ada menterikah, timbalan menterikah, setiausaha parlimenakah, pengarahkah, KSUkah, apalah, pokoknya kita mahu masalah selesai. Bila Sekolah Menengah Sukau hendak dibuat atau dibina? Kenapa Sekolah Menengah di Bukit Galam 2...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat penasihat kiri kanan itu tidak payah dengarlah dia bercakap. *[Dewan riuh dengan ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya kadang-kadang dengar dan kadang-kadang saya tidak mahu dengar juga sebab sebelum saya masuk Dewan ini saya sudah tahu apa saya mahu cakap sebab masalah banyak. Bukan macam DAP dia cakap malas, cuba tanya George Bush, masalahnya berjuta-juta ganda daripada masalah yang kita hadapi. Merapu sahaja saya kata.

Tuan Pengerusi, pembinaan Sekolah Menengah Kota Kinabatangan 2, memang hebat. Persoalannya macam Beluran juga rumah guru tidak cukup, rumah untuk disewa tidak ada sebab ini pekan baru tetapi dia di luar bandar. Kalau dia kata sekolah menengah Kuala Lumpur, apartment pencakar langit boleh disewa, ini tidak ada. Jadi perancangan itu harus diselaraskan dengan tuntutan keperluan jangan bina-bina sahaja tanpa ada perancangan yang teratur dan terancang ini banyak menyusahkan rakyat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Minta maaf Jerai, memang Yang Berhormat perlu bertanya tetapi keperluan rakyat saya di kawasan ini perlu saya sampaikan sebab saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat sebab masa sudah habis!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sebab saya sudah berdiri pun 10 kali baru dapat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat masa sudah habis..

Datuk Bung Moktar bin Radin: Eh! Saya tengok jam 10 minit, yang lain-lain kenapa baru 3 minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Semua kena bagi 10 minit, saya kira Tuan Pengerusi, kita mahu adil juga dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya kira juga Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau tidak saya kena rujuk dengan menteri dan juga hal ehwal Dewan sebab kita diberi 10 minit, saya tengok jam baru 3 minit, takkanlah suruh gulung. *[Beberapa orang ahli ketawa]* Lain-lain 10 minit, Kalabakan 10 minit...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya tulis Yang Berhormat!

Datuk Bung Moktar bin Radin: Perlu buat *ruling* balik, kalau saya sudah habis cakap Tuan Pengerusi, boleh buat *ruling*, baru ada adil.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah beri peluang cakap, jadi cakaplah.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tuan Pengerusi, persoalan sekolah-sekolah di Sabah ini jauh bezanya dengan di Semenanjung. Di Sabah, jalan raya dia begitu sengsara. Kalau hujan turun, sekolah tidak boleh dikunjungi. Di Semenanjung, ribut petir pun turun, tolak banjirlah tetapi boleh naik LRT boleh sampai sekolah.

Saya sudah cakap banyak kali. Di sana ada budak-budak sekolah yang bangun pukul empat pagi kerana turun ke sekolah jalan kaki jam lima pagi. Balik pun itu macam. Di Semenanjung tidak ada. Kementerian kena fikirilah persoalan ini. Bina sekolah, minta Jabatan Kerja Raya bina jalan raya baru ada tuntutan seimbang. Saya tidak tahulah bila saya mahu berhenti bercakap. Tetapi selagi masalah ini tidak selesai, saya akan terus bercakap, Tuan Pengerusi, kecuali saya tidak menjadi Wakil Rakyatlah. Tetapi ganti saya pun saya minta dia cakap soal yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup, cukup, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kita tidak tahulah. Cuba mintalah kalau Kementerian Pelajaran tidak boleh selesai, mintalah Perdana Menteri selesaikan masalah-masalah ini. Saya minta Timbalan Menteri kedua-duanya turunlah ke Kinabatangan tengok masalah saya. Ada asrama, kita gotong-royong macam kandang ayam. Ini kena diselesaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasihlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gombak.

12.36 tgh.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara 010700 - Pengurusan Sumber Manusia, 020100 – Pengurusan Sekolah dan juga 030400 – Pendidikan Islam dan Moral.

Apa yang ingin saya bangkitkan pada hari ini yang pertama ialah saya rasa soal proposi guru di antara guru perempuan dengan guru lelaki, sekarang ini saya rasa sudah hampir kepada keadaan yang boleh kita katakan kritikal. Kebanyakan sekolah-sekolah kalau kita lihat, terutamanya sekolah-sekolah di bandar, ada sekolah-sekolah di bandar yang hampir 100% gurunya ialah guru perempuan dan begitu juga banyak sekolah didapati bahawa peratus atau *proposi* guru perempuan kepada guru lelaki memang begitu tidak seimbang saya lihat.

Kita tahu bahawa ini adalah suatu perkara yang penting oleh kerana bukan kita katakan bahawa guru lelaki atau guru perempuan itu tidak *efisien* berasaskan *gender* ataupun berasaskan jantina tetapi kita tahu bahawa di dalam perkembangan minda pelajar, di dalam perkembangan psikologi pelajar terutama pelajar-pelajar sekolah rendah, peranan *gender* atau peranan jantina sebagai *role model* kepada para pelajar itu adalah amat penting.

Saya harap pihak kementerian harus lihat perkara ini dengan lebih spesifik dan mencari cara bagaimana ini boleh kita selesaikan. Kita tidak mahu nanti bahawa yang kita hasilkan pelajar-pelajar yang cemerlang tetapi pelajar-pelajar lelaki semuanya pelajar-pelajar yang kita namakan sebagai 'jentayu' ataupun lelaki ayu.

Yang kedua, saya lihat bagaimana penglibatan sekolah terutama Guru Besar dalam PIBG. Sekarang ini kita lihat rata-rata Guru Besar ataupun Pengetua, penglibatannya di dalam PIBG adalah dalam bentuk penasihat. Saya rasa dalam cara kita menarik lebih banyak penglibatan ibu bapa, kita mencari lebih banyak penglibatan yang lebih kuat daripada guru-guru, Guru Besar ataupun Pengetua seharusnya diletakkan sebagai Setiausaha kepada PIBG. Barulah saya rasa ada satu gabungan intim. Ada satu gabungan yang kuat kerana kita tahu bahawa PIBG itu amat penting sebagai instrumen mendisiplinkan pelajar, sebagai instrumen memajukan sekolah itu mengikut perspektif *local*, mengikut kehendak kawasan ataupun suasana sekolah tersebut.

Saya rasa ini harus dilihat oleh pihak kementerian supaya guru-guru besar atau pengetua lebih komited dan tidak hanya meletakkan guru-guru yang *junior* sebagai setiausaha ataupun terlibat dalam jawatankuasa PIBG.

Yang ketiga yang saya hendak bangkitkan di sini ialah tentang bagaimana pihak Pejabat Pelajaran Daerah dan juga Pejabat Pelajaran Negeri dan juga pihak pengurusan sekolah harus saya rasa mempunyai pengurusan yang baik. Contohnya kita dapati bahawa guru-guru itu sudah sarat mengandung contohnya, jangan kita letak dia mengajar di kelas-kelas peperiksaan ataupun kelas-kelas yang kritikal yang ingin mengambil peperiksaan kerana didapati bahawa baru pertengahan, guru-guru itu terpaksa mengambil *maternity leave*.

Masalahnya pelajar-pelajar yang ingin mengambil peperiksaan tersebut walaupun kadang-kadang diganti dan kadang-kadang tidak diganti. Kalau diganti, tidak ada *continuity*, dengan izin, yang baik, tidak ada proses penyambungan yang baik. Kita dapati bahawa ini juga boleh pada saya membawa kesan kepada kesinambungan dan juga kecemerlangan pelajar-pelajar tersebut.

Yang seterusnya dan yang terakhir yang ingin saya sentuh ialah kita dapati bahawa misal kata dari Pendidikan Islam dengan Moral banyak wang kita sudah belanjakan, kita tengok dari segi Pendidikan Islam dan juga Moral. Yang saya lihat ialah seharusnya Pendidikan Islam, Pendidikan moral yang kita peringkatkan dan banyak wang yang kita belanjakan harus menghasilkan pelajar yang lebih baik, harus menghasilkan pelajar yang berdisiplin, harus menghasilkan pelajar yang lebih murni, harus menghasilkan pelajar yang ada *character building*. dengan izin, harus menghasilkan pelajar yang ada pembangunan insan yang baik.

Tetapi saya lihat tumpuannya lebih kepada seperti biasa iaitu *exam-oriented*. Saya berharaplah kementerian harus melihat bahawa mata pelajaran-mata pelajaran begini bukan sahaja kita orientasikan pelajar-pelajar itu atau fokuskan pelajar-pelajar itu untuk peperiksaan tetapi untuk membentuk diri pelajar itu. Kalau dia menjadi seorang saintis, seorang saintis yang berwibawa, mempunyai akhlak yang baik kerana asasnya daripada pelajaran moral, asasnya daripada Pengajian Islam, tidak guna dia mendapat 'A' dalam Pengajian Islam tetapi tidak dihayati. Tugas mereka hanyalah untuk menghafal hadis ataupun ayat Al-Quran yang ditanyakan di dalam peperiksaan tetapi mereka tidak dapat menghayati.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Saya rasa fokus ini harus kita perhatikan kerana pada saya ini amat penting bukan sahaja telah membentuk seorang pelajar yang cemerlang tetapi juga dalam menjadikan seseorang pelajar itu mempunyai pembangunan insan yang baik dan juga menjadi seorang profesional yang beretika, murni dan juga boleh kita harapkan di dalam masyarakat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

12.43 tgh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut sama membahaskan Maksud Bekalan 41 – Kementerian Pelajaran. Sebenarnya tadi saya hendak tambah apa yang telah disarankan oleh sahabat saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Sebenarnya perkara ini bukan perkara baru wakil-wakil atau pegawai-pegawai kementerian-kementerian bukan sahaja Kementerian Pelajaran bahkan semua kementerian. Pegawai-pegawai tingginya seharusnya berada di sini setiap kali Ahli Parlimen berbahas kerana Parlimen adalah merupakan suatu institusi yang tinggi, tidak ada lagi dah, yang berdaulat. Bukan semua orang berpeluang datang ke sini.

Kalau kita tidak menghormati Parlimen sebagai sebuah institusi yang berdaulat, yang memutuskan segala rang undang-undang, menggubalkan segala dasar

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, pecahan kepala berapa itu, Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bawah Bekalan 41 hendak masuk kepada 021000, 040200,

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Inilah dia masalahnya. Saya mintalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tahniah Timbalan Pengerusi Perhubungan, dua jawatan yang paling tinggi juga ditentukan oleh sebuah badan yang tinggi kerana rakyat hendak tahu apa yang dilakukan oleh kerajaan mengikut manifesto pilihan raya. Saya bukan marah cuma hendak sambung rakan saya tadi Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana cukup sabar.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam bangun Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya habiskan dahulu, baru Yang Berhormat masuk kalau tidak nanti Yang Berhormat tidak faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya pun hendak sentuh pertama sekali berhubung dengan 040200 – Lembaga Peperiksaan. Baru-baru ini Alhamdulillah kita umat Islam di negara ini walaupun terasa kehilangan Yasser Arafat, dapat juga mengadakan rumah terbuka hari raya tetapi masalahnya jadual peperiksaan SPM ini kenapa pula selepas periksa sebelum raya, berhenti raya rehat kemudian di sambung balik selepas raya.

Habis *mood*. *Mood* bukan kata budak-budak hendak ambil periksa, *mood* ibu bapa pun tidak ada. Mujurlah saya tidak anak yang ambil periksa SPM. Ini hendak beringat-ingat Tuan Pengerusi. Kenapa tidak dijadualkan? Apa masalahnya ini, ini sekolah ini? Sedangkan anak supaya mengambil peperiksaan PMR tidak hendak pergi ke sekolah kerana guru-guru tidak mengadakan sesuatu aktiviti yang bermanfaat.

Bulan puasa ini, tolonglah! Timbalan Menteri pun sudah ada menyebut bahawa ada guru-guru yang malas hendak mengajar atau tidak pandai mengajar. Itu kata Timbalan Menteri, dihenyak oleh kesatuan guru-guru. Kenapa tidak dilihat perkara ini? Dijadualkan bila masa yang sesuai. Kita tahu musim tengkujuh bila? Hendak banjir bila? Kita boleh main agak-agak. Ini sekejap buat periksa, lepas itu rehat, hendak sambung balik. Ini saya tidak menyalahkan kepada Menteri Pelajaran yang baru kerana dia baru masuk. Ini mungkin telah dijadualkan terlebih awal.

Orang terdahulu, kita kena perbetulkan ini. Sebab soal *syndicate* peperiksaan kita tidak perlu hantar ke London lagi dah. Kita buat di sini. Yang Berhormat seorang profesor, walaupun dahulu Yang Berhormat bagi Bagan mempertikaikan soal PAT, tidak mengapa, teruskan. Ini kena dilihat soal jadual peperiksaan tidak boleh tangguh. Lainlah bola sepak, letih kena ada masa rehat, masa kecederaan. Ini hendak periksa hilang *mood*.

Saya mintalah Kementerian Pelajaran supaya melihat perkara ini. Bila hendak buat? Jangan berhenti di tengah-tengah jalan. Macam kita kalau Yang Berhormat bagi kadang-kadang berhenti lepas itu disambung balik tengah hari lepas makan, hilang *mood*. Itu satu, saya mintalah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bila hendak buat sepatutnya peperiksaan SPM ini atau STPM jangan dihentikan di tengah-tengah jalan. Ini tidak praktikal.

Saya rasa ramai rakan-rakan daripada *profesion* perguruan setuju dengan pandangan saya ini. Mungkin mereka minta saya bercakap, saya bercakap dahulu. Kalau boleh disegerakanlah. Kita minta satu keputusan muktamad selepas ini. Sebab orang kampung terutamanya saya tidak bercakap lagi daripada kalangan

anak-anak orang yang berada. Mereka berasa sebagai sesuatu perkara yang pelik berlaku. Jadi, kita minta supaya ada satu susunan jadual yang perlu dilihat dalam perkara ini.

Kemudian saya hendak sentuh berhubung dengan Majlis Guru-guru Besar ini. Baru-baru ini saya telah didatangi oleh Pengerusi Majlis Guru-guru Besar daripada Kelantan minta saya menyuarakan perkara ini dalam Parlimen. Majlis Guru-guru Besar di Kelantan saya diberitahu mengadakan mesyuarat di luar negara dan mengabaikan pelajar-pelajar sekolah.

Membuat mesyuarat di luar negara, ialah kalau di Haadyai sekali pun maksudnya di luar negaralah. Di Betong sekalipun di luar negara. Di Golok sekalipun di luar negara. Ini perlu dilihat. Kalau kepala sudah tidak betul, badan dek ekor macam mana? Ini mereka minta saya sampaikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat, ya gulung.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak gulunglah yang terakhir sekali berhubung dengan Pendidikan Sukan. Kita bercakap soal disiplin, soal *gangsterisme* di sekolah, saya rasa sudah tiba masanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Menteri pun seorang bekas Menteri Belia dan Sukan. Ko-kurikulum sukan ini perlu diwajibkan sekarang. Diwajibkan sebagai menambahkan mata kepada pelajar-pelajar.

Wajib! Biar dia pilih hendak main bola jaringkah, sepak takrawkah, sepak ragakah, macam Yang Berhormat bagi Sri Gading dia menjadi Pengerusi Sepak Takraw Negeri Johor umpamanya. Yang Berhormat bagi Kinabatangan menjadi Pengerusi Bowling di Sabah, ya contoh.

Kita galakkan, kita wajibkan kerana pelajar-pelajar kita ini terlibat dalam bidang sukan supaya satu daripada mata kewajipan untuk meningkatkan lagi mereka masuk ke peringkat menengah ataupun pergi masuk ke universiti untuk menambahkan mana-mana kekurangan dari segi prestasi pendidikan mereka. Diwajibkan, bukan susah sangat. Saya tahu walaupun pada masa hari ini padang bola pun sudah tidak ada.

Saya baru-baru ini balik ke kawasan, main di padang ragut, Yang Berhormat, dengan budak-budak kampung, hendak ambil hati mereka. Tetapi mujurlah boleh main bola sedikit. Adalah pengalaman sedikit walaupun tidak macam Denosolve. Walaupun tidak seperti Mendiang R. Arumugam, dengan tujuan hendak menyedarkan kepada mereka tentang masalah yang kita hadapi.

Kadang-kadang kasihan juga, ada gedung-gedung kilang lama dijadikan sebagai gelanggang untuk *indoor stadium*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Akhir sekali, marilah kita bersama-sama menjadikan isu ini satu perkara yang serius terutama sekali Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri telah mengambil satu pendekatan untuk memikul tanggungjawab Jawatankuasa Kabinet mengenai sukan. Sukan ini cukup penting, satu industri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Pengerusi sendiri pun bersetuju. Tuan Pengerusi dahulu pun terlibat dengan sukan. Tahniah, Tuan Pengerusi. Tetapi setelah menjadi Timbalan Speaker ini mungkin perkara itu terpaksa diberi kepada orang lain. Jadi, saya mintalah kepada Kementerian Pelajaran melihat perkara mengenai sukan ini satu perkara yang cukup penting dan diwajibkan.

Sekian. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong.

12.51 tgh.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh mengenai beberapa perkara. Yang pertama berkenaan Butiran 040100 mengenai Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Saya difahamkan baru-baru ini Kementerian Pelajaran melalui Menterinya telah mengumumkan bahawa satu rancangan ataupun pelan tindakan untuk memperkasa terutamanya sekolah-sekolah kebangsaan dan ini telah memberi satu reaksi yang agak positif.

Bagi saya majoriti masyarakat telah memberi satu reaksi yang positif tetapi malangnya sekarang ini kita pun tidak tahu apakah rancangan dan juga ada beberapa persoalan yang masih timbul dan tidak dapat difahami oleh masyarakat umum iaitu apakah rancangan terkini mengenai rancangan ataupun pelan tindakan untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan ini. Matlamat ini memang bagus dan juga kita sokong kerana matlamat utamanya ialah untuk mengubah imej sekolah-sekolah kebangsaan dan juga untuk mengadakan satu perpaduan nasional yang lebih jitu dan juga lebih berkekalan.

Persoalan yang keduanya ialah kalau kita ada satu pelan tindakan mengenai memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan ini, bagaimana dengan kedudukan sekolah-sekolah lain sebagai contohnya sekolah wawasan yang telah dirancang untuk dibina di beberapa kawasan ini. Juga, persoalannya ialah mengenai sekolah-sekolah jenis kebangsaan (Tamil) dan sekolah jenis kebangsaan (Cina) ini. Bagaimana kedudukannya? Itulah persoalannya dan saya berharap kementerian dapat memberikan sedikit pandangan dan juga jawapan mengenai perkara ini.

Perkara kedua yang ingin saya sentuh ialah mengenai pendidikan rendah iaitu Butiran 020300 dan juga 020400 Pendidikan Menengah dan juga Pendidikan Guru iaitu 020700.

Tadi saya sangat bersetuju dengan apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa memang sekarang ini mutu guru yang mengajar bahasa Inggeris ini bukan sahaja kekurangan berlaku di kawasan luar bandar tetapi di bandar juga. Ini telah memberikan satu imej yang kurang bagus walaupun kes-kes yang tertentu sahaja tetapi ini tidak sepatutnya berlaku terutama di sekolah-sekolah baik di bandar ataupun di luar bandar, maka saya juga menyeru kepada kementerian bahawa kita mimpikan satu *emphasis*, dengan izin, atau fokus yang lebih berkesan terhadap mutu pengajaran guru-guru terutamanya dalam mata pelajaran Sains dan juga Matematik.

Perkara ketiga yang saya bangkitkan di sini ialah mengenai kekurangan guru. Apabila kita lihat nisbah anggaran guru dan pelajar kita dapati lebih 5 juta pelajar atau murid-murid di sekolah rendah dan juga menengah tetapi kita ada lebih kurang 330,000 orang guru. Ini bermakna seorang guru boleh menjaga lebih kurang 15 orang murid ataupun pelajar.

Secara teorinya tidak sepatutnya berlaku kekurangan guru tetapi ini telah menyebabkan masalah kepada sekolah-sekolah terutamanya sekolah-sekolah di bandar. Sebagai contohnya di kawasan saya Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Han Ming di mana kekurangan 45 orang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*].

Tuan Pengerusi: Jerai, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya amat bersetuju dan prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat bagi Puchong. Kalau tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa guru-guru tidak cukup di bandar, apatah lagi kami di luar bandar ini. Yang menjadi masalahnya ini, saya difahamkan satu ketika dahulu guru yang pencen telah diambil

kembali. Yang keduanya, apakah masalah yang mungkin pihak kementerian boleh memberi jawapan iaitu pemegang ijazah-ijazah kita yang keluar tidak ada kerja ini, yang banyak menganggur ini, tidak bolehkah kita mengambil mereka, bagi kursus perguruan dan sebagainya kemudian masuk balik menjadi guru. Jadi, yang ini yang menjadi masalah.

Dalam kawasan saya guru yang terbaik mereka hendak hantar pergi ke tempat lain sedangkan saya tahu guru itu anak Yan, sudah lama bekerja di Sabah dan hendak balik berkhidmat di Yan. Saya hendak bawa ke Yan kerana guru itu cekap dalam Matematik dan Inggeris tetapi hantar pula ke bandar, lama-lama orang luar bandar ini ketinggalan. Kemudian keputusan pula hendakkan 5A baru boleh masuk asrama, MRSM dan sebagainya. Hak yang di kampung sebelah hulu ini dapat 1B dalam Bahasa Inggeris *may be considered as excellent already*, dengan izin.

Jadi, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Puchong. Saya minta pihak Timbalan Menteri ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan dok jegil sahaja, bagi tahu jawapan ini [*Ketawa*]. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya harap kementerian juga boleh menimbang untuk mendapatkan kembali guru-guru yang telah bersara ini supaya berkhidmat di kawasan-kawasan bandar dan juga kawasan-kawasan luar bandar dan ini juga satu cara untuk mengurangkan beban kekurangan guru di sekolah-sekolah tertentu.

Tuan Pengerusi saya sambung mengenai perkara ketiga yang saya nyatakan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah penghabisan itu, Yang Berhormat. Gulunglah.

Tuan Lau Yeng Peng: Gulung ya? Okay. Perkara yang akhir, memang tadi saya mengatakan bahawa saya dengar ramai Yang Berhormat yang telah menyatakan bahawa kementerian ataupun pejabat tertentu yang kurang memberikan kerjasama tetapi baru-baru ini saya ada satu pengalaman di Kementerian Pendidikan Selangor dan juga Pejabat Daerah Petaling yang termasuk dalam kawasan saya, mereka ini memang telah memberikan satu kerjasama yang baik. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada kedua-dua kementerian ini terutamanya mengenai

masalah kekurangan tempat untuk murid-murid belajar di sekolah-sekolah tertentu, maka di sini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

12.58 tgh.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sama terlibat dalam perbincangan ini bagi Butiran 03600 Sistem Komputer dan Sekolah Bestari, 04600 Sistem Pengkomputeran Sekolah dan 03900 Pembangunan Sekolah.

Tuan Pengerusi, apa yang menarik perhatian saya ialah di kawasan saya kita ada satu sekolah, satu kawasan di mana ketiga-ketiga sekolah ini iaitu sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (Tamil) dan sekolah jenis kebangsaan (China) berkongsi pagar. Jadi, atas semangat perpaduan sekolah-sekolah ini, guru-guru serta PIBG sekolah-sekolah ini telah pun mengadakan perbincangan dan mereka bersetuju untuk mengadakan satu sistem komputer kurikulum di mana mereka akan berkongsi *syllabus*, berkongsi mata pelajaran bagi tujuan untuk merealisasikan hasrat penubuhan sekolah-sekolah ini iaitu perpaduan di antara kaum. Jadi, harapan saya supaya pihak kementerian menggunakan peruntukan ini sedikit sebanyak untuk merealisasikan hasrat sekolah tersebut.

Perkara yang kedua iaitu sistem pengurusan sekolah ini, kita perlu melihat pada hari ini sekolah-sekolah mempunyai kebebasan ataupun membenarkan pelajar-pelajar mereka mengenakan uniform-uniform yang berbagai-bagai warna. Pada sesetengah- keadaan kita melihat pelajar-pelajar sekolah ini seperti pekerja-pekerja kilang, ada yang warna ungu, merah, merah jambu, biru dan sebagainya. Jadi, apa kata kalau pihak kementerian melihat perkara ini semula supaya diselaraskan. Kalau boleh balikkah ke zaman 70-an ataupun 80-an dahulu di mana setiap pelajar sekolah mesti pakai pakaian putih. Kalau sekolah rendahnya pakaian putih dan seluar biru, sekolah menengahnya pakaian putih seluar putih ataupun seluar hijau gelap. Jadi, pihak

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Berdiri memegang buku Peraturan mesyuarat menghadap ke belakang sambil bercakap tanpa pembesar suara]*

Seorang Ahli: Masa cukup. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adalah menjadi hak Tuan Pengerusi untuk menyambung sesuatu perbahasan kalau sambutan daripada Ahli-ahli *Backbenchers* itu amat menggalakkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah tunjuk Yang Berhormat. Saya punya pertimbanganlah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya minta kalau selepas ini janganlah Timbalan Menteri yang menjawab kerana masih lagi ramai *Backbenchers* yang hendak bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan yang ke berapa itu, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Peraturan berapa itu?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Peraturan mesyuarat kita, Tuan Pengerusi. [*Ketawa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk, Yang Berhormat. Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ada dua minit? Tuan Pengerusi, jadi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sambung sebelah petang nanti.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguh sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Jawatankuasa*

2.30 petang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula, Majlis dalam jawatankuasa. Yang Berhormat Tangga Batu, sila sambung. Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izin juga saya menyambung tentang perbincangan saya tadi berkenaan dengan pengurusan sekolah berkenaan dengan uniform. Kita dapat lihat hari ini pemerhati kita pun ada di kalangan kanak-kanak sekolah. Di kalangan mereka ada yang baju biru ada yang baju putih. Kita tidak tahu yang mana satu benar-benar pelajar sekolah tersebut. Jadi apa yang ingin saya tekankan di sini ahli Yang Berhormat sekalian, Tuan Pengerusi, ialah ada di antara kanak-kanak ini yang ibu bapanya bila anak-anak mereka dilantik untuk menjadi pengawas, pengawas perpustakaan, pengawas skim pinjaman buku teks dan sebagainya tidak mampu untuk membeli pakaian baru untuk anak-anak mereka sekali gus telah sedikit sebanyak *demodé* telah mengurangkan semangat anak-anak tersebut untuk meneruskan pelajaran apabila ibu bapa mereka tidak mampu membeli pakaian dan anak-anak tidak boleh menerima jawatan sebagai pengawas sekolah, pengawas skim pinjaman buku teks dan pengawas perpustakaan.

Apa yang ingin saya sarankan di sini ialah untuk kementerian mengkaji semula tentang warna-warna pakaian yang ditentukan kepada anak-anak sekolah. Sehubungan dengan uniform itu juga, saya ingin meminta pihak kementerian supaya mengkaji tentang penggunaan seluar panjang bagi anak-anak di sekolah rendah dari darjah satu hingga ke darjah enam. Ada di antar kita mungkin tidak perasan di samping kerajaan menekankan aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek, pembangunan '*jerry*' ini amat penting kita juga menjadikan sekolah ini sebagai alat utama untuk perpaduan di antara kaum. Dengan pemakaian seluar panjang ini sedikit sebanyak telah menyebabkan kekurangan anak-anak dari kaum lain untuk menyertai sekolah-sekolah kebangsaan yang menjadi alat utama kita untuk menyatupadukan kaum. Apa kata pihak kementerian mengkaji semula berkenaan penggunaan seluar panjang ini memandangkan disebabkan pemakaian seluar panjang ini kaum-kaum lain tidak menghantar anak-anak mereka ke sekolah kebangsaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Seperkara lagi di kawasan saya Tangga Batu di dalam Rancangan Malaysia Kelapan ada merancang untuk membina sebuah sekolah menengah, Sekolah Menengah Pantai Kundur. Sekolah ini tanahnya telah tersedia jadi saya minta pihak kementerian supaya merealisasikan perancangan kerajaan ini supaya masyarakat di Tangga Batu hari ini yang menghadapi kesempitan sekolah boleh mendapat sekolah yang lebih ruang pada masa hadapan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran kita yang benar-benar *hands on* dalam memastikan kementerian benar-benar *managing a product instead of performing a duty*. Saya menyokong belanjawan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengkalan Chepa.

2.35 ptg.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ini untuk serta membahas di bawah kepala 020000 yang saya fokuskan kepada 020800 di bawah Perkembangan kurikulum dan Ko-kurikulum. Saya akan menyentuh satu aspek yang saya belum disentuh oleh mana-mana ahli Dewan.

Kerajaan sekarang ini sedang membuat satu fokus untuk dengan budget yang banyak di bawah Pertanian dan juga Industri Asas Pertanian. Dalam masa penjajah dahulu saya ingat masa saya sekolah rendah dahulu, sekolah-sekolah di luar bandar ini ada satu ko-kurikulum yang dibuat iaitulah kebun, di belakang sekolah itu ada kebun. Sebab itu anak-anak luar bandar ini bukan sahaja didedahkan kepada teknologi tetapi perlu didedahkan juga kepada teknologi perkebunan pertanian moden.

Saya menyarankan apa salahnya kerajaan sekarang ini menimbangkan sekolah-sekolah yang sesuai di luar bandar ini kalau tidak semua pun sebahagiannya dikembangkan ko-kurikulum di dalam bahagian-bahagian pertanian. Dengan itu satu masa nanti dalam lima tahun saya percaya bahawa petani-petani moden yang intelek yang boleh diasuh dan boleh dilatih di bawah pejabat-pejabat pertanian untuk menjadi satu kumpulan yang boleh mengambil bahagian yang cergas sebagai petani-petani moden.

Perkembangan ini perlu dikaji balik, kita tidak boleh menumpukan kepada masalah-masalah teknologi cyber dan sebagainya, ini sesuai untuk bandar tetapi dalam beberapa sekolah perlu kita *up-grade* kan ataupun meningkatkan kepada ko-kurikulum bukan sahaja sebagai landskap di sekolah-sekolah tetapi sebagai betul-betul kebun. Ada sayuran dan sebahagiannya ada perikanan, ikan air tawar, ada sebahagiannya penternakan seperti kambing, biri-biri dan sebagainya.

Pihak kaunseling dan kerjaya boleh melatih dan memberi kaunseling kepada kumpulan ko-kurikulum ini supaya mereka tahu bahawa pertanian ini bukan soal kemiskinan. Pertanian ini boleh mendapatkan pendapatan yang lumayan, kerja yang

mulia dan ini boleh sedikit sebanyak membasmi dan mengurangkan kemiskinan di luar bandar pada satu tahap yang akan datang. Itulah Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

2.38 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus memfokuskan pembahasan saya kepada butiran B 020300 dan P 00100 iaitu berkaitan dengan Pendidikan Rendah. Tetapi sebelum itu, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada pelajar-pelajar dari sekolah mana saya tidak tahu. *[Ketawa]*

Di kawasan Parlimen Mambong, ada Sekolah Rendah Kerajaan dan ada Sekolah Rendah Bantuan. Lebih banyak lagi Sekolah Rendah Bantuan daripada Sekolah Rendah Kerajaan, dengan bilangan 27 untuk Sekolah Rendah Bantuan dan 23 untuk Sekolah Rendah Kerajaan. Keadaan bangunan Sekolah Rendah Bantuan ini amat daif. Ini menjejaskan suasana pendidikan. Murid-murid kemungkinan ada kesulitan untuk menumpukan perhatian kepada pembelajaran. Oleh itu, saya rasa salah satu sebab prestasi UPSR di Sekolah Rendah Bantuan ini agak lebih rendah lagi daripada Sekolah Rendah Kerajaan. Saya telah pun memohon bantuan modal daripada Menteri Pelajaran untuk beberapa buah sekolah namun sehingga kini saya belum dapat jawapan lagi.

Yang kedua, saya tumpu perhatian untuk pembahasan ini kepada Butiran –P 00800 iaitu rumah-rumah guru. Rumah-rumah guru di kawasan Parlimen saya sendiri memang pun tidak selesa untuk didiami, ini adalah kemungkinan satu daripada sumbangan prestasi murid-murid di sekolah rendah bantuan ini tidak begitu memuaskan kerana jika keadaan rumah guru tidak selesa maka guru terpaksa tinggal di luar sekolah dan berulang-alik setiap hari, kadang-kala mereka datang lambat ke sekolah, ini menjejaskan prestasi mereka sendiri. Oleh yang demikian saya mohonlah pihak kementerian untuk membina rumah guru dengan lebih baik lagi.

Yang ketiga, saya fokus kepada pendidikan matrikulasi dalam Butiran B-030300 dan P-00200. Setiap tahun pada bulan Mei, saya bimbang apabila tiba masanya untuk pelajar-pelajar matrikulasi hendak mengikuti program tersebut mereka dari kawasan Parlimen Mambong, dihantar ke Labuan, jika mereka dihantar ke Labuan mereka memerlukan duit tambang pesawat dan bayaran yuran. Mereka selalu datang ke wakil rakyat dan minta wakil rakyat dan minta wakil rakyat membantu. Kita bukannya orang kaya yang banyak duit tetapi apakah sebab

kerajaan menghantar mereka ini ke Labuan kenapa tidak mewujudkan pusat matrikulasi di Kuching, bukanlah di Mambong, tetapi di Kuching. Jika, ada pusat matrikulasi di Kuching maka mereka ini tidak perlu dihantar ke Labuan.

Yang keempat, saya ingin menyentuh butiran B 00900 iaitu asrama. Pada bulan September 2001. Yang Berhormat Menteri Pendidikan pada masa itu mengumumkan bahawa sebuah asrama akan dibina di SK Kemok di kawasan saya ini. Tetapi sehingga kini asrama yang diumumkan belum dibina lagi. Bilakah kementerian hendak membina asrama ini. Silakan Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: terima kasih. Yang Berhormat, saya mahu tanya sedikit, mungkin Yang Berhormat menyedari asal sahaja buka sekolah wakil rakyat menjadi pusat khidmat kebajikan kepada pelajar-pelajar sekolah di mana kita diminta membantu membayar yuran-yuran sekolah dan sebagainya jadi kita wakil rakyat ini bergantung dengan elaun yang ada, kita bukan bank yang boleh mencetak duit. Apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran supaya meminta guru-guru besar dan guru-guru di sekolah masing-masing apabila ada buka pendaftaran di sekolah, panggil ibu bapa, minta latar belakang pendapatan mereka dan sediakan borang bantuan one-off yang disediakan oleh kementerian. Ibu bapa yang tidak mampu ambil borang ini dan isi. Sebab ini masalah. Kalau satu orang satu anak tidak apa, satu orang bawa tujuh anak, satu orang RM250, dia paksa wakil rakyat jadi perompak barangkali. Minta cadangan Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Saya setuju dengan Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Saya gulunglah ini, tetapi menjawab dia dahulu. Memang saya setuju dengan pandangan dia, itulah sebabnya kementerian seharusnya mengkaji latar belakang ibu bapa anak-anak ini, yang miskin bantulah dia orang, terus pergi ke Jabatan Pelajaran Negeri, jika mereka memerlukan tambang, berilah duit kepada mereka. Jangan dia orang datang untuk minta dengan wakil rakyat. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Muar.

2.45 ptg.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang pendidikan anak bangsa, saya dari pagi sampai malam karang pun saya tunggu. *[Ketawa]* Saya ingin menyentuh tiga perkara 20500, 20700, 20900 berkenaan

dengan pendidikan sekolah asrama penuh, pendidikan guru dan pengurusan buku teks.

Tuan Pengerusi, hari ini kita lihat pencapaian anak-anak kita dalam peperiksaan sebagai contoh PMR dan UPSR semakin meningkat. Sekolah berasrama penuh yang disediakan berbanding dengan pelajar yang mendapat 5A sudah tidak lagi mencukupi. Saya cuma ingin menyarankan agar kementerian meneruskan usaha dan memperbaharui ikrar untuk memastikan pelajar di luar bandar yang mungkin mendapat 4A 1B, 3A 2B akan terus diberikan tempat di asrama-asrama penuh yang ada. Jangan nanti hanya pelajar yang mendapat 5A sahaja mengisi tempat-tempat yang disediakan.

Perkara kedua, tentang pendidikan guru, sudah pun disebut dengan panjang lebar. Yang ingin saya tambah apabila kita melihat permohonan guru dalam KPLI sebagai contoh, 6000 tempat, pemohon lebih kurang 60,000. Sudah tentu mereka ini akan kecewa. Maka kekurangan guru sebenarnya.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat kata UPSR yang dapat 3A 2B atau tidak semestinya 5A supaya diberikan tempat, setujukah Yang Berhormat MARA sendiri sekarang hanya menetapkan 5A, adakah Yang Berhormat setuju supaya MARA juga menimbang kerana pelajar-pelajar luar bandar masalah mereka berbeza dengan pelajar di bandar. Bolehkah kita cadang kepada Menteri Pelajaran, Yang Berhormat pun boleh bisik-bisik dengan Menteri Pelajaran selepas ini supaya gesakan MARA juga menerima, buat keputusan hari ini juga, Yang Berhormat setuju? Kerana Yang Berhormat rapat dengan menteri.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih banyak, saya sangat setuju mungkin sebab kementerian yang menyelia MARA ini, MRSM telah terlepas sebelum result keluar. Kita harapkan di peringkat Kabinet, perkara ini diambil kira supaya anak-anak kita di luar bandar tadi dapat sama-sama bercampur dengan mereka yang di bandar supaya perpaduan luar bandar ini dapat diteruskan. Saya setuju sangat, Alhamdulillah.

Saya sambung balik fasal guru tadi, apabila pemohon yang ramai tempat yang sedikit, kita lihat banyak guru apabila tamat pengajian selama satu setengah tahun ini baru diberikan tempat mengajar, sebagai contoh setelah tamat pengajian – saya berbual-bual dengan guru diberi latihan kadang-kadang dia kata tiba-tiba dia diminta mengajar di sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil ataupun diminta mengajar di Sabah dan Sarawak atau di pedalaman yang mana mereka ini

sepatutnya dimaklumkan ketika mereka mulakan pengajian supaya selama tempoh satu setengah tahun mereka telah menanamkan pemikiran yang saya akan mengajar di luar bandar atau di sekolah Cina atau Tamil. Maka kalau dia tidak bersedia, bolehlah meninggalkan tempat-tempat pengajian dan kita boleh bagi peluang kepada guru-guru yang lebih bersedia. Ini akan menjimatkan kos latihan yang diberikan kepada guru-guru ini yang saya dimaklumkan diberi elaun sebulan RM1,000.

Jadi selepas kita bagi latihan setahun setengah dan minta mengajar di luar bandar mereka mengundurkan diri maka kita kerugian satu guru. Alangkah baik sebelum lagi mereka memulakan latihan beritahu awak akan dihantar ke luar bandar atau bandar. Saya ingin tambah di situ, pilihlah guru-guru yang betul-betul memohon yang datang merayu untuk menjadi guru, sebab yang memohon ini ramai, kadang-kadang mereka ini cuba-cuba mohon kalau-kalau dapat tetapi berilah kepada yang mahu kerana sebagai contoh sekolah asrama penuh tadi ada anak murid yang diberi tawaran tetapi menolak, ini berlaku. Kenapa ada penolakan bila ditawarkan ke asrama penuh. Bagilah kepada mereka yang betul-betul ingin mengajar dan ingin pergi ke sekolah asrama penuh.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Muar. Tahniah baru dilantik Ketua Pergerakan pemuda UMNO Johor, hebat orangnya, selamat UMNO kerana pemudanya hebat-hebat.

Soal guru ini, apakah susah sangat hendak ke luar bandar ini? Kerana, Timbalan Menteri akan menjawab. Guru perempuan lebih ramai daripada lelaki, ini masalah agaknya dalam perkhidmatan perguruan ini. Saya dengar cerita, saya pun Pengerusi PIBG, 80% perempuan. Jadi, agaknya yang cerewet ini perempuan, agaknya. Tetapi saya bukan hendak merendahkan perempuan, tidak. Tetapi perempuan ini kadang-kadang apabila dia sudah bersuami, suami di bandar, itu masalahnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, itu kecerewetan wanita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Panjang sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Datuk?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup Datuk ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya patuh Datuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini masa Yang Berhormat bagi Muar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, saya patuh. Terima kasih.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Datuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, gulung ya.

Tuan Razali bin Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menambah, saya harap pihak kementerian dapat memberitahu, dalam 300 guru yang ada, sebutkan semula berapa ramai lelakinya, berapa ramai wanitanya dan kalau boleh 60 ribu yang memohon KPLI ini, berapa ramai lelaki dan berapa ramai wanita kerana saya yakin ada lelaki yang memohon untuk memasuki KPLI, bagilah tempat kepada lelaki ini kerana masalah guru ini, kalau kita bagi sangat, ikut kelayakan kononnya keputusannya baik, masalah guru ini tidak selesai juga. Jadi, bagilah ikut peratusan dan kita atasi masalah guru dari masa ke semasa.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, tentang buku teks. Apa yang ingin saya cadangkan, dalam kita membuat belanjawan, tiap-tiap tahun kita membelanjakan sejumlah besar untuk menyediakan buku teks kepada anak-anak kita di luar bandar. Tahniah, syabas. Saya tidak ada masalah dan menyokong penuh tentang tindakan tersebut. Cumanya saya ingin mencadangkan agar kita dapat memperkenalkan Kempen Kitar Semula kerana di sekolah di bandar-bandar, sebagai contoh, ibu bapa biasanya membeli buku teks, bukan buku latihan, buku teks untuk anak-anak mereka dan saya rasa PIBG di bandar atau kementerian dapat menggerakkan agar buku-buku teks di bandar ini kita kumpulkan, dan kita hantarkan ke luar-luar bandar supaya penjimatan pembelian buku teks tahunan yang saya lihat sudah menjadi rutin. Asal sahaja tahun baru, bajet baru, ada satu jumlah untuk buku teks.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Ibrahim: ...sedangkan kita boleh kitar semula. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuan.

2.52 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 040000 – Pengurusan Dasar Pendidikan. Di negeri Sabah, di antara sekolah-sekolah yang cemerlang dalam peperiksaan adalah sekolah-sekolah *mission* sama ada sekolah rendah ataupun sekolah menengah.

Malang sekali sekolah-sekolah *mission* ini mempunyai satu masalah yang unik di mana tanah-tanah sekolah ini adalah dipunyai oleh pihak kerajaan dan guru-gurunya pula adalah digaji oleh pihak kerajaan. Apabila kemudahan sekolah ini dipertingkatkan, kita mohon peruntukan daripada kerajaan, kerajaan mempunyai masalah untuk memberi peruntukan sebab tanah itu dipunyai oleh kerajaan. Oleh sebab itu keadaan di sekolah-sekolah *mission* berada dalam keadaan yang begitu daif. Sebagai contoh, di kawasan saya, di Tuaran, Sekolah Menengah St. John dan juga Sekolah Rendah St. John adalah di antara sekolah yang terbaik dari segi pencapaian dan peperiksaan tetapi bangunan sekolahnya begitu daif.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah sebenarnya dasar kerajaan dalam soal ini, bagaimana, adakah kerajaan beri peruntukan untuk memperbaiki sekolah-sekolah ini dari segi membaiki kelas yang rosak ataupun memberi tambahan kelas dan sebagainya. Saya mohon supaya kerajaan beri perundingan dengan pihak yang berkenaan; pihak kerajaan dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah ini. Kalau boleh, kerajaan memberi peruntukan sebab dahulu, pernah juga saya sebagai seorang Ahli Parlimen memberi sedikit peruntukan daripada Peruntukan Khas Parlimen untuk membina kelas, tetapi sekarang tidak dibolehkan dan sekolah-sekolah ini, saya mempunyai dua buah sekolah di kawasan saya yang menghadapi masalah seperti ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ke B.41 – Butiran 00800 -Rumah-rumah Guru. Untuk rumah-rumah guru ini, dalam belanjawan ini, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan, hanya RM3 juta. Dalam RM3 juta ini, saya mohon supaya pihak kerajaan mempertimbangkan untuk membina rumah-rumah guru di S.K. Sungai di Sabah. Baru-baru ini saya telah pun melawat sekolah ini dan saya juga pernah bersama-sama dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar ke sekolah ini dan yang pertama, guru besarnya tidak mempunyai rumah dan dia terpaksa berulang alik dari S.K Sungai ke Penampang, yang begitu jauh. Tiga buah rumah guru yang dibina dari *bamboo*, dan ada baik sedikit dari reban ayam. Baru-baru ini saya ke situ dan saya mohon dari RM3 juta ini, tolong hantar ke Sungai. Saya sudah hantar surat kepada Menteri dan juga kepada Pengarah Pendidikan untuk memohon supaya dibina rumah guru di S.K. Sungai.

Seterusnya saya berpindah ke Butiran 03500 - Ubahsuai & Naik Taraf Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian bahawa di kawasan saya, di Tuaran, masih ada lagi beberapa buah sekolah rendah yang sudah pun diberi bekalan elektrik tetapi hanya

kerana tidak dimasukkan pemberian meter. Jadi, sehingga hari ini, bekalan elektrik ke sekolah-sekolah tersebut masih lagi tidak dapat digunakan dan untuk makluman, S.K. Gantung, S.K. 'Bunut Tahir, S.K. Pagenambor' S.K. Kelawar dan beberapa lagi sekolah, sehingga hari ini tidak mempunyai bekalan elektrik, terpaksa kita pakai gen set dan apabila kita pakai gen set, komputer-komputer pun rosak. Ini berlaku oleh kerana penyelenggaraan. Bila membuat BQ, tidak dimasukkan bekalan meter. Saya hairan bagaimana perkara ini boleh berlaku dan saya mohon supaya perkara ini dapat diatasi oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin berbahas sedikit dalam Butiran 020600 - Asrama. Saya ingin bersama-sama dengan beberapa rakan tadi yang telah menyatakan tentang yuran-yuran di asrama ini. Ramai para ibu bapa yang telah bertemu, menghantar surat tentang mereka yang mendapat surat-surat daripada pihak pentadbiran sekolah, dari pengetua bahawa anak mereka akan diusir daripada asrama jika sekiranya tidak membayar yuran. Kita pun telah meminta rayuan. Kalau kita lihat dari segi dasar, asrama ini dibina untuk para pelajar yang jauh daripada sekolah atau mereka yang terdiri dari golongan yang miskin. Apabila kita membuat rayuan, pihak pentadbiran mengatakan, orang ini layak dan mempunyai pendapatan. Oleh sebab itu, mereka hendaklah membayar yuran tetapi di sekolah-sekolah ini tidak ada tempat tinggal sebab jauh, tidak mencukupi. Saya boleh bagi contoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, ya. Oleh sebab itu, saya mohonlah, kalau diberikan asrama, selepas itu diminta untuk dibayar dan sebagainya dan diminta supaya dia keluar dari asrama, dan akhirnya dia tidak dapat bersekolah, saya ingat ini satu perkara yang perlu diambil kira dan diambil tindakan oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita sudah ketinggalan satu hari. Saya tengok isu-isunya pun lebih kurang sama. Selepas ini kementerian menjawab, jadi saya terpaksa menghadkan bilangan yang berucap. Saya ingat yang lain nanti boleh berucap, kita lama lagi di sini. Kita boleh berucap di dalam forum-forum yang lain. Jadi, saya bagi lagi kepada tiga orang untuk berucap. Mula-mula saya ingin bagi kepada Yang Berhormat bagi Ledang, selepas itu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor dan selepas itu saya bagi kepada seorang wakil perempuan. Kepada yang lain, saya minta maaf.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, bolehkah kita tahu kenapa masa dihadkan untuk perbahasan khasnya untuk Kementerian Pelajaran? Kementerian

Pelajaran ialah satu kementerian di mana anggaran yang terbesar sekali untuk semua kementerian, RM16 bilion, yang lebih besar daripada kementerian-kementerian, 40 kali, 50 kali pun..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, saya sudah bagi.....

Tuan Lim Kit Siang: Kalau Parlimen serius, mungkin kita perlu dua hari untuk Kementerian Pelajaran, kalau serius mengenai pelajaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita serius.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa kita hadkan lima minit, sepuluh minit? Bukankah ini *outrages*?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukankah kita perlu timbang dan kaji semula, kita mahu serius mengenai pelajaran. Kita bukan sahaja di sini, malah semua Ahli Parlimen Barisan Nasional pun boleh berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah Yang Berhormat, cukup, cukup. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, nanti Yang Berhormat ada mencelah lagi, bila Menteri menjawab, saya faham.

Tuan Lim Kit Siang: Kenapa? Kenapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham, saya faham. Sebab itulah saya bagi berucap.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, lima minit, sepuluh minit, apa itu *seriousness*?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya sudah bagi lebih daripada 20 orang bercakap. Isunya itu juga....

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sepatutnya dua hari sepenuhnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yalah, saya faham. Kita boleh bagi empat hari pun boleh...

Tuan Lim Kit Siang: RM16 bilion.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita ada kementerian-kementerian lain lagi yang ingin diselesaikan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, kementerian lain, 40 kali, 50 kali lebih besar anggaran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang: Patut ada *provision*.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila

Datuk Bung Moktar bin Radin: Saya ingat ini kali pertama saya sokong Ipoh Timor, saya sokong. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Ya, patut kita teruskan! *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila, Ledang.

3.00 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama mengenai Butiran 020000-Pembangunan iaitu untuk makluman Timbalan Menteri ini hal kawasan saya, makmal komputer Sekolah Kebangsaan Serom 5 Hulu yang sudah dua tahun siap tetapi belum boleh digunakan. Kedua Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya kepada kementerian apa sudah jadi dengan Jawatankuasa Penggubalan Dasar Pendidikan Nasional yang baru yang dipengerusikan oleh Tan Sri Murad Mohd. Nor. Dahulu bersidang, sekarang sudah macam tidak bersidang. Ada cadangan untuk memperkasa penguasaan bahasa Arab dan lain-lain.

Ketiga Tuan Pengerusi, yang ini saya ambil risiko sedikit iaitu tentang sekolah bantuan modal. Saya ingin mengambil contoh Sekolah Menengah Pewa di Sungai Mati, Muar, Johor. Saya mohon peruntukan untuk membina kantin baru kerana sudah uzur hendak bina Sekolah Menengah Pewa ini, rupa-rupanya kata kementerian tanah bukan milik kerajaan. Saya yakin perkara ini adalah perkara yang sama di seluruh negara. Kalau tanah-tanah bukan milik kerajaan, manalah kerajaan hendak bina projek.

Jadi, kalaulah ada satu dasar ataupun ada satu sistem tanah boleh dimiliki oleh kerajaan, lembaga ataupun Jawatankuasa Amanah sekolah-sekolah bantuan modal ini boleh terbuka sedikit mindanya dengan menyerahkan tanah kepada kerajaan saya fikir Batu Gajah tidak perlulah melalak lagi. Tidak perlulah dia jadi cili api.

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Keempat, Tuan Pengerusi, saya ingin *suggest* susun matrikulasi. Saya yakin taraf kolej matrikulasi lebih tinggi daripada STPM kerana jawapan-jawapan pada soalan-soalan yang dikemukakan dalam ujian mereka disemak atau ditanda oleh pensyarah-pensyarah universiti. Maknanya sudah sampai masanya kolej matrikulasi diserahkan atau dipindahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi supaya kita dapat meningkatkan tarafnya. Jangan ada orang menuduh kelulusan matrikulasi tidak setaraf dengan STPM.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, terima kasih banyak dan selamat hadir kepada adik-adik yang di sana.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timur.

3.02 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010400 - Pembangunan dan Pemulihan. Baru-baru ini satu perkara yang dihebohkan ialah mengenai 16 buah sekolah dan lima buah kolej komuniti yang sakit oleh kerana kelemahan dan kerosakan struktur dan lain-lain. Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada berkata bahawa dia tidak akan berkompromi dengan kelalaian dan korupsi tetapi perkara ini sudah berlaku tahun demi tahun.

Pada Julai tahun lalu apabila berlaku skandal makmal komputer sekolah khususnya di zon utara di mana kontraktor Belgrand dan PMC adalah disalahkan. Tetapi sampai sekarang semua berkata tindakan akan diambil. Adakah seorang dapat dibawa ke mahkamah. Adakah satu sen dapat balik sebagai *liquidated damages*? Adakah sesiapa yang diberi tanggungjawab? Sungguhpun sampai sekarang ini JKR patut tahun lalu ada ambil alih dan membuat jaminan akan menghabiskan semua pembinaan makmal komputer sekolah akhir tahun lalu.

Oleh kerana sudah tiga tahun lewat sampai sekarang semua belum disiapkan. Ini menunjukkan bukan masalah PMC sahaja malah JKR juga. Tetapi adakah semua ini PMC? *Project Management Consultant* di dunia ialah satu profesionalisme yang baru supaya projek lebih cepat dan mungkin lebih murah kalau tidak dalam bajet serta mempunyai kualiti. Tetapi di Malaysia, apa ertinya PMC? Satu *scam*, satu penipuan. Satu penipuan terima projek lebih mahal, ambil masa lebih panjang dan kualiti lebih teruk. Satu *scam*, itu malu Malaysia.

PMC di dunia ialah *Project Management Consultant* satu *sign* yang baru. Kenapa sampai di Malaysia menjadi satu *scam*, satu penipuan. Bolehkah dan apa tindakan yang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk membetulkan perkara ini. Oleh kerana dalam bulan Mac, masa itu bekas KSU Perbendaharaan, ada keluar satu arahan atau satu *circular* bahawa semua unit-unit teknikal kementerian masing-masing bertanggungjawab mengenai projek-projek. Kenapa sampai sekarang berlaku? Berlaku projek-projek yang rosak semacam ini. Bolehkah kita mendapatkan satu penjelasan yang jelas?

Yang kedua, mengenai kurikulum iaitu Butiran 020800. Pada tahun lalu apabila ada kurikulum baru iaitu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Sejarah

Tingkatan Empat dikeluarkan kita lihat bahawa dalam buku ini subjek sejarah dunia dalam buku yang lama yang ada di sini pun mengandungi majoriti bab dalam buku ini sudah diketepikan. Dalam kurikulum yang lama di mana Sejarah Islam 16% tetapi dalam buku yang baru sudah menjadi 50%. Kenapa?

Kita mahu mengenai *Asian history*, mengenai Hinduisme, Buddhisme, Taoisme semua diketepikan. Kita mahu globalisasi. Kita perlu anak-anak kita adalah fikiran terbuka. Tahun ini ada keluar sejarah Tingkatan Lima buku teks yang baru KBSB. Saya diberitahu oleh guru-guru bahawa kali yang pertama dalam 47 tahun sejarah Malaysia buku sejarah untuk anak-anak kita adalah sebut mengenai konsep ketuanan Melayu.

Konsep ketuanan Melayu untuk 47 tahun tidak pernah ada sebutkan itu, kenapa sekarang kita mahu menggunakan konsep ketuanan Melayu. Bukankah ini bertentangan dengan seruan dan pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya dalam perutusan Hari Kebangsaan di mana beliau berkata “Marilah kita semua rakyat Malaysia tanpa perlu rasa rendah diri, tanpa perlu rasa terpinggir, tanpa mengira bangsa dan agama, bangun menjadi negarawan di bumi sendiri. Kita semua adalah sama, kita semua rakyat Malaysia”. Tidak ada individu di negara ini yang diiktiraf lebih Malaysia daripada individu yang lain. Kenapa untuk 48 tahun tidak ada konsep ketuanan Melayu dalam buku sejarah. Kurikulum sejarah sekarang kita perlu ada.

Saya harap bahawa apabila kabinet bermesyuarat esok akan memulihkan keadaan yang dahulu. Kita mahu ke depan supaya Visi 2020, konsep bangsa Malaysia menjadi panduan untuk anak generasi yang baru dan bukan konsep ketuanan Melayu di mana untuk 47 tahun tidak pernah berlaku dalam buku-buku sejarah.

Mengenai sekolah matrikulasi, saya berharap bahawa kita mahu bersaing dengan dunia. Kalau kita mahu bersaing dengan dunia kita mahu satu sistem meritokrasi yang tulen. Bukan satu sistem meritokrasi yang palsu. Saya harap matrikulasi adalah satu rancangan untuk *phase out* matrikulasi atau apa-apa caranya supaya semua anak-anak *pre-university* adalah peperiksaan yang bersama. Saya bukan kata perlu *phase out* STPM kalau matrikulasi boleh mendapat pengiktirafan dunia. Lebih baik matrikulasi boleh diguna pakai. Saya percaya pada masa ini STPM, SPM adalah mendapat pengiktirafan dunia dan kalau begitu saya harap ada satu rancangan di mana *command* peperiksaan yang bersama untuk semua pelajar untuk masuk universiti dan guna matrikulasi atau STPM, satu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya akan menggulung. Akhirnya mengenai sekolah-sekolah rendah saya harap satu pendekatan yang baru khasnya mengenai Sekolah- Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dapat diberi layanan yang adil. Kita ada sekolah-sekolah kebangsaan rendah tetapi kurang pelajar. Tetapi untuk sekolah-sekolah SRJK(C) begitu sesak. 54 orang bukankah perlu satu sistem yang adil di mana kalau ada ibu bapa yang mahu anak mereka pergi sekolah-sekolah SRJK(C), binalah sekolah-sekolah tersebut.

Jangan ada halangan. Di sini saya mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan dan kawan-kawan saya, Ahli-ahli Parlimen daripada PAS. Nampaknya mereka di"reward" oleh kerana mereka sokong calon Yang di-Pertua. Sangat nyata dan ketara dalam perbincangan ini, Ahli-ahli Parlimen DAP dihukum dan ini bertentangan dengan jaminan yang dibuat oleh Yang di-Pertua bahawa dia akan adil. Mana dia adil? Saya harap agar ini akan menjadi ingatan janganlah buat begitu. Kita mahu adil, tunjuk adil. Mahu bagi *advantage* kepada Ahli Parlimen PAS, saya tidak bantah, tetapi mahu adil kepada kita. Ini kita semua tahu!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita sudah adil.

Tuan Lim Kit Siang: Kali yang ke berapakah itu? Saya harap...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...kita akan ambil perhatian...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup dah. Kita sudah adil, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak adil, ini tidak adil dan kalau ini caranya, saya rasa inilah menunjukkan bahawa Yang di-Pertua tidak mengotakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...janji beliau. Saya harap beliau akan ingat apa yang berlaku hari ini....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah lebih masa, Yang Berhormat, ya. Cukuplah dulu.

Tuan Lim Kit Siang: ...tidak akan berulang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gelang Patah, selepas itu Menteri menjawab.

3.11 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma satu perkara saya ingin bangkitkan iaitu mengenai Butiran 040300 – Pendidikan Swasta.

Tuan Pengerusi, bukan semua institusi pendidikan swasta di negara kita adalah berbentuk perniagaan dan mencari keuntungan. Terdapat juga golongan institusi pendidikan swasta yang tidak bertujuan mencari keuntungan atau *non-profitable*. Bagi golongan institusi pendidikan termasuk sekolah menengah dan kolej, universiti yang *non-profitable* di mana perbelanjaan pengurusan dibiayai dengan kutipan derma daripada orang ramai secara sukarela.

Kerajaan harus memberi subsidi bantuan untuk membantu mereka. Derma-derma yang dihulur kepada institusi pendidikan ini harus diberi pengecualian cukai pendapatan untuk menggalakkan orang ramai turut sama memberi sumbangan kepada pembangunan pendidikan negara. Kesanggupan menunaikan obligasi sosial terhadap masyarakat harus direstui kerajaan.

Tuan Pengerusi, tidak boleh dinafikan bahawa institusi pendidikan swasta yang bersifat *non-profitable* ini telah memberi sumbangan terhadap pendidikan negara sedangkan kerajaan telah berulang kali menjana kepada pihak swasta memainkan peranan penjana ekonomi negara, kita harus juga merestui peranan yang dimainkan oleh institusi pendidikan swasta.

Dengan ini, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Masa Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila membuat jawapan.

3.14 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya saya dapati bahawa 24 orang Ahli Dewan kita yang mengambil bahagian bagi membahaskan peruntukan Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian saya akan cuba sedaya-upaya untuk memberi penjelasan yang boleh dan saya berharap benarlah kiranya dapat memberi masa sedikit kepada pihak Kementerian Pelajaran.

Saya pun juga dapat memahami apakah saranan-saranan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian dan saya juga dapat merasai apakah saranan-saranan itu dapat kita beri pertimbangan yang sewajarnya. Begitu juga dengan kritikan-kritikan, kita tetap mengambil dengan hati yang terbuka.

Selain daripada itu saya juga sebagai seorang wakil rakyat yang dipilih, oleh yang demikian saya juga merasai apa yang dirasai oleh pihak Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian iaitu seperti lagu “*Kuch Kuch Hota Hei*”. Seperti yang dia kata, hati saya dapat merasai apa yang hati pihak Yang Berhormat hendak mengatakan.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Lagu itu kena tanya Speaker, Speaker tahu lagu itu. *[Disampuk]*

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Ketawa]* Saya sebutkan ini dan lagu “*Kuch Kuch Hota Hei*”, perasaan. Jadi saya dapat merasai, begitu juga apa yang dirasai oleh Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat merasai dalam hati Yang Berhormat, saya juga turut merasai dalam hati saya. Selamat Hari Raya kepada sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Bukit Gantang telah membangkitkan beberapa perkara seperti mengenai dengan murid-murid lepasan SPM. Katanya murid-murid lepasan SPM, ada yang tidak boleh membaca dan menulis. Kita terima hakikat itu. Sebab itu adalah akibat daripada sistem kita yang menggalakkan peningkatan secara automatik, itu kita dapat terima. Malah kita telah menjalankan segala macam usaha daripada sekolah menengah lagi buat masa ini kita juga ada guru-guru yang dipanggil untuk membaik pulih keadaan ini untuk membaca dan menulis.

Insya-Allah pada masa hadapan kita berharap perkara tidak boleh membaca dan menulis ini dapat diatasi. Sebabnya ada...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir: Sekejap ya.

Sebabnya ada di antara kita terutama sekali...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi lagi, Yang Berhormat.

Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir: ...ibu bapa...

Sekejap sahaja. Sat lagi saya bagi.

...antara kita yang tidak mahu terima hakikat bahawa ada di kalangan anak-anak yang tidak dapat mengenali huruf sejak daripada sekolah rendah lagi dan ini kadangkala kalau kita beri nasihat, mereka tidak boleh terima. Walau bagaimanapun, usaha kita di pihak *special aid* ataupun untuk baiki keadaan ini, kita akan lakukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, nampaknya apa harapan Timbalan Menteri tidak sama dengan apa yang berlaku. Saya tidak dapat terima apa yang dia terima. Jadi maknanya apa yang dia rasa tidak sama dengan apa yang saya rasa. Dia kata tadi, “*Kuch Kuch Hota He*” maknanya apa yang kita rasa, itu yang dia rasa. Tetapi dalam jawapan ini, apa yang dia rasa yang saya tidak boleh rasa! *[Ketawa]* Sebab bagi saya lepasan SPM kalau tidak boleh membaca memang tidak boleh terima, tidak boleh terima. Jadi, macam mana Timbalan Menteri boleh terima?

Ini satu kegagalan tragedi dalam pembelajaran rakyat dalam negara ini. Soal terima lepasan SPM tidak boleh membaca tidak boleh diterima!

Seorang Ahli: Nahi mahraj!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nahi, nahi, nahi! *[Disampuk]* *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa benda itu, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Wallahualam, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Jadi, di mana silapnya? Di mana silap sistem kita? *[Disampuk]* Siapa yang hendak disalahkan? Ibu bapa, guru, kementerian, Menteri, Timbalan Menteri atau siapa? *[Disampuk]* Apakah Speaker yang salah? *[Ketawa]* Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Penasihat yang di sebelah itu kena diam sedikit. *[Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya apa Yang Berhormat rasai, saya rasai ialah kita sebagai ahli Dewan yang dipilih. Maknanya, saya di sini janganlah anggap bahawa kami bila dilantik ke dalam jawatan kerajaan, maka kedudukan kami sudah jauh berbeza dan tidak lagi hendak membela nasib rakyat seperti Yang Berhormat sekalian di pihak sana. Jadi dalam hal inilah saya kata kita seia sekata. Malah dalam soal murid tidak boleh membaca dan menulis itu saya terima. Apa yang saya hendak sebut di sini ialah bahawa beberapa kajian telah kita lakukan dan tindakan-tindakan kita telah lakukan.

Apa yang saya cuba jelaskan, misalnya, masalah *dyslexia*, dengan izin Tuan Pengerusi, iaitu anak-anak kita yang setengahnya kalau tidak ada masalah kita tidak ada masalah. Ada anak-anak yang tidak boleh membaca sejak daripada awal lagi, iaitu misalnya, kita ambil “b” dia nampak macam “d”; “3” dia nampak macam “8”, ini yang berlaku. Jadi apa yang kita cuba lakukan sekarang ini ialah pihak kementerian kita akan menyaring semua ini di peringkat awal, dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil dan di sinilah kita perlu kerjasama daripada ibu bapa. Ada antara ibu

bapa yang tidak mahu menerima ini malah dari segi pakai kaca mata pun dia tidak mahu terima, pendengaran pun dia tidak mahu terima. Kita hendak buat macam mana? Akhirnya kita terima. Dia kata, "Tidak mengapalah, saya hendak anak saya duduk juga di sekolah dan belajar". Akhirnya dia tidak boleh.

Oleh kerana sistem kita berasaskan kepada automasi, jadi terus dia ke darjah enam. Darjah enam pula dia ambil peperiksaan guris-guris itu (objektif) dan dia terlepas. Dia masuk ke tingkatan satu, dia terlepas lagi sampai ke tingkatan lima. Inilah yang biasa berlaku. Walau bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kita akan cuba untuk mengatasi masalah-masalah seperti ini.

Seperkara lagi, Yang Berhormat bagi Bukit Gantang juga telah pun menimbulkan mengenai dengan bantuan-bantuan di Sekolah SJK(C) dan SJK(T), begitu juga jawapan ini dapat membantu jawapan-jawapan, soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya hendak beri tahu di sini ... sekejap sahaja, saya habiskan yang ini dulu, iaitu sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan, kita telah memperuntukkan sebanyak RM53 juta kepada 816 buah sekolah yang kita beri itu tadi untuk membaik pulih keadaan-keadaan ini. Ini tidak termasuk RM3.4 juta yang sedang diproses oleh pihak kementerian. Ini pihak SJK(C) dan SJK(T). Jadi janganlah sangka, inilah saya minta kepada Yang Berhormat dalam hal ini, benda ini telah ditimbulkan berkali-kali dan kadangkala dimasukkan seolah-olah ini telah dipolitikkan, yang mana Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan diketepikan. Itu tidak timbul.

Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan, sebab itu kita sebut Sekolah Jenis Kebangsaan. Sekolah itu – Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dia mendapat segala macam bantuan daripada pihak kerajaan – gurunya dibayar oleh kerajaan, elaunnya dibayar oleh kerajaan, segala apa bantuan yang kita beri kepada tiap-tiap Sekolah Kebangsaan kita beri juga kepada Sekolah Kebangsaan. Jadi di manakah yang dikatakan kita telah ketepikan Sekolah Jenis Kebangsaan?

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi saya berharap, berkali-kali saya merayu kepada pihak Yang Berhormat sekalian ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: supaya tidak membangkitkan persoalan di mana kita mendiskriminasikan Sekolah Jenis Kebangsaan. Malah kalau ia ada dua tiga orang murid pun kita kekalkan. Jadi apa masalah yang timbul?

Datuk Bung Moktar bin Radin: Tanya sikit.

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah tiga orang bangun Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Errr, Yang Berhormat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Sabak Bernam.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya takut saya terlepas ke belakang tadi. Saya hendak kembali kepada isu pelajar yang sampai di tingkatan lima pun masih buta 3M. Sebenarnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat kita tahu bahawa dalam sistem KBSR/KBSM kita berpegang kepada sistem 3P iaitu pengukuhan, pengayaan dan pemulihan. Dalam pemulihan ini sendiri di peringkat sekolah rendah, kita ada pemulihan biasa, pemulihan khas. Saya sendiri sebenarnya terlibat secara langsung dalam KBSR.

Sebenarnya pelajar di darjah tiga ataupun di tahun tiga, kalau hendak masuk ke tahun empat, guru pemulihan itu sebenarnya adalah guru pakar. Saya masih ingat lagi seorang guru di Kuang di mana dia mencabar sesiapa yang anaknya, kecuali dia cacat, dia memang boleh beri kemahiran 3M dalam tempoh dua bulan, saya masih ingat lagi itu. Maknanya, di sekolah rendah, Yang Berhormat Timbalan Menteri, guru-guru pemulihan khas ini sebenarnya mempunyai kepakaran untuk mengelakkan anak-anak kita daripada buta dalam 3M kecuali mereka itu cacat dalam akal dan fikirannya.

Oleh kerana itulah saya ingin bertanya sebab di sepanjang perbincangan ini, oleh kerana saya pun orang pendidikan selama 20 tahun, saya merasai berbagai-bagai kesakitan apabila saya dengar berbagai-bagai kritikan dan komen. Tetapi kita harus mengambil ini sebagai sesuatu yang positif kerana daripada kritikan itu,

teguran itu sebenarnya kita boleh memperbaiki diri kita. Saya setuju, tetapi ada di antara kita mungkin tidak *qualified* di atas apa yang kita bercakap. Umpamanya, apabila disebut bahawa ramai di antara mereka menjadi guru bukan kerana mereka benar-benar hendak jadi guru, saya ingat ini merupakan satu kenyataan yang tidak adil. Saya ingat kalau ada data yang kita boleh sebutkan, sila berikan data – berapa orang sebenarnya yang tidak berminat jadi guru menjadi guru? Saya ingat kenyataan seperti ini adalah tidak adil.

Tetapi saya hendak berbalik kepada perkara pemulihan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa sebenarnya pihak Kementerian Pelajaran sendiri mempunyai kepakaran untuk mengelakkan anak-anak kita daripada buta 3M selepas ataupun apabila dia masuk ke sekolah menengah. Oleh kerana itu saya hendak bertanya, berapa sebenarnya bilangan pelajar-pelajar kita yang buta 3M menjelang tingkatan lima seperti yang disebutkan? Saya rasa tidak ramai, oleh kerana itu ini adalah satu pengecualian. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya angka itu saya tidak dapat pastikan di sini oleh kerana spesifik. Kalau Yang Berhormat pohon saya akan cuba dapatkan bilangannya dalam keadaan yang sedemikian. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang sewajarnya telah pun diambil oleh pihak kementerian kebelakangan ini dengan mengadakan guru-guru yang mengendalikan kelas-kelas khas ini. Jadi saya berharap di antara anak-anak yang tidak berkemampuan ini diharap dapat berjumpa dengan pihak pengurusan sekolah untuk dapat

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya melihat bahawa kekalutan yang kita hadapi ini berlanjutan. Kita sudah merdeka hampir-hampir 50 tahun. Masalah pendidikan, pembelajaran di negara kita tidak putus-putus, bertali arus, bersambung-sambung sedangkan sistem pendidikan kita begitu jelas.

Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kementerian bahawa masanya sudah tiba supaya semua pihak menerima hakikat. Kita kembali kepada sosial kontrak. Kita kembali kepada pepatah Melayu menyatakan, “Kalau sesat di hujung jalan kita balik ke pangkal jalan”. Kita runding dengan semua komponen masyarakat di negara kita. Kalau mungkin masalah kita terlalu banyak – sekolah-

sekolah ada – Sekolah Jenis Kebangsaan, ada kebangsaan kebangsaan ini pun ada *local* kebangsaan, ada sekolah yang Kadazan Dusun minta, Iban minta, lama-lama orang Sungai pun minta, semua minta – Bidayuh minta. Kenapa kita tidak berpegang kepada peraturan yang sedia ada?

Kita kembali kepada jalan yang sedia ada, iaitu mungkin kalau kita selaraskan sistem pendidikan ini, kita boleh menjurus ke arah satu sistem pendidikan negara yang lebih dinamik, lebih memuaskan. Ini hari-hari kita dengar sekolah itu tidak ada, ini tiada bantuan, menuding jari antara satu sama lain. Kenapa tidak ada jalan untuk kita menyelesaikan persoalan ini? Kenapa kita perlu mempertikai persoalan ini, asal ada persidangan, isu itu Ahli Parlimen ini bawa, itu bawa, DAP bawa. Kenapa tidak kita gunakan satu penyelarasan – sekolah yang disediakan oleh kerajaan. Minta komen Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita pun berasaskan kepada sejarah. Jadi sejarah berlaku sedemikian rupa dan kemudian persetujuan telah dicapai. Sebab itu kita mempunyai Dasar Pendidikan Negara dengan berpandukan kepada Akta Pelajaran dan Akta Pelajaran itu juga berpandukan kepada Perlembagaan Malaysia. Maka dengan yang demikian kita telah mewujudkan sekolah-sekolah tadi, malah kita telah pun terima Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan dan sekali lagi satu sekolah swasta.

Jadi ini telah pun kita selaraskan umpamanya macam dari segi kurikulum di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan telah diwujudkan benda yang sama. Cuma yang berbeza ialah persetujuan yang telah dicapai oleh semua pihak iaitu bahasa di peringkat Sekolah Jenis Kebangsaan itu masih dikekalkan dalam Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun bahasa-bahasa ini juga sekarang sedang kita lakukan bagaimana hendak menarik lebih ramai daripada kalangan anak-anak ini menyertai Sekolah Kebangsaan iaitu di mana kita sudah kata, kita sudah bersedia untuk mengadakan bahasa-bahasa ibunda diajar di Sekolah-sekolah Kebangsaan tadi.

Umpamanya di Sabah dan Sarawak kita ada bahasa-bahasa seperti bahasa Kadazandusun. Bahasa Iban di Sarawak dan di sini juga kita izinkan Sekolah Kebangsaan sekiranya diminta kita juga wujud bahasa Cina dan bahasa Tamil. Itu yang dilakukan. Jadi Sekolah Jenis Kebangsaan hanya bezanya ialah dari segi bahasa penghantar itu sahaja. Kurikulumnya sama. Itu kita tidak ubah. Walau bagaimanapun ini kita mintalah kita akan bincang dan lagi pada masa-masa depan

oleh pihak-pihak NGO dan sebagainya pada masa akan datang. Saya teruskan dengan....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan, hendak bagi atau tidak?

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Amboi, sudah minta bagi...bagi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Tentang bahasa ini saya hendak minta penjelasan sikit. Bahasa Arab. Bahasa Arab ini telah di ilhamkan dan akan di buat mengikut Menteri Pendidikan. Jadi apakah bahasa Arab ini juga akan menjadi bahasa yang wajib dan adakah guru-guru untuk mengajar bahasa Arab ini cukup? Jadi saya hendak minta penjelasan sikit kerana ini telah pun saya difahamkan bahawa sekolah-sekolah akan diadakan beberapa pelajaran bahasa Arab.

Bahasa Arab ini adalah bahasa antarabangsa, bahasa Al-Quran tetapi ia perlu mendapat seorang guru yang fasih dengan bahasa Arab, kalau tidak silap saya Pasir Mas ya?

Tuan Haji Ismail bin Noh : Ya

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bahasa Arab. *Assalamualaikum [mengalihkan pandangan kepada Yang Berhormat Pasir Mas]* kerana bahasa Arab ini kadang-kadang silap kita sebut jadi perkara lain. Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Naam. Naam. Bekhair. Saya akan jawab ini sekali gus semasa saya jawab ada soalan-soalan yang berkaitan dengan J-QAF, yang ini kita akan sekali jawab dengan itu. Bukan saya akan tinggal, saya akan sambung sekali apabila saya membincangkan mengenai J-QAF, ada satu soalan yang dibangkitkan tadi mengenai J-QAF dan di situ saya akan bangkitkan.

Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, juga bercakap mengenai dengan pendidikan guru. Di sini juga saya akan tegaskan bahawa kita telah mengadakan perancangan ini mengenai dengan rancangan pengambilan guru dan sebagainya, tetapi begitu juga dengan sekolah SJKC kita beri juga kelonggaran untuk mendapatkan guru-guru yang boleh mengajar Bahasa Cina. Malah kita telah pun melonggarkan syarat-syarat dia tadi iaitu orang yang boleh mengajar Bahasa Cina tetapi malangnya kadangkala kita tidak dapat walaupun ramai orang mengatakan kita sudah mencukupi guru dan kenapa kita tidak cukup guru?

Soalnya di sini ialah soal guru opsyen, opsyen dalam bidang-bidang tertentu. Kita tidak boleh mengambil semuanya. Asalnya mereka ada kelayakan, kita terus

ambil dia jadi guru - tidak. Dalam soal perancangan pendidikan guru, kita mengambil mereka yang layak untuk satu-satu opsyen. Di sini apa yang berlaku ialah kekurangan guru opsyen, bukan kekurangan guru. Misalnya guru-guru Bahasa Cina umpamanya, kita telah melonggarkan syarat-syarat pengambilan guru-guru tadi sehingga kita ada pengambilan secara *walk-in*, dengan izin.

Saya juga mengambil kesempatan ini bercakap mengenai dengan Majlis Peperiksaan yang telah dibangkitkan berkali-kali mengenai....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sikit sahaja, fasal guru ini. Fasal hendak cakap tidak ada masa, pencelahan ini boleh juga. Yang Berhormat sedar atau tidak, kadang-kadang guru ini, tumpuan dia macam-macam. Kursus dihadiri waktu sekolah. Kemudian dia terpaksa pergi ke mesyuarat waktu sekolah, sehinggakan murid-murid ini, dalam bahasa Inggeris kata '*fed up*'. Dia kata '*fed up*' dengan guru. Bosan. Dia bosan dengan sikap-sikap sedemikian rupa. Jadi cuba kita tengok terpaksa ibu bapa hantar anak tuisyen. Tuisyen di bandar raya Kuala Lumpur bukan murah. Kalau bahagian kampung saya itu tidak apalah murah. Terpaksa bayar tuisyen kerana anak-anak tidak dapat menumpu pelajaran dan cikgu tidak boleh bagi tumpuan kepada pelajaran di sekolah-sekolah. Apa salahnya kursus untuk guru ini dibuat masa cuti sekolah. Hendak mesyuarat pun, mesyuaratlah hari lain. Ini waktu itulah mesyuarat, waktu itulah kursus dan dahulu masa zaman saya sekolah kita ada pelawat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah ambil peluang berucap.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi, lepas Hari Raya muka nampak berseri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini tiada kaitan, tiada sangkut paut dengan perkara yang kita bangkit.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, kalau hendak puji Tuan Pengerusi pun kitalah, sama umur. Orang muda tidak puji kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak puji, puji luarlah. Tidak payah di sinilah. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah. Dalam Islam puji memuji dapat pahala. Tidak begitu? *[Ketawa]* Jadi, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri uruskan, sistematikkan tugas dan tanggungjawab guru ini kerana

guru banyak bising dekat kita, dia kata kena buat itu, kena buat ini. Tetapi dia tidak katalah gaji dapat, *annual* dapat, elaun dapat. Dia tidak cerita. Jadi terpaksa ibu bapa hantar anaknya pergi tuisyen. Fasal apa hendak hantar tuisyen kalau di sekolah guru itu boleh ajar dengan elok? Saya hendak tanya itu satu soalan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga dapat banyak laporan seperti mana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat di mana banyak saranan-saranan yang dibuat. Saya akan cuba sedaya upaya kita bangkit lagi sekali untuk seperti mana kata Yang Berhormat tadi kita mensistematikkan segala kursus itu. Kalau boleh kita hendak ada juga masa cuti. Itu akan kita lakukan, sebab saya sudah terima banyak kompelin dan juga saranan-saranan seperti Yang Berhormat katakan tadi, kita akan cuba lakukan.

Mengenai dengan tuisyen itu memang kita tahu setengah-setengah di kalangan ibu bapa terutama sekali bukan sahaja di sekolah, mereka juga hendak anak dia itu lebih pergi ke kelas-kelas tuisyen sebab balik kepada punca tadi yang di katakan puncanya ialah orientasi peperiksaan tadi. Masing-masing yang sebenarnya apa yang saya difahamkan yang ketakutan masa peperiksaan ialah ibu bapa, bukan anak itu yang takut, ibu bapa yang takut. Begitu juga apabila keputusan itu keluar, ibu bapa yang menggegetar, bukan anak-anak yang menggegetar. Itu ceritanya Yang Berhormat, janganlah hentam saya pula kemudian.

Yang Berhormat daripada Santubong juga telah membangkitkan mengenai dengan sekolah-sekolah yang usang itu, kita juga akan beri perhatian dan di sinilah juga akan dilakukan beberapa baik pulih. Kita telah peruntukkan beberapa ini hanyalah dari segi pengawasan dan sebagainya.

Mengenai dengan pengurusan sekolah yang mana telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, guru-guru yang terlibat dalam perniagaan dan sebagainya, yang itu kalaulah dia sudah keluar daripada jadi guru, dia hendak berkecimpung dalam perniagaan, itu tidak dapat kita elakkan. Walau bagaimanapun kita akan cuba memperingatkan lagi sekali kepada guru-guru supaya tidak terlibat dalam kerja-kerja lain selagi mereka dalam perkhidmatan perguruan.

Begitu juga dengan sekolah yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai dengan UPSR, ini juga kita akan beri perhatian.

Yang Berhormat bagi Kuala Krai juga telah membangkitkan mengenai dengan tidak kecukupan guru-guru di beberapa buah sekolah di kawasan Dabong. Itu juga saya akan bangkit sekali lagi dan saya rasalah kemungkinan besar di sini

ialah guru-guru opsyen yang tidak cukup, bukan guru-guru tidak cukup, guru-guru opsyen. Maksud saya, katakanlah guru Matematiklah, guru bahasa Inggeriskah, guru sekian-sekian. Padahal, dalam daftar guru sudah mencukupi. Tetapi, guru *option* mungkin tidak mencukupi.

Mengenai dengan bahasa Inggeris kurang *personnel*, ini juga adalah persoalan yang kita selalu bangkit, guru-guru terlatih dalam *option* bahasa Inggeris, amat berkurangan dan ini akan dilakukan lagi pertambahan.

Mengenai dengan pelawat-pelawat, kita masih ada pelawat ataupun Nazir bebas yang pergi ke sekolah-sekolah. Sekarang ini, pendekatan Nazir bukan lagi seperti dahulu, pergi hanya cari kesilapan guru-guru sahaja, tetapi hari ini tidak. Mereka pergi melawat dan bawa balik apakah *recommendations* ke atas sesebuah sekolah itu sekiranya berlaku apa-apa kekurangan.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga membangkitkan mengenai dengan pendidikan Islam. Di sini, ingin saya ingatkan, kita hanya telah menjalankan projek rintis mengenai apa yang kita panggil J-QAF tadi dan kita percaya dalam 2005 ini, ia akan berjalan lancar di mana pada 2004 yang lalu, telah pun kita jalankan projek-projek rintis tadi di 30 buah sekolah. Manakala, pelaksanaan tahun 2005 pula akan dilakukan di sebanyak 1,221 sekolah. Sekolah J-QAF akan dilaksanakan mulai 2005 ini dan sekolah ini akan, kita katakan tadi, J-QAF termasuklah Al-Quran, Jawi dan sebagainya.

Tadi, Yang Berhormat bagi Jerai juga telah membangkitkan mengenai dengan Jawi dan Arab. Saya pastikan di sini, kami masih berhadapan dengan masalah guru bahasa Arab. Soalnya, bahasa Arab itu memang penting. Jadi, guru bahasa Arab sekali lagi

Tuan Haji Ismail bin Noh: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Mengenai dengan J-QAFkah?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Saya tertarik dengan masalah pendidikan Islam. Saya rasa bahawasanya pendidikan kepada guru-guru yang terlibat dengan mata pelajaran Islam sahaja tidak cukup, di mana pendedahan kepada pendidikan Islam ini perlu dibuat kepada guru lain yang mengajar mata-mata pelajaran yang lain sehinggakan mereka juga dapat menunjukkan satu contoh teladan yang baik kepada pelajar-pelajar yang ada di hadapan mereka.

Ini kerana, kalaulah guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam semata-mata yang mengajar, yang mendidik mereka, tetapi, guru lain tidak terlibat, sekurang-kurangnya tidak dapat membawa satu contoh yang baik. Itu satu perkara. Yang kedua pula, saya rasa J-QAF itu perlu dibuat satu kajian yang menyeluruh sehingga tidak berlaku sebagaimana yang telah berlaku, di mana pelajar-pelajar walaupun mereka sudah ke tingkatan lima, tetapi masih lagi tidak dapat membaca, tidak dapat menulis. Apa lagi mata pelajaran bahasa Arab, bukan mudah.

Mata pelajaran bahasa Arab ini diakui susahnyanya. Jadi, kalau kementerian sudah bertekad untuk melakukan kerja-kerja ini, maka kesungguhan terhadap mata pelajaran itu mesti dimulakan dengan peringkat awal, peringkat sekolah rendah, peringkat sekolah menengah dan seterusnya jangan hanya sekadar sekolah rendah sahaja, kemudian sekolah menengah berhenti setakat itu. Kita tidak dapat menghasilkan sesuatu yang kita kehendaki kerana pelajaran ini, ia mesti mempunyai kesinambungan dari masa ke semasa dan daripada umur ke umur. Tidak hanya satu masa tertentu sahaja. Jadi, saya kira sebelum daripada melaksanakan kerja-kerja ini, kementerian mesti buat satu kajian yang menyeluruh, sehingga hasil natijahnya dapat kita rasai bersama. Sekian.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas dan segala apa cadangan itu, kita tetap akan lakukan. Cuma, apa yang saya hendak bangkitkan di sini agak pelik, apabila pihak kerajaan Barisan Nasional telah lakukan benda-benda ini mengenai dengan pelajaran agama, bahasa Arab, malah dahulu ada protes mengenai peperiksaan STAM pun, pihak PAS protes. Yang ini, yang kami tidak faham. Bila kita buat kali ini, terima kasihlah Yang Berhormat telah pun beri sokongan yang padu dan kuat, kerana ini mengenai dengan pelajaran agama Islam. Terima kasih Yang Berhormat tetapi, masa lampau tidak apalah. Masa itu, PAS tengah dok kira kawan dapat sokongan kuat.

Jadi, dia kata apa Barisan Nasional buat semua tidak betul. Padahal, kita sudah buat sampai peringkat menengah, sampai peringkat STAM. Kemudian di luar negeri. Kemudian di universiti, kolej dan sebagainya, cukup banyak Kerajaan Barisan Nasional telah buat, tetapi, tidak pernah diberi pengakuan oleh pihak parti PAS, malangnya. Tetapi, hari ini saya mengucapkan ribuan terima kasihlah, selepas Aidilfitri 1425, Tuhan telah membuka hati pihak PAS untuk memberi sokongan kepada kita. Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. "Ambo amat berterima kasih".

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Ya, yang mana satu ini? Pasir Maskah, Pengkalan Chepa? Pasir Mas dahulu, ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih. Sebenarnya kita bukan membantah. Tetapi, ada perkara-perkara yang tidak kena, kita mesti sebut. Contohnya SAR misalnya. Bantuan kerajaan yang ditarik daripada sekolah-sekolah rakyat. Kita bukan bantah, kita bukan kritik tetapi kita hanya bagi cadangan supaya adakah kerajaan tidak melihat semula kepada bantuan kepada sekolah-sekolah rakyat yang berada di seluruh Malaysia, misalnya. Kalau kerajaan buat itu, itulah yang terbaik. Kita tidak pernah, kita tidak hentam membuta-tuli, tetapi, kita mempunyai fakta-fakta dan kita menyokong sekiranya kerajaan menarik balik ataupun kaji semula, walaupun dalam bentuk lain. Tidak kiralah apa sahaja yang boleh, kerajaan bagi sokongan kepada sekolah-sekolah agama kerana kita tahu bahawa pendidikan ini asas kepada pembangunan insan, asas kepada pembangunan manusia.

Manusia yang tidak berpelajaran, tidak kira manusia apalah, rosak. Bukan sahaja manusia itu rosak, negeri rosak, negara rosak. Sekarang ini, bila ada sekolah-sekolah tersebut, ertinya sekolah ini menyumbang kepada pembangunan insan yang sepatutnya kerajaan memberi tumpuan yang baik kepada apa yang kita minta dan apa yang kita cadangkan. Kita tidak pernah bantah benda-benda yang baik, tetapi benda yang tidak baik kita bagi cadangan. Kita tidak membantah melulu tidak tentu fasal. Jadi, apa yang baik kita sokong dan apa yang tidak baik, memang kita bagi cadangan supaya diperelokkan benda-benda tersebut. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Baik, terima kasihlah. Mengenai dengan sokongan yang akhir tadi, telah pun saya katakan tadi pada masa yang lampau, pihak PAS bukan mengkritik, bukan menegur. Pihak PAS hentam sahaja. Bila kita menghadapi pilihan raya, dia kata kita hendak menahankan orang belajar agama. Tidak pernah pun niat kita macam itu. Cuma, dipolitikkan oleh PAS. Masa pilihan raya yang kecil, dia hentam kita habis-habisan.....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pengkalan Chepa.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Sekejap. Bagi ambo habis ini dahulu. Jadi, bila Yang Berhormat bagi Pasir Mas beritahu macam itu, molek benar. Kalaulah penjelasan macam itu Yang Berhormat bagi, cukup molek. Kita ini semua Ahli-ahli

Parlimen cukup terima terutama sekali kita daripada Barisan Nasional. Tetapi, bila pergi kempen sana, dia bukan kritik, dia bukan tegur kita tetapi dia hentam kita. Inilah yang saya kata, betullah, terima kasihlah Yang Berhormat. Allah S.W.T telah pun membuka hati kita pada Syawal 1425 ini.

Jadi, saya rasa lagi satu mengenai dengan.....

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Sebelum terlewat, saya.....

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Yang Berhormat Pengkalan Chepa, nanti dahulu. Biar ambo habis dahulu. Tidak sampai stesen lagi. *[Ketawa]*

Jadi, kita katakan bahawa kita, kerajaan di bawah pimpinan Barisan Nasional tetap serius di dalam soal pengajaran, pembelajaran agama daripada sekolah rendah sampai menengah. Begitu juga dengan Sekolah Agama Rakyat. Kita sudah kata Sekolah Agama Negeri itu sudah berapa banyak sudah kita beri peluang, cukup banyak.

Mengenai dengan sekolah, kita kata siapa belajar fardu ain di Sekolah-sekolah Agama Rakyat, pun kita beri peruntukan. Tidak ada pun kita tahan. Tidak ada pun kita kata tutup Sekolah Agama Rakyat. Tidak ada pun bantuan. Malah, bagaimana hendak salur bantuan ini? Macam kita kata sudah, dah kita buat bermacam-macam program itu, ikutlah program kita. Kita tidak menahan, tidak tutup pun sebuah Sekolah Agama Rakyat.

Saya tidak tahulah, kalau Yang Berhormat dapatkan surat arahan daripada pihak kerajaan yang mengatakan suruh menutup Sekolah Agama Rakyat, ada kita buat? Kita tidak buat, mana kita buat, kita tidak buat. Saya beri kepada Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Terima kasih Tuan Pengerusi. UMNO dan PAS ini adik-beradik. UMNO ini abang, adiknya PAS. Jadi, kalau perbalahan pun perbalahan adik-beradik. Bagaimanaulu itu bila kena air dia bercantum semula. Jadi, apa sahaja hendak membuat Islam memang kita sokong, J-QAF ini, dahulu lantang sedikit PAS, lain bila masa 'Pak Lah' ini *[Ketawa]* *approachnya* Perdana Menteri sekarang ini jauh lebih berbeza daripada *approach* Perdana Menteri dahulu. Sebab itu kaedah ini kita kena ikut. *[Ketawa]*

Jadi, kalau pihak sana lantang sangat itu pun implikasinya lantang juga, tetapi kalau di bawah Perdana Menteri sekarang ini nampaknya kita kena ikut dia. Jadi, di sini saya hendak menyentuh tentang J-QAF, memang kita sokong satu *syllabus* dan ko-kurikulum yang baru, tetapi Yang Berhormat kalau meneliti betul-betul sama ada pelajaran agama ini di sekolah menengah atau sekolah rendah ianya

merupakan *surface*. . Saya biasa duduk di sekolah berasrama ini, jadi kalau hendak berkesan terutama 'F' itu, QAF itu iaitu fardu ain tidak kira bahasa Arab, Jawi, saya tidak mengambil kisah sangat tetapi fardu ain, kita belajar rukun iman, kita belajar rukun Islam tetapi ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat soalan tidak perlu begitu panjang.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya hendak sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau dengan cara ini saya fikir Kementerian Pendidikan tidak akan dapat menyelesaikan sehingga besok.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Sedikit sahaja seminit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah seminitlah, setengah minit.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Setengah minit. *[Ketawa]* Jadi, saya minta Yang Berhormat tolong tengok isi penyampaian itu boleh dibuat dalam ko-kurikulum di asrama atau di luar di bilik darjah untuk memberi penerangan yang sebenarnya tentang bagaimana kepercayaan kepada tuhan. Ini tidak ditekankan oleh guru-guru agama yang mengajar itu. Kalau penekanan ini dibuat saya percaya J-QAF akan berjaya, insya-Allah terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pagi ini Speaker baru kita telah menegaskan, supaya memberikan jawapan yang tepat kepada soalan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya sudah beri soalan yang tepat, tetapi macam tadi membangkitkan kerana peruntukan yang terbesar telah diberi kepada Kementerian Pelajaran. Jadi, yang bertanya pun lebih daripada 20 orang. Inilah saya katakan, saya terpaksa memberi jawapan yang setepat-tepat yang boleh dan jitu, tetapi telah dibangkitkan banyak, kecuali kalau Tuan Pengerusi hendak membuat *ruling* untuk saya hanya bercakap, tetapi tidak boleh ada pencelahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya memang mengharapkan Yang Berhormat berbuat demikian.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sebelum *ruling* dibuat berikan saya peluang. Satu peluang sebelum *ruling*, bagi kawan lama. Saya berterima kasih kepada Timbalan Menteri yang menyebut tadi, di mana beliau menyatakan kerajaan tidak pernah menutup sekolah Arab ini, tidak pernah menutup sekolah wawasan tetapi kalau kita lihat walaupun tidak ditutup, ibarat menanam pokok baja tidak beri

sekarang ini, dahulu diberikan baja dan disiram pun tidak, dahulu disiram, apa bezanya? Tunggu saat mati sahajalah.

Pokok yang tidak diberi baja, pokok yang tidak disiram samalah, walaupun tidak dimatikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baja, pokok, ini Kementerian Pertanian, tentang baja, pokok, ini Kementerian Pertanian.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Jadi, oleh sebab.... Ini perbandingan, bandingan sekolah. Oleh kerana kementerian dahulunya memberi peruntukan per kapita kepada sekolah-sekolah SAR ini. Dahulu diberi RM60 bagi sekolah rendah dan RM90 bagi sekolah menengah rendah kemudian RM100 kepada sekolah menengah atas. Kemudian tidak diberi, ditarik balik, jadi kita mengharapkan supaya diberi semula, oleh kerana keikhlasan yang ditunjukkan tadi sesuai dengan janggut pun semakin panjang, berilah peluang semula.

Saya rasa apa hendak berikan itu, kalau tidak mahu beri pun arahkan kepada kementerian, kepada pegawai-pegawai membuat kerja sedikit. Kalau tidak sama sahaja di bawah pimpinan dahulu dan sekarang pun gaya berlainan tetapi hati masih sama. Tidak patut macam ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya berharap supaya kementerian memberi peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak meminta kepada siapa Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Hendak meminta melalui Timbalan Menteri kepada... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mengikut mana satu Peraturan Mesyuarat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, di Thailand saya sebutkan ini, walaupun Kerajaan Thailand sekarang dengan kedudukan empat Wilayah Selatan Thailand ditekan, tetapi per kapita masih diberi sekarang ini. Thailand beri sekarang ini RM140 seorang bagi setahun, lebih besar daripada Kerajaan Malaysia beri. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Thailand terbuka, walaupun tekanan dibuat terhadap umat Islam di Selatan Thailand. Takkan Kerajaan Malaysia sama dengan Thailand?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cukuplah, ini semua perkara dasar. Cukuplah.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tidak perkara dasar ini, ini sebab dia sebut tadi, Terima kasihlah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat saya jawab sekaligus, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dengan Yang Berhormat juga. Saya bangkitkan beginilah, yang sebenarnya kita tidak matikan Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Rakyat memang mendapat bantuan sama ada daripada zakat dan juga orang perseorangan, ia dapat tetapi cumanya macam kita kata per kapita itu adalah sebahagian kecil sahaja dari pihak kita.

Akhirnya juga sekolah agama negeri telah diwujudkan, banyak orang buat dan menjadikan sekolah agama negeri. Tetapi masalah yang timbul sekarang macam kita kata bermacam-macam sudah kita buat, sudah kita berikan alasan, perbahasan sudah panjang lebar. Jadi, saya tidak perlulah panjangkan dasar itu

Keduanya, Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa tadi mengatakan kita adik-beradik PAS dan UMNO. Kalau sudah mengatakan adik-beradik marilah kita hari ini, bulan Syawal kita tinggalkan PAS masuk sahaja UMNO [*Ketawa*] habis cerita. Apa benda pun sudah kita adik-beradik "baliklah ke pangkal jalan", kata tadi. Pangkal jalannya ada iaitu UMNO, semasa UMNO ditubuhkan tidak ada pun parti PAS.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Jejak kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, baliklah ke jalan yang sebenarnya iaitu perjuangan asal antara kita berdua ini ialah UMNO, cuma tidak berpuas hati dua tiga orang itu sahaja sebenarnya. Begitu juga untuk langkah awal kalau tidak masuk UMNO sangat berilah jalan di Kelantan supaya UMNO memerintah, itu sahaja. Jadi, itu sebagai permulaan Syawal 1425 ini.

Baiklah, saya bangkitkan mengenai dengan J-QAF tadi telah pun kita buat rancangan rintih dan nampaknya berjaya dan insya-Allah apa saranan yang dibangkitkan ini, yang kita perlukan sekarang ialah bagaimana hendak melatih guru-guru bahasa Arab.

Saya terima saranan Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi mengenai dengan guru yang hendak mengajar bahasa Arab itu. Kita tidak boleh mengambil guru hanya yang mengajar agama, dia tahukah bahasa Arab? Tidak semestinya. Macam saya pun boleh bercakap bahasa Inggeris tetapi saya tidak boleh mengajar bahasa Inggeris, boleh bercakap tetapi tidak boleh mengajar. Begitu juga dengan

orang yang boleh bercakap bahasa Arab tetapi tidak boleh mengajar bahasa Arab, begitulah contoh saya.

Mengenai dengan perpustakaan negara telah banyak kita..

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan pelaksanaan J-QAF. Saya berharap supaya kementerian juga kena mengkaji balik.

Untuk makluman kementerian di negeri Melaka, kita ada sekolah agama negeri, anak-anak kita belajar di sekolah kebangsaan sehingga jam 1.00, pukul 2.00 masuk sekolah agama negeri sampai pukul 6.00 petang dan sekolah agama negeri ini dia juga belajar bagaimana pelaksanaan J-QAF. Kalau misalan kata kementerian mengatakan tidak cukup guru untuk mengajar J-QAF ini, mengapa tidak serapkan kepada guru daripada sekolah agama negeri ini ke jabatan dan boleh dilaksanakan J-QAF. Kerana pada hari ini bebanan kepada anak kita.

Saya lihat anak kita daripada pagi pergi ke sekolah rendah, selepas itu pukul dua, pukul tiga pergi sekolah agama negeri sampai ke petang. Bila masa dia hendak bermain, bila masa dia hendak mengkaji pelajaran kita pun tidak tahu, sepanjang masa belajar. Jadi, kita minta supaya kementerian mengkaji semula, kalau boleh kalau Kementerian Pelajaran rasa boleh melaksanakan J-QAF ini dengan baik sekolah agama negeri ini kita kurangkan, kita serapkan guru-guru sekolah agama negeri ini di dalam Jabatan Pelajaran supaya J-QAF ini dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat patut bezakan di antara Sekolah Agama Negeri. Tumpuan dia sepenuhnya kepada pelajaran agama. Sebab itu kita tidak boleh mengetepikan Sekolah Agama Negeri ini. Dia khusus dia buat dan dikendalikan oleh pihak kerajaan negeri dan begitu juga dengan J-QAF itu kalau kita tidak mencukupi guru dan cadangan Yang Berhormat itu saya akan kemukakan kepada pihak pegawai-pegawai

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat panjang lagi?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Baru lima orang saya jawab. Yang bertanya 23 orang, saya akan cepatlah. Saya akan cepat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tahniah kerana Yang Berhormat menjadi Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Kedah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak tanya boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa hendak tanya, Yang Berhormat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Pendidikan, Yang Berhormat. Ini pendidikan masa depan punya fasal, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu memang saya tahu. Tidak payah sebutlah. Saya faham.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Jasin. Sekarang ini manusia di Malaysia ataupun anak-anak di Malaysia ini diberikan pendidikan-pendidikan sehingga dia itu orang kata tidak tahu apa. Macam ikan, Tuan Pengerusi, dibagi makan, bagi makan, bagi makan lama-lama dia kodek ekor sahaja. Apa pun tidak tahu.

Jadi, kementerian kena buat kajian. Pelajaran sukatananya sekian, sekian. Untuk riadah sekian, sekian. Dengan ibu bapa sekian, sekian. Ini kadang-kadang dengan ibu bapa pun tidak ada masa, tuisyen sana, tuisyen sini, belajar. Hendak belajar, belajar sampai takat mana? Sampai satu hari saya dapati, Tuan Pengerusi, ada yang cerdik akhirnya jadi bodoh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Gila.

Seorang Ahli: Gila. Gila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Hah, di Kinabatangan ada [Ketawa] Dia tahu. Dia tahu. Fasal apa? Terlampau tumpu pelajaran. Adalah sistem-sistem, sekurang-kurangnya dia orang memahami budaya hidup ini. Ini sampai dengan emak bapak pun dah tak dekat, makan tak bersekali, ke sana ke sini, belajar sehinggakan bukanlah saya tak bagi dia orang belajar tetapi adalah sedikit ruang-ruang untuk depa ini hendak hidup jadi manusia.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak buat ucapan dasarkah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak. Yang ini termasuk dengan J-QAF itu. [Ketawa] Satu lagi saya minta Yang Berhormat bercakaplah dengan Menteri. Saya bersetuju Sekolah Agama Rakyat yang ada. Sekolah itu sudah ada, infrastrukturnya sudah ada. Cadangkanlah kepada Yang Berhormat

Menteri, sekarang ini minta kerajaan ambil alih sekolah-sekolah itu. Ambil alih sekolah-sekolah itu.

Hak yang ditadbirkan oleh PAS pun serahkanlah kepada kerajaan. Serah! Jangan jawatankuasa buat depa pun hendak. Tak usah, bila serahkan kepada kerajaan, kerajaan ambil alih, kerajaan ada guru dan sebagainya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat. Cukuplah. Cukup.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang itulah saya hendak minta, jadi pihak PAS pun sekarang ini mengaku adik-beradik, minta ampun minta maaf kita, abang adik [*Ketawa*] Tetapi jangan dalam ini adik-beradik, keluar lebuhan! [*Ketawa*] Minta Yang Berhormat tolong sampaikan. Kasihan sekolah-sekolah ini. Saya faham, dalam kawasan saya pun ada dekat lima buah sekolah atau enam buah sekolah yang menyokong kerajaan terpacak tetapi hari ini susah, Yang Berhormat. Hak menyokong PAS terpacak, *biaq pilah kat depa*, tetapi kerana hari ini depa mengaku adik-beradik, kita kaji balik buat dasar baru, ambil alih sekolah itu, *infra* sudah ada, guru sudah ada. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, berapa minit diperlukan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan ini berapa minit diperlukan? Cukuplah, duduk, duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dah habis dah. Dah, dah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan itu saya rasa cadangan yang baik dan kita akan kemukakan ini sekali lagi kepada pihak kementerian dan kita tunggulah sama-sama kita tunggu sama ada kita terima ataupun kita tolak.

Walau bagaimanapun, cadangan itu saya kira baiklah. Macam kita kata juga bersama itu kita tunggu juga cadangan Laporan Murad tadi untuk sama-sama akan diumumkan sedikit masa lagi. Insya-Allah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Berapa cadangan yang ada ini di kementerian ini? Murad, Tan Sri itu, Tan Sri ini. Berapa ada program polisi pendidikan ini berapa ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Termasuk inilah fasal sekolah agama dan juga pelajaran agama itu telah pun dimasukkan di dalam itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Betulkah Yang Berhormat? Sila duduk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk – bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Baiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Cuma Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat begitu serius. Memang cadangan ini macam-macam cadangan dan saya katakan tadi, kita bincang dari semasa ke semasa benda itu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen, kita akan bawa itu. Yang cadangan baik, tetap baik dan insya-Allah saya katakan dalam sedikit masa lagi kalau dengan pengumuman Laporan Murad tadi mengenai dengan juga sekolah agama dan termasuk J-QAF. Ini akan termasuk, tetapi dia tidak sebutlah Yang Berhormat bagi Yan telah mencadangkan di situ. Itu saya minta maaf tetapi cadangan Yang Berhormat cukup baik. Memang Yang Berhormat pun saya nampak cukup serius mengenai dengan pelajaran.

Mengenai dengan Yang Berhormat bagi Tumpat telah membangkitkan juga mengenai Perpustakaan Negara, memang kita ada penyelidik, tetapi insya-Allah kita akan tambahkan lagi penyelidik-penyelidik dalam beberapa bidang.

Juga perkara-perkara buku penting telah pun kita wujudkan seperti mana kalau Yang Berhormat dapat ke Perpustakaan, kita telah banyak kumpul banyak hasil-hasil kitab-kitab dan sebagainya telah dipertingkatkan daripada setahun ke setahun, jadi perolehan itu kita dapat daripada Holand, daripada Britain dan sebagainya telah kita adakan.

Begitu juga dengan Dewan Bahasa dan Pustaka telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak ada

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kelana Jaya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bagi saya habis ini dahulu ya?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Sedikit sahaja.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya habiskan ini dahulu, nanti saya bagi. Mengenai dengan Dewan Bahasa, mengenai dengan ini saya rasa saya tidak perlulah bangkit mengenai Sains dan Matematik. Cuma usaha-usaha pihak Dewan Bahasa untuk terus berfungsi sebagai Dewan yang sepatutnya. Itu dia juga

dilakukan, jadi tidak perlulah Yang Berhormat berasa risau dan rasa terkilan dan sebagainya bahawa bila ada Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris maka turunlah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Memanglah ada orang cakap-cakap macam itu dan janganlah Yang Berhormat percaya perkara itu semua. Perkara Dewan Bahasa, tetap berfungsi. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya pendek sahaja. Berkaitan dengan Perpustakaan Negara, bolehkah peminjam membuat pencarian di dalam internet untuk mencari buku-buku yang *available* di dalam Perpustakaan Negara supaya tidak akan sampai sana baru cari tetapi tidak ada judul-judul yang tertentu, kata tidak adapun langsung tidak ada. Itu yang pertama.

Yang kedua ialah kalau adapun, bolehkah kita membuat tempahan pinjaman buku melalui internet dan kita pergi meminjam buku itu bila ada *available* dalam Perpustakaan Negara kita buat tempahan dan dalam masa 24 jam kita boleh *collect* daripada Perpustakaan Negara. Itu dua soalan sahaja berkaitan dengan Perpustakaan Negara.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya minta pihak Kementerian Pelajaran dapat memberi jawapan kepada pertanyaan No. 10 soalan saya yang telah timbul pada semalam iaitu 22 November 2004. Sampai sekarang saya tahu ramai orang bertanya soalan tetapi jawapan saya yang semalam tidak dijawab lagi. Terima kasih. Soalan saya ialah soalan yang No. 10. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan *browsing* mengenai dengan buku-buku di Perpustakaan Negara itu kalau Yang Berhormat menjadi ahli dan juga

Tuan Loh Seng Kok: Untuk makluman, saya ahli. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, Yang Berhormat boleh mendapat maklumat itu daripada pihak mereka dan buku-buku yang tersenarai di dalam itu. Itu satu.

Keduanya, seperti Yang Berhormat buat cadangan tadi meminjam buku, insya-Allah, saya akan kemukakan kepada pihak Perpustakaan Negara apakah boleh atau tidak Ahli-ahli Yang Berhormat boleh membuat pinjaman, dia beritahu sahaja melalui telefon, buku itu sudah siap, sudah ada. Itu saya akan kemukakan kepada pihak Perpustakaan Negara untuk memberi keutamaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mengenai dengan soalan No. 10, saya tidak tahu, soalan itu kita akan jawablah. Kita akan jawab oleh sebab semalam tidak sampai giliran Yang Berhormat. Insya-Allah, saya akan jawab, selepas ini kita akan jumpa.

Yang Berhormat bagi Tebrau telah membangkitkan juga mengenai dengan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), saya telah berkali-kali memberi jawapan mengenai dengan itu.

Mengenai perkara pensyarah yang dapat *post-graduate* iaitu Ph.D dan Masters yakni Perguruan Bahasa, sekarang kita sedang semak apakah kedudukan-kedudukan pensyarah-pensyarah di Maktab Perguruan. Itu dalam perbincangan baru dan insya-Allah, cadangan itu akan dikemukakan.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu juga telah membangkitkan mengenai dengan

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bera bangun.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera): Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuba hendak balik ke belakang ke Dewan Bahasa. Adakah Dewan Bahasa mempunyai kuasa perundangan untuk menyekat kecelaruan bahasa yang banyak berlaku sekarang? Misalnya dari di RTM sendiri contohnya "infotainment". Saya difahamkan jawapan daripada Timbalan Menteri Penerangan di dalam Dewan yang mulia bahawa "infotainment" itu telah mendapat kelulusan dari Dewan Bahasa. Jadi, persoalannya, apakah sebenarnya peranan Dewan Bahasa di dalam menyekat kecelaruan bahasa ini dan apakah kuasa perundangan yang ada pada Dewan Bahasa? Kalau ada timbul masalah bahasa, apa yang boleh dibuat?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sudah kata dahulu, jawapan saya dalam Dewan ini juga telah saya katakan bahawa Dewan Bahasa adalah sebagai institusi penasihat sahaja. Dia tiada kuasa undang-undang mengatakan bahawa dia boleh menangkap mana-mana pihak. Itu satu. Keduanya, macam saya katakan berkenaan dengan masalah "infotainment" tadi ini telah pun di bincang dan dibahaskan dan pihak Dewan Bahasa telah pun mengeluarkan fatwanya. Itu terpulanglah kepada RTM untuk mengikuti "fatwa" itu atau pun tidak - *in quotes* "fatwa", maksud saya daripada Dewan Bahasa dari segi penggunaan bahasa

Walau bagaimanapun, kadangkala telah menimbulkan rasa di kalangan kita untuk mengekalkan keaslian sesuatu bahasa tetapi kita mesti memelihara juga. Penggunaan bahasa ini masih bergantung pada pengguna. Kadangkala pengguna

menggunakan perkataan istilah-istilah tertentu dan akhirnya diikuti juga. Itu saya tidak tahulah dari segi perbincangan bahasa. Misalnya macam slanga seperti "cun", semua orang sudah pakai "Dia itu cun". Itu slanga dia. Padahal tidak ada dalam keaslian bahasa.

Jadi, saya pohonlah. Saya minta supaya perkara ini, pihak Dewan Bahasa sebagai pihak penasihat dalam struktur dan juga bahasa-bahasa yang betul. Walau bagaimanapun, kita akan cubalah sedaya upaya menasihati pihak-pihak tertentu cuba menggunakan bahasa dengan betul. Insya-Allah.

Pihak Terengganu telah membangkitkan mengenai dengan beberapa saranan. Saya terima dengan baik iaitu mengenai guru dapat membuat kursus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang isu Dewan Bahasa. Saya bersetuju bahawa kuasa yang diberikan itu bukan sekadar menegur. Ini adalah isu Dewan Bahasa. Dewan Bahasa mengikut maklumat yang saya terima, mereka ada kuasa untuk menegur setiap perkataan dan setiap tulisan yang dikhuatiri mencemar ataupun menyebabkan Bahasa Malaysia ini akan menjadi satu bahasa yang akan dipinggirkan. Mengikut Akta Dewan Bahasa 1995 (Perluasan), Dewan Bahasa hanya ada kuasa untuk menegur tetapi untuk menguatkuasakannya itu bukan kuasa Dewan Bahasa.

Jadi, saya mengharapkan Kementerian Pelajaran mengambil tindakan yang tegas. Kalau Dewan Bahasa telah memberikan fatwanya tetapi pandangannya tidak didengarkan, di mana usaha kita untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia kalau RTM masih lagi menggunakan "infotainment". Jadi, apa gunanya pakar-pakar bahasa bersidang membuang masa mengeluarkan fatwa tetapi tidak diikuti

Jadi, saya harap akta ini perlu dikaji supaya kedaulatan Bahasa Malaysia itu dapat dipertanggungjawabkan dan diabadikan dalam negara kita. Kalau tidak ia akan menjadi satu perkara yang menjadi slogan kosong. Saya harap kementerian dapat memberikan perhatian yang sewajarnya.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Kita memang memberi nasihat kepada semua pihak termasuk kerajaan tempatan, kerajaan dan sebagainya dalam penggunaan bahasa. Tetapi untuk saya katakan tadi kuasa hendak pergi menangkap, kalau kita ada undang-undang pergi tangkap tidak apa, kita pergi tangkap dan boleh dakwa dia dalam mahkamah. Di sini bukan soal pendakwaan, soalnya kita beri teguran dan nasihat itu bergantung pada dia.

Begitu juga macam hari ini, banyak lagi yang menggunakan bahasa Inggeris, umpamanya macam “ *I Know What You Did Last Raya*”, sebuah filem. Ini betul-betul tajuknya bahasa Inggeris tetapi filemnya filem Melayu. Katakanlah yang itu berlaku, apakah pihak Dewan Bahasa hendak minta Kementerian Pelajaran menangkap *director* filem “ *I Know What You Did Last Raya*”. Saya tidak faham tetapi kita boleh bagi nasihat. Berbalik kepada yang saya katakan tadi, kemurnian dan keindahan bahasa itu bergantung pada penggunaannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat boleh selesai pada jam 4.30 petang? Sebab kita ada usul pada 4.30 petang.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya tahu. Pada 4.30 petang kita ada usul, tetapi *impossible*, Tuan Pengerusi sebab tadi telah dibangkit mengenai dengan peruntukan kita besar dan ramai orang yang *participate* dan rakan Tuan Pengerusi juga sebutkan, ya, kita akan lihat perkara ini.

Saya tidak tahulah. Saya patuh. Kalau Tuan Pengerusi kata duduk, saya duduk, Tuan Pengerusi kata terus jawab, saya jawab

Seorang Ahli: Sambung.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cuba fikirkanlah masa...

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ini saya sedang berfikirilah. [Ketawa] Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tolonglah berikan jawapan kepada mereka yang ambil bahagian dalam perbahasan tadi. Teruskan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya sekali lagi tentang Dewan Bahasa ini. Adakah pihak kementerian bercadang untuk meminda akta ini supaya ada kuasa perundangan pada Dewan Bahasa? Jika tidak, jikalau sekadar nasihat, dan pada hari ini kita tengok nasihat Dewan Bahasa tidak dipedulikan. Kalau tidak sampai bila pun masalah kecelaruan dan tidak hormat kepada bahasa itu akan berleluasa.

Sudah lama orang bercakap soal menggunakan perkataan Inggeris. *Even* di Putrajaya, selalu kita baca dalam akhbar, “Presint” dan sebagainya. Semua tidak ikut dan bagaimana hendak ikut sebab Dewan Bahasa kata “kita cuma ada kuasa nasihat, tidak ada kuasa perundangan”. Perkara ini sudah berlarutan – sudah lama. Tidakkah kementerian berfikir bahawa perlu ada *fullstop* dan untuk *fullstop* itu perlu ada kuasa perundangan.

Jadi, adakah pihak kementerian bercadang untuk meminda akta dan sebagainya supaya ada kuasa perundangan agar tidak timbul lagi masalah perkosaan bahasa berlaku di dalam negara kita.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, Terima kasih Yang Berhormat. Di sini saya boleh buat satu analogi. Kita katalah ini untuk mengelak dari segi berlakunya kemalangan dan kematian di jalan raya pada musim perayaan. Berapa nasihat dan berapa undang-undang dan tangkap dan sebagainya yang telah kita buat masih kita dapat kematian yang berlaku di Fallujah. Bayangkan. Itu ada undang-undang boleh tangkap, boleh denda dan sebagainya. Inikan pula, saya sudah katakan tadi kita ada undang-undang, peraturan dan sebagainya dan juga termasuk nasihat kita boleh ikuti; termasuk kita ini Ahli-ahli Dewan ini menggunakan bahasa yang baik dan teratur akhirnya orang ikut. Kita juga membuat teguran orang akan ikut. Insha-Allah, Yang Berhormat. Saya berpegang pada itu. Kalaulah Yang Berhormat mendesak pihak kita untuk mengadakan satu peraturan menangkap, maka kita terpaksa ada adanya polis di pihak Dewan Bahasa untuk keluar tangkap dan mendakwa mereka di mahkamah. Itu boleh kalau cadangan Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, macam saya katakan tadi, saya masih berpegang kepada prinsip ia di atas pengguna termasuk kita. Kalau kita sedar sebagai warganegara Malaysia yang bangga dengan bahasa dia, gunalah bahasa itu dengan baik dan kita sama-sama menjayakan Dasar Bahasa Kebangsaan tidak mengira sama ada kita Melayu atau bukan Melayu. Kita adalah warganegara Malaysia, dan warganegara Malaysia mestilah sedar, *concern* kita itu iaitu identiti bangsa negara kita. dan kita juga.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dan kita juga....

Apa itu?... Fasal Dewan Bahasa juga?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya. Betullah. Tuan Pengerusi, singkat sahajalah sebab saya tidak ada peluang untuk berucap lagi mengenai penggunaan bahasa. Bolehkah Yang Berhormat dengan serius mengkaji penggunaan bahasa misalnya di jalan-jalan, papan tanda itu lebih daripada satu dekad saya sentiasa bangkitkan misalnya "Persiaran" dengan "Pesiaran". Semua tempatlah di seluruh pelosok Malaysia kita nampak stesen "Persiaran".

Dan bolehkah Yang Berhormat, saya pun ada menegur Dewan Bahasa dan Pustaka sudah banyak kali, tetapi maklumlah mereka tidak mempunyai kuasa untuk

menguatkuasakan. Di Kuala Lumpur sendiri banyak stesen di jalan-jalan, itu yang pertama.

Yang kedua, bolehkah Yang Berhormat mengkaji di semua sekolah rendah dan menengah di Malaysia termasuk SJK(C), misalnya saya dapati satu aduan mengenai pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah. Setengah-setengah gurunya tidak mencapai satu tahap yang sempurna mutunya, misalnya tahun dua praktis tata bahasa bahasa Malaysia tidak ada tengok buku-buku latihan itu, sepanjang tahun satu dua muka sahaja. Jadi ini bermakna ada setengah-setengah guru tidak kiralah bangsa yang tidak serius di dalam pengajaran Bahasa Malaysia yang hendak menunggulkan bahasa Malaysia, memartabatkan bahasa yang tinggi tetapi tahap guru-guru tidak tinggi. Itulah masalahnya sekarang.

Saya berharaplah Yang Berhormat dapat mengkaji dan akhir sekali mengenai sikap setengah-setengah pegawai-pegawai, bukan semua yang buat syarahan kepada guru-guru dan juga guru-guru sendiri yang mengamalkan nilai-nilai perkauman. Tidak payahlah saya sebutkan di sini apa nilai-nilai dan sifat-sifat perkauman dan di Malaysia dengan masyarakat majmuk ini, kita tidak payahlah ada guru-guru yang hendak menaikkan semangat perkauman lagi.

Saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji kerana Yang Berhormat itu sentiasa menekan dan begitu penting kita di Malaysia ini mengamalkan dasar dan sifat dan perasaan bukan perkauman. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan peranan Dewan Bahasa seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat akan saya berikan nasihat kepada pihak Dewan Bahasa, kita akan bincang cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Satu mengenai dengan papan tanda. Apakah nasihat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur? Ya, kita akan bincangkan itu dan kita hendak dengar apakah jawapan daripada Dewan Bahasa, saya akan lakukan itu. Jangan kata saya tidak ada kuasa hendak mengarah mereka, kita kena perhati balik betul atau tidak apa yang mereka lakukan.

Keduanya mengenai dengan pegawai-pegawai yang beri kuliah itu, termasuk kita juga iaitu penggunaan bahasa. Sekali lagi saya rasa Yang Berhormat juga boleh berperanan, semua Yang Berhormat di sini boleh berperanan mengenai penggunaan bahasa Malaysia dengan betul dan kita kata tidak boleh kita maafkan bahawa kita warganegara Malaysia tidak boleh bertutur dalam bahasa Malaysia. *Is a must.*

Mesti, boleh bertutur bahasa Malaysia dengan betul terutama sekali kita yang jadi Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mesti keutamaan kita ialah kepada bahasa Malaysia, iaitu bahasa kita, satu-satunya bahasa kita yang ada di dunia ini.

Begitu juga dengan soal perpaduan, memang kita dapat lakukan langkah-langkah yang telah kita lakukan. Barisan Nasional, kerajaan ini banyak kali kita buat macam-macam program tetapi pihak DAP tidak mengambil langkah, tidak menyahut cabaran ini. Macam itu banyak pihak DAP. Misalnya bangkit, kalau bangkit pun mengenai SJK(C) kerana hendak mencabar pihak MCA, ha, itu pihak DAP. DAP mesti peka lagi, kalau dia kata dia *Democratic Action Party* kita mesti demokratik - tak kisah lah, kita berilah jawatan-jawatan tertinggi dalam DAP kepada bukan Melayu, misalnya. Itu saya minta cadangkan. Boleh permulaan,...

Cik Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tak apa, tak apa duduk dahulu Yang Berhormat. Saya dah boleh bincang ni.

Begitu juga bercakap soal perpaduan, kita bercakap mengarah kepada semua kaum. Dasar DAP jangan hanya bertumpu kepada satu sahaja. Fikir mana sahaja hendak hentam MCA, terus hentam MCA, ha itu DAP, tidak betul jadi saya rasalah kita boleh mulakan dengan DAP jangan bercakap tentang soal-soal.... macam tadi saya tidak mahu bangkitkan lagi pasal bila sebut sahaja ketuanan Melayu, semua melenting, hendak melenting buat apa? Orang Melayu memang wujud di Tanah Melayu apa benda yang hendak dibangkit-bangkitkan lagi. Memang *it's a fact*. Jadi bila sebut sahaja Melayu terus menggeletar semua pihak. Kita tidak menggeletar pun bila sebut pasal soal Cina, soal India, memang kita kena menerima hakikat. Ini Malaysia negara pelbagai kaum, negara pelbagai agama. Saya minta maaf lah, saya kena cakap juga benda ini Yang Berhormat. Saya menghormati Yang Berhormat dari Kepong yang saya rasa sedikit masa lagi Yang Berhormat memang bersetuju dasar yang telah diambil oleh Barisan Nasional.

Saya tahu hati Yang Berhormat menyatakan Barisan Nasional, kerana Yang Berhormat di luar sahaja pakai cap DAP, cap roket, tetapi di dalam itu saya nampak cap DAP, saya tahu di dalam kalau tidak silap buka baju, singlet dia ada cap dacing.

[Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat. Sila duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi saya haraplah, Peraturan 43, di mana Speaker telah memberi nasihat agar memberi jawapan yang padat dan Menteri juga telah meminta agar Timbalan Menteri juga bagi jawapan padat dan keputusan telah dibuat, nasihat tidak didengar, apakah pihak Speaker akan ambil tindakan terhadap Timbalan Menteri bagi jawapan politik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup. Baiklah, baiklah, sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa Menteri yang menjaga Parlimen ini bolehlah tengoklah ini *performance*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, ambil ingatan. Sila duduk.

Cik Fong Po Kuan: Saya haraplah mendengar nasihat Menteri yang jaga Parlimen ini, saya harap keputusan dibuatlah. Kalau tidak kita hentikan dia dan panggil dia berhenti dan keluar Dewanlah kalau jawapan macam ini.

Seorang Ahli: Pertanyaan politik, jawab politiklah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tidak apa. Yang Berhormat Batu Gajah, ada sabar sikit.

Cik Fong Po Kuan: Saya mohon keputusan Tuan Pengerusi saya mohon keputusannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah, baiklah. Cukup, cukup.

Cik Fong Po Kuan: Ini mesyuarat bukan UMNO ye?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Apa? Keputusan apa hendak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, Batu Gajah ini pun cakap tidak serupa bikin, dia pun berbelit-belit juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, jangan langgar Peraturan Mesyuarat. Sila duduk. Duduk. Baik. Baik. Yang Berhormat teruskan jawapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ingatkan, masa amat penting bagi kita.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Betul Yang Berhormat, saya bersetuju dengan Tuan Pengerusi 101%.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau habis boleh duduk.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dan juga nasihat daripada Batu Gajah. Saya ingin nasihat melalui Tuan Pengerusi bahawa Batu Gajah sabar sabarlah,

janganlah terus suruh saya keluar daripada Dewan. Saya dipilih oleh 74,000 pengundi di Sungai Petani, janganlah Yang Berhormat terus hendak kata ini. Apa kuasa Batu Gajah? Saya dipilih secara demokratik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat baiklah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dia hendak bagi syarahan kepada saya. Bila kita sentuh sikit sahaja DAP melenting, ini soalan yang jitu dan tepat. Bila ditanya oleh pihak Yang Berhormat Kepong maka saya jawab soalan.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, saya mohon *ruling*. Satu keputusan yang adil.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Apa *ruling* awak hendak? Apa *ruling*?

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh rujuk *Hansard* DAP berjuang untuk Orang Asli.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tadi dia sudah kasi *ruling*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan bising, cukuplah Yang Berhormat..

Cik Fong Po Kuan: *[Bercakap tanpa pembesar suara] Acquired answer wanted!*

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya.

Cik Fong Po Kuan: So, saya haraplah beri nasihat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Timbalan Menteri mungkin jawapan dia tepat. Cukuplah, cukup.

Cik Fong Po Kuan: Saya belum sampai tahap boleh nasihat Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hanya minta Tuan Pengerusi *for a ruling*, itu sahaja. Mengapa begitu emosional?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yalah Yang Berhormat, apa pasal emosional!

Cik Fong Po Kuan: Jangan begitu emosional, saya hanya ikut...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat masa cukup. Kita ada usul 18(1). Jadi, Yang Berhormat nanti boleh sambunglah.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)**

Insiden Pembunuhan Umat Islam Di Selatan Thailand

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang dan menurut keputusan yang telah pun dibuat pada pagi tadi satu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) telah dibenarkan dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan Usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, sila kemukakan.

4.30 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan Usul ini dan saya memohon 10 minit diberikan kepada Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa dan 10 minit diberikan kepada Yang Berhormat bagi Tumpat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, insiden yang berlaku pada 25 Oktober 2004, adalah satu insiden yang sangat tragis, insiden yang memalukan dunia. Satu insiden yang saya anggap dan saya yakin yang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini menganggap satu perbuatan dan tragedi yang tidak bertamadun yang berlaku di rantau Asia Tenggara.

Dalam insiden ini, Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 100 orang umat Islam telah dibunuh secara kejam tidak berperikemanusiaan. Insiden ini tidak boleh dimaafkan oleh Dewan yang mulia ini kerana ianya bukan cara yang terbaik untuk menghuraikan ataupun untuk menyuraikan satu tunjuk perasaan yang diadakan secara aman di hadapan Balai Polis Narathiwat oleh sekumpulan seramai 1,500 umat Islam yang mempertikaikan yang mempersoalkan tindakan polis yang menahan tanpa bicara yang mencolek rakan-rakan mereka di malam hari yang tidak diberitahu kepada keluarga mereka di mana hilangnya mereka sama ada mereka di penjara, di balai polis manakah mereka dipenjara, sama ada mereka ditangkap,

di mahkamah mana mereka didakwa. Mereka hanya mengadakan tunjuk perasaan tanpa senjata. Mereka berhimpun secara aman yang mereka bawa hanya sepanduk-sepanduk yang melahirkan rasa tidak puas hati mereka tetapi balasannya dada-dada mereka ditembusi dengan peluru-peluru hidup dan tubuh badan mereka terkulai, darah yang mengalir, mereka ditembak secara kejam oleh askar dan polis Thailand.

Saya dan saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini tidak sekali-kali boleh menerima dan kita rasa tidak boleh menerima atas nama kemanusiaan cara yang dibuat oleh Kerajaan Thailand terhadap umat Islam di selatan Thailand. Saya yakin dan percaya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya berdiri di sini, walaupun seandainya yang ditembak ini adalah mereka yang bukan Islam, saya akan tetap juga berdiri untuk saya membela setiap nyawa manusia yang ditembak secara kejam, yang dibunuh secara tidak berperikemanusiaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup bimbang dengan insiden yang berlaku di selatan Thailand ini akan menyebabkan rantau Asia Tenggara kini menjadi satu rantau yang tidak aman. Dalam ucapan saya dalam isu-isu yang sebelum daripada ini apabila saya membahaskan tentang isu Kementerian Luar, saya sering kali mengingatkan bahawa ucapan-ucapan terutama daripada Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Donald Rumsfeld yang sentiasa mencari peluang untuk menempatkan tentera Amerika di rantau ini akan menjadi satu kenyataan sekiranya isu ini tidak diselesaikan khususnya dalam Sidang Kemuncak Menteri-Menteri ASEAN yang akan berlaku di Vientiane pada akhir bulan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh memaafkan peristiwa ini kerana kalau alasan Thaksin yang menembak mereka ini di atas alasan mereka adalah merupakan pengganas, di manakah buktinya? Apakah bukti-bukti yang menunjukkan mereka ini pengganas? Adakah mereka merupakan golongan pemisah di mana majalah-majalah antarabangsa juga telah pun menyiarkan dan telah berjaya membuktikan mereka bukan daripada puak pemisah Pattani. Mereka adalah rakyat biasa, mereka adalah orang-orang kampung, mereka adalah merupakan umat Islam yang hanya berhimpun pada hari tersebut untuk bertanya tentang keselamatan waris-waris mereka atau keluarga mereka yang ditahan.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian ini merupakan kejadian kali kedua di mana berlaku sebelum ini pada bulan April tahun 2004, peristiwa yang sama dengan juga menggunakan peluru-peluru hidup, Thaksin telah merestui tindakan tentera dan polis Thailand di mana mereka telah menembak, mereka menyerang manusia-manusia

umat Islam yang sedang beribadat dalam peristiwa Masjid Kerisik pada bulan April tahun 2004 tanpa juga menyatakan alasan yang benar. Yang saya cukup bimbang, Tuan Yang di-Pertua, adalah ucapan Thaksin pada 6 haribulan yang lalu di mana Thaksin memberikan satu ucapan di radio Thailand pada 6 haribulan November yang lalu, dalam ucapannya Thaksin menyatakan dan telah mengumumkan akan melancarkan lagi serangan atau operasi besar-besaran yang akan ditujukan kepada umat Islam di selatan Thailand ini.

Saya cukup bimbang, Tuan Yang di-Pertua, ucapan Thaksin ini yang direkodkan oleh radio Siam ini adalah merupakan satu tindakan yang akan berulang dan akan menyaksikan peristiwa yang ketiga, peristiwa yang keempat dan peristiwa yang terusnya yang akan berlaku kepada umat Islam di selatan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan tentang bahawa ajaran Islam, keadilan Islam, ajaran Islam mengajar kita di dalam peperangan sekali pun Rasulullah s.a.w. menyatakan Saidina Umar Al-Khatab, sendiri telah menyatakan bahawa dalam masa peperangan sekali pun tidak boleh dibunuh orang-orang awam yang berlindung dalam masjid. Tidak boleh dibunuh padri-padri Kristian, tidak boleh dibunuh rahib-rahib Yahudi, tidak boleh dibunuh orang-orang awam yang berlindung dalam kuil-kuil, maka ini menyaksikan satu peristiwa di mana Thaksin, di manakah rasa perikemanusiaan mereka, di manakah rasa hormat mereka terhadap umat Islam, sedangkan Islam telah memberikan satu penghormatan yang cukup tinggi kepada orang bukan Islam, mereka tidak boleh dibunuh, mereka tidak boleh dikacau harta benda mereka, tanaman mereka tidak boleh dimusnahkan hatta dalam peperangan sekali pun.

Dalam tragedi di Masjid Kerisik mereka sedang bersembahyang, mereka sedang berlindung dalam masjid, mereka menggunakan helikopter, mereka menggunakan askar, mereka menggunakan *machine gun*, mereka menggunakan meriam untuk mereka menembak umat Islam yang sedang berlindung dalam Masjid Kerisik.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dan manusia yang bertamadun dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh menerima tindakan biadab, tindakan kurang ajar, tindakan bangsat, tindakan yang keterlaluan, tindakan kebinatangan yang dilakukan oleh Thaksin terhadap insiden umat Islam dibunuh beramai-ramai ini satu *genocide*, ini satu *massacre*, ini satu penumpahan darah yang sangat mahal harganya yang ditimpakan kepada umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, sepuluh minit yang kedua saya serahkan kepada Yang Berhormat bagi Pengkalan Chepa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang usul dibuka untuk dibahaskan.

4.30 ptg.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]: Saya menyokong usul ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan di dalam ucapan ini sebagai lanjutan saya tidak akan mempamerkan peristiwa itu lagi, tidak akan mengulangkan isu-isu yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Kubang Kerian. Saya telah membuat *research* ringkas, melalui faks dan melalui *e-mail* dengan sahabat-sahabat saya, Ahli-ahli Parlimen, sebahagian Ahli Parlimen Bangkok juga bekas Jeneral dan wartawan.

Daripada *research* ini saya mengharapkan bahawa Kerajaan Thailand, bila kita membahaskan fakta-fakta ini, kita tidaklah dituduh mencampuri dalam urusan dalaman mereka tetapi kita berhak memberi pandangan-pandangan khususnya untuk hak asasi manusia dan juga kepada suruhanjaya bebas yang telah dibentuk oleh Kerajaan Thai sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, faktor pertama yang membawa punca kepada tragedi ini dan mungkin akan berlarutan iaitu kemiskinan dan kemunduran yang berlarutan, berdekad-dekad di Selatan Thai. Tidak ada pembangunan yang boleh mengimbangi di sebelah Utara dan sebelah Selatan sebagaimana yang diutarakan oleh Kerajaan Malaysia.

Faktor yang kedua, bila Yang Berhormat Wan Mat Nor Mat Thai menjadi Menteri Dalam Negeri, sebelum menteri sekarang ini telah diperkenalkan satu dasar iaitu menghapuskan pelacuran ataupun Pelacuran Sifar di kalangan remaja dan anak-anak sedangkan industri pelacuran ini merupakan darah nadi kepada gerak kerja dan aktiviti di Thailand. Begitu juga sebahagian dari ahli-ahli politik sama ada dari kalangan parti demokrat ataupun parti Rak Thai ini, sebahagiannya lahir daripada *tycoons* yang berlandaskan kepada pelacuran.

Yang ketiganya, Wan Mat Nor Mat Thai, pemimpin Thai Muslim di Selatan ini memperkenalkan satu dasar lagi waktu menjadi Menteri Dalam Negeri iaitu Dadah Sifar. Lebih kurang 2 ribu pengedar-pengedar dadah telah dikenakan hukuman dan dadah ini menjadi satu perniagaan dan industri yang besar. Maka kedua-dua kumpulan sindiket ini pasti mengambil tindak balas. Tindakan balas ini mesti

menghancurkan karakter dan karier politik Wan Mat Nor Mat Thai sebagai pemimpin Islam yang juga pemimpin parti, waktu itu Ekspresi Parti.

Yang keempat, saya dapati bahawa penyatuan, *merger* di antara Ekspresi Parti yang diketuai oleh bekas Jeneral iaitu, Shu Malik dan juga yang diketuai oleh Wan Mat Nor Mat Thai ke dalam parti Thai Rak Thai. Bila berlaku *merge*, penyatuan ini, sebahagian daripada pemimpin Parti Rak Thai ini berasa *jealous*, berasa tidak selesa sebab diura-urakan bahawa tokoh Wan Mat Nor Mat Thai ini akan dilantik sebagai Setiausaha Agung Parti Rak Thai. Oleh kerana itu, satu komplot telah dibuat untuk menghancurkan kepimpinan Wan Mat Nor Mat Thai ini di Selatan Thai.

Yang kelima Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendapat sedikit maklumat. Saya harap maklumat ini betul. Salah satu faktor yang timbul iaitu Raja Bumiphol sekarang ini, raja yang sangat adil dan saksama dan ehsan kepada penduduk-penduduk Selatan Thai. Komitmen mereka iaitu penggantinya kerana penggantinya belum menunjukkan sikap untuk mewarisi Raja Bumiphol ini. Sebab itu sebahagian daripada reaksi ini telah berlaku.

Faktor yang keenam iaitu dasar yang digunakan oleh Kerajaan Bangkok sama ada daripada Parti Demokrat yang diketuai oleh Chua Lin Fai dan juga dasar yang diketuai oleh Thaksin, meneruskan dasar kekerasan dan diskriminasi terhadap penduduk-penduduk Islam Thai. Dasar Kekerasan ini terus dijalankan. Dari sejarah, apabila sahaja pemimpin-pemimpin muslim di Selatan Thai ini bangkit menyuarakan sedikit tentangan tentang tidak puas hati dan yang ini, mereka dianggap menentang kerajaan. Mereka ditangkap untuk siasatan tetapi lenyap, seperti Haji Sulung dan akhir-akhir ini, seorang lawyer iaitu Sukchai Nila Pachit, yang hendak membela sebahagian yang ditangkap itu untuk mendapatkan keadilan tetapi hilang entah ke mana.

Jadi, dasar penghapusan etnik ini, penghapusan agama ini nampaknya berterusan. Dasar-dasar inilah yang menjadi punca kepada kebangkitan ketidakpuasan hati. Jadi, jalan penyelesaian Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya hendak ulas satu sahaja, yang lain-lain itu saya rasa Kerajaan Thai boleh melihat dari segi dalaman penduduk di Selatan Thai ini, terdiri dari 6 juta muslim ini, boleh dilihat dari segi kaca mata yang positif, dari segi kaca mata untuk menyelesaikan masalah. Saya hendak ulaskan iaitu peranan kita, bagaimana hendak menolong menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu perkara yang boleh kita buat – pendaratan gas dari GDA telah dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia dan Thailand, didaratkan di

Songkla. Songkla ini lebih kurang 240 kilometer daripada GDA ke Songkla, tetapi tidak jadi di Songkla kerana tempat ini kebanyakannya penduduk Thailand daripada agama Buddha. Keselamatan juga tidak boleh dijamin. EI di Thailand pun tidak *approve*. Kalaulah dapat dipindahkan sedikit perjanjian ini, kalau Kerajaan Malaysia boleh mengemukakan pindaan sedikit kepada perjanjian ini, iaitu pendaratan dibuat di Thaiburi ataupun antara Narathiwat dan Pattani. Tanah ini kosong, tanah *free*. Kalau dapat dibuat ini, jarak antara GDA dengan Thaiburi ini, iaitu lebih kurang 200 kilometer yang boleh menjadi lonjakan kepada kebangkitan ekonomi dan pembangunan di Selatan Thai, boleh menolong pembangunan dan *investors* ataupun pelabur untuk ke sana. Kalau tidak, tidak usah ingatlah bahawa Selatan Thai akan membangun.

Apabila dapat dipinda sedikit perjanjian ini, maka *alignment* yang baru untuk ke Gurun, *supply* gas ke Gurun itu mestilah dipinda semula. Kalau Kerajaan Malaysia berani membuat pindaan ini, saya yakin bahawa kemunduran.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, inti perbincangan yang kita usulkan ialah

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Ya, ini mengenai penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua: Mengenai kekejaman.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya tidak hendak sentuh tadi, tetapi saya hendak tunjukkan penyelesaian bagaimanakah Kerajaan Malaysia boleh menolong.

Tuan Yang di-Pertua: Dua minit lagi ya.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Boleh? Terima kasih. Jadi, kalau ini dapat, saya percaya bahawa Kerajaan Malaysia boleh mengambil peranan yang aktif, pelabur kita boleh mengambil peranan aktif dan saya telah bincangkan sebenarnya sedikit sebanyak dengan pihak-pihak di Thailand, mereka bersetuju. Kalau ini dapat dilakukan oleh kerajaan dalam *approach* seperti mana di Mindanao, saya yakin bahawa Selatan Thailand dalam masa sepuluh tahun akan datang ini, boleh menandingi Bangkok dan boleh menandingi Wilayah Utara. Ini jalan penyelesaian.

Yang keduanya, saya nampak bahawa OIC yang mana Malaysia menjadi Pengerusnya dan juga NAM boleh membawa kes ini sebagai hak asasi manusia, boleh dibuat, tetapi apakah anggapan Kerajaan Thai, soal-soal seperti campur tangan dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiganya, Kerajaan Malaysia nampaknya menghentam mubaligh, guru-guru agama. Saya mengingatkan bahawa kedudukan *approach*, pendekatan agama di Selatan Thai ini lebih kurang 20 tahun ke belakang kita, fanatik dengan pondoknya dan lain-lain. Mestilah mubaligh yang dihantar ini diberi kursus dan dikecam bersama dengan pondok-pondok itu supaya keberkesanannya dapat kita rasai dan dapat diterima.

Itulah sedikit sebanyak, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat bagi Tanjong, lima minit.

4.49 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul di bawah Peraturan 18 Dewan Rakyat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami Ahli-ahli Parlimen Malaysia dari Parti DAP ingin menyuarakan keprihatinan kami terhadap tragedi yang berlaku di Selatan Thai bukan sahaja terhadap kematian yang berlaku di Tak Bai dan lain-lain tempat tetapi juga tindakan membalas dendam yang juga melibatkan kehilangan nyawa orang awam. Akibat kejadian-kejadian yang berlaku, seluruh negara Thai perlu menanggung akibatnya dan ini membawa implikasi yang besar kepada negara Malaysia dan juga kepada perhubungan di antara negara Thai dan Malaysia secara khasnya dan juga kepada ASEAN, secara amnya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di Asean dasar tidak campur dalam hal ehwal negara lain dipraktikkan, tetapi ianya tidak dapat melarang mana-mana pihak untuk mengutuk tindakan agresif dan kurangnya tindakan profesionalisme oleh tentera Thai yang menyebabkan banyak kematian di Wilayah-wilayah Selatan Thai. Di samping menyeru pihak Kerajaan Thai untuk menjalankan siasatan yang adil dan membawa pihak-pihak tentera yang bertanggungjawab ke muka keadilan, sebagai langkah memulihkan keyakinan rakyat di selatan Thai, kami juga ingin menyeru supaya *root causes*, masalah-masalah di wilayah-wilayah itu dapat dikenal pasti dan diperakukan oleh kerajaan mereka dan seterusnya diatasi supaya dapat menjalin keamanan dan ketenteraman.

Adalah amat penting bagi Kerajaan Thai untuk menangani *root causes* serta rungutan-rungutan rakyatnya di selatan kerana kegagalan untuk membuat *respond* yang baik, sebaliknya menyemarakkan tindakan insiden yang akhirnya mengancam seluruh rantau ini. Sebagai jiran yang terdekat dan mempunyai hubungan yang begitu erat dari segi sejarah dan sosiobudaya, saya rasa Malaysia boleh dan harus

menghadapi masalah ini dengan cara yang baik dan memainkan peranan yang positif.

Kami di sini dan saya rasa seluruh rakyat Malaysia tidak ingin melihat masalah di negara Thai ini berlarutan dan tercetus lebih banyak insiden berdarah yang akan menggugat keselamatan Malaysia juga. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Tumpat.

4.52 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya bangun untuk sama-sama dengan rakan-rakan.....

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar:untuk menyokong usul tergepar berkenaan dengan pergolakan di Tak Bai baru-baru ini. Pertamanya saya mengucapkan syabas kepada pemimpin muda kita Yang Berhormat Kubang Kerian kerana membawa usul ini.

Yang keduanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan usul ini dibahaskan.

Pada kami kebenaran yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua ini bukanlah kerana atas dasar pilih kasih, kerana yang dibawanya adalah daripada PAS tetapi adalah kerana inilah sifat yang kami mahu daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang mulia ini untuk bersikap adil kepada semua Ahli Parlimen.

Saya agak terkejut dengan pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi yang menuduh bahawa Tuan Yang di-Pertua telah mengambil sikap pilih kasih terhadap PAS.....

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: dalam hal ini. Kami sebagai anggota pembangkang melihat kepada Ketua Pembangkang sebagai pemimpin kami, tetapi jika beliau berucap dalam nada seolah-olah bahawa wakil rakyat PAS ini bukan sebahagian daripada yang dipimpin oleh beliau, maka kita rasa bertanggungjawab untuk menjelaskan keadaan ini.

Beberapa Ahli: [Tepuk]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jika Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada apa-apa masalah berkaitan dengan Dewan ini, yang baiknya sebagaimana yang kami amalkan sewaktu kami menjadi pemimpin pembangkang dalam penggal yang lalu ialah bertemu dengan Tuan Yang di-Pertua di kamar Tuan Yang di-Pertua dan bukan membuka masalah tersebut di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu hari ini adalah isu yang penting dan mustahak. Ianya melibatkan kematian ratusan rakyat sebuah negara jiran. Ianya melibatkan di Tak Bai kematian secara rasminya sekitar 100 orang, tetapi daripada maklumat-maklumat lainnya, ianya melibatkan 6 orang mati di tempat yang berlaku itu dengan kesan tembakan, melibatkan 78 lagi mati dalam trak dan lori yang dimuatkan dalam empat trak seramai 1500 orang. Ianya melibatkan seorang lagi mati di hospital di Pattani.

Mengikut laporan ianya melibatkan sekitar 35 lagi mati lemas di sungai di Tak Bai itu. Ianya melibatkan 18 orang lagi mayat yang dijumpai di sungai sehari selepas itu dan ianya juga melibatkan sekitar 730 orang cedera dan melibatkan sehingga hari ini 255 orang yang masih dianggap kehilangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, krisis ini merupakan krisis kemanusiaan yang amat besar yang berlaku di negara jiran kita. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian juga di bulan-bulan sebelum ini, iaitu pada 28 April di Masjid Kerisik. Pembunuhan berlaku sekali lagi oleh tentera dan polis Thai yang melibatkan 139 orang mati, iaitu 107 di luar Masjid Kerisik dan 32 orang di Masjid Kerisik.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbincang tentang sebuah negara jiran yang mempunyai seorang Perdana Menteri yang sangat sombong dan angkuh. Apabila isu kematian ini berlaku, kita semua tahu beliau pergi ke Tak Bai dan mengucapkan tahniah kepada jeneral-jeneral Thailand itu kerana berjaya membunuh lebih kurang 80 orang rakyat itu.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Terima kasih. Oleh kerana saya dengar apa Yang Berhormat bagi Tumpat berucap, saya mahu menjelaskan apabila saya sebut tadi, saya tidak sebut mengenai usul ini, oleh kerana saya sokong dan saya memuji Tuan Yang di-Pertua kerana memberi persetujuan untuk satu perbahasan. Ini merupakan satu keputusan yang baik. Tetapi apa yang saya sebut ialah mengenai giliran iaitu memanggil Ahli Parlimen untuk berucap dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Pelajaran. Itulah apa yang saya tegurkan mengenai usul itu. Saya harap boleh difahamkan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi saya pun ada berkata, kita tidak membantah kalau Ahli-ahli Parlimen PAS mendapat layanan yang baik. Kita mahu semua Ahli Parlimen mendapat layanan yang baik termasuk Barisan Nasional dan DAP. Tetapi kita mahu keadilan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang di atas penjelasan tersebut. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi kami dipihak pembangkang menganggap dan mengharapkan bahawa Yang Berhormat akan terus menjalankan tugas dengan baik sebagai Ketua Pembangkang mewakili semua wakil rakyat daripada pihak pembangkang.

Saya sebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua bahawa Thaksin dengan angkuh datang ke Tak Bai dan mengucapkan tahniah kepada jeneral-jeneral beliau kerana membunuh orang-orang ini. Kemudiannya, apabila kematian dilaporkan dalam perjalanan ke bandar Pattani, Thaksin sekali lagi menjawab bahawa yang mati itu kerana mereka ini lapar, kerana berpuasa. Maksudnya mengaibkan amalan puasa ini.

Di Malaysia yang sudah berapa puluh ratus tahun kita berpuasa tidak ada pun menjadikan kita ini mati kerana itu, tetapi apabila kematian berlaku dalam trak-trak dan lori-lori itu beliau menjawab ini adalah kerana mereka orang Islam dan mereka berpuasa. Ini masalah yang kita hadapi dan oleh itu kita ingin mengambil peluang ini untuk menyeru kepada pihak kerajaan mengambil sikap yang jelas kerana kita berperanan sebagai jiran, sebagai anggota Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga Bangsa-Bangsa Bersatu ditolak oleh Thaksin apabila mereka ingin ke Tak Bai untuk membuat kajian dan penyelidikan. Kita juga pemimpin dan Pengerusi OIC, kita juga pemimpin dan Pengerusi Negara-Negara Berkecuali NAM.

Saya berharap kita tidak mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengelirukan seperti Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila perkara ini mula tercetus mengingatkan dan menasihatkan Perdana Menteri Thailand *to take firm action*. Yang keliru dari segi pengertiannya kepada masyarakat dunia. Apa *firm action* yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Kita juga tidak mahu kenyataan yang keliru yang dikeluarkan oleh bekas Perdana Menteri kita yang mengeluarkan nasihat supaya Thailand memberikan autonomi kepada wilayah-wilayah ini, yang bukan sesuatu isu yang kita tidak boleh bincang dan terima, tetapi di dalam suasana ini tidak membantu dan tidak menyenangkan.

Kebanyakan daripada usaha kita yang ingin menjelaskan supaya penyelesaian terhadap masalah ini dapat dilakukan segera dan tidak ditambah dengan masalah-masalah besar seperti autonomi, yang mana jika ianya hendak dinasihatkan kepada Kerajaan Thailand, sepatutnya Yang Amat Berhormat bekas

Perdana Menteri ketika beliau menjadi Perdana Menteri dahulu memberikan autonomi kepada rakyat kita, tetapi jelas terbukti apabila rakyat kita menentang beliau seperti yang berlaku di negeri Terengganu bukan autonomi yang diberi tetapi royalti minyak ini ditarik balik oleh beliau.

Ini yang kita tidak mahu berlaku dan kita berharap benar yang kerajaan kita mengambil tindakan yang positif yang benar-benar berkesan dalam isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat. Terima kasih. Diminta Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Lima minit ya, lima minit.

5.00 ptg.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit di sini untuk menyatakan sokongan walaupun usul ini dibawa oleh Ahli Pembangkang tetapi saya ingin menyatakan dan mengajak seluruh Ahli-ahli Parlimen di negara Malaysia yang ada pada hari ini untuk menyatakan bantahan yang sekeras-kerasnya terhadap tindakan ganas Kerajaan Thai, negara Thailand.

Tindakan ini merupakan satu pembunuhan beramai-ramai iaitu Tak Bai *massacres*, ianya berlaku kalau kita ingat satu ketika dahulu ahli sejarah waktu Amerika menyerang Vietnam di mana terdapat satu kampung, rakyat dibunuh beramai-ramai dipanggil pembunuhan beramai-ramai "*mai lai massacre*" dan ini pula Tak Bai.

Kerajaan Thailand merupakan satu kerajaan demokratik tetapi langkah yang telah diambil oleh Perdana Menteri Thailand merupakan satu langkah seorang pemimpin yang gila, yang tidak menghormati masyarakat. Bukan soal yang dibunuh ini umat Islam, soalnya mereka manusia. Binatang sekalipun dijaga dan dipelihara. Anjing sekalipun disimpan di rumah.

Kita juga mengutuk tentang tindakan masyarakat minoriti Islam di Thailand menunjuk perasaan, kita tidak bersetuju, tetapi kita juga tidak bersetuju mereka dibunuh. Masih banyak jalan yang perlu diambil oleh kerajaan dan kita percaya Kerajaan Thailand telah melakukan satu kesalahan. Oleh kerana itu saya menuntut badan-badan dunia seperti OIC, NAM dan juga PBB mengadakan siasatan untuk menghukum Kerajaan Thailand sebab kita tidak boleh campur tangan dalam urusan dalaman ini tetapi PBBlah satu-satunya badan yang berwibawa untuk membuat

penyiasatan supaya Kerajaan Thailand dihukum sebab kalau ini tidak dilaksanakan, maka akan ada negara-negara lain yang akan melakukan pembunuhan kepada masyarakat minoriti yang ada dalam negara mereka.

Kita bukan memuji negara kita sendiri tetapi kita sudah cukup bertolak-ansur sebab kita tahu kita ingin hidup aman, bebas, damai dan berkecuali daripada melakukan keganasan dan sebagainya. Kalau ada pun yang kita tangkap, mereka terdiri daripada yang *massacre*, tetapi belum pernah berlaku keculi pada satu ketika dahulu, itu pun kerana keadaan sudah tidak dapat dikawal. Sebab itulah hari ini walaupun usul ini daripada pembangkang, kita menerima realiti, kita menerima hakikat bahawa Kerajaan Malaysia atau Parlimen Malaysia perlu mengutuk keganasan ini dan tidak boleh diulang-ulang lagi sebab mereka manusia yang tidak bersalah.

Mereka menuntut kemerdekaan, hak mereka itu hak mereka. Kita tidak campur tangan. Kita tidak ingin membicarakan bagaimana persoalan itu berlaku. Yang ingin kita bicarakan ialah keganasan yang mereka laksanakan. Ini tidak seharusnya berlaku dalam zaman moden seumpama ini.

Di mana badan-badan Islam? Di mana badan-badan dunia? Apa langkah NAM selaku negara-negara berkecuali? Saya ingin meminta kerajaan, Menteri Luar Negeri bertindak untuk melaksanakan sesuatu misi untuk memastikan sebab peristiwa ini berlaku dan terus berlaku. Kalau tidak kita berhentikan, Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang persoalan ini sebab Thailand ini adalah negara jiran kita dan ini akan dapat mempengaruhi satu-satu peristiwa yang boleh mengheret kita untuk turut sama ke kancah yang lebih dahsyat lagi.

Oleh kerana itu, selaku Ahli Parlimen, saya sekali lagi mengajak rakan-rakan supaya kita menyatakan bantahan ini secara beramai-ramai, bukan sahaja di Dewan pada hari ini, kalau boleh di luar Dewan pun kita adakan satu pesanan atau mesej kepada Kerajaan Thailand, mereka tidak boleh senang-lenang bermaharajalela untuk membunuh mana-mana masyarakat.

Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Gombak, tiga minit.

5.05 ptg.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berhujah pada hari ini.

Kita tahu bahawa peristiwa berdarah ini sudah berlaku dan kita tahu akan terus berlaku. Soalnya pada saya, apakah peranan yang harus kita mainkan sebagai negara jiran yang terdekat dan juga sebagai pemimpin OIC. Pada saya, timbul pelbagai spekulasi yang menyatakan bahawa orang yang berdemonstrasi atau orang yang menunjuk perasaan, mereka ini dipengaruhi oleh tauke-tauke dadah dan berbagai-bagai lagi.

Jadi, kita mahu bahawa Kerajaan Malaysia, kalau boleh, mendesak Kerajaan Thailand supaya Suruhanjaya Siasatan itu hendaklah dianggotai oleh PBB atau Suruhanjaya Siasatan itu hendaklah dimulakan oleh PBB kerana kita mahukan satu laporan yang bebas. Kita tidak mahu lagi, misalnya kalau kita lihat surat khabar hari ini ada tuduh-menuduh. Untuk berlaku adil, kita mahukan satu siasatan yang benar-benar bebas.

Yang kedua, saya rasa paling penting sekali adalah kestabilan di selatan Thailand ini amat penting bagi kita. Mengapa ia penting? Kerana kita tahu bahawa bukan sahaja wujud pertalian agama, sosiobudaya yang begitu rapat dengan penduduk di Malaysia, tetapi juga kalau kawasan ini tidak stabil, boleh menjadi sarang *terrorism*, boleh menjadi sarang keganasan. Pada saya, ini bukan sahaja boleh mengancam Malaysia tetapi juga boleh mengancam rantau Asia.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa walaupun dasar ASEAN itu tidak mahu campur tangan dalam apa yang berlaku ataupun pentadbiran di negara-negara yang menganggotai ASEAN itu tetapi dalam hal ini kita lihat adalah satu perkara yang perlu. Jadi, saya berharap Kerajaan Malaysia boleh mengusulkan atau membawa masalah ini ke peringkat persidangan negara ASEAN yang akan berlaku tidak lama lagi di Van Dien, Laos supaya perkara ini bukan hal soal campur tangan tetapi boleh mengganggu-gugat keselamatan negara-negara di Asia pada masa hadapan.

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa paling kurang yang kita boleh lakukan sekurang-kurangnya Kementerian Luar Negeri atau Kerajaan Malaysia boleh menulis surat ataupun menyatakan kepada Kerajaan Thailand, buat masa ini ambillah tindakan yang lebih berhemah sebelum masalah sebenarnya dapat dikaji.

Saya rasa kalau tindakan berhemah tidak dilakukan oleh pasukan keselamatan Thailand yang menghantar komando mereka untuk menyelesaikan segala soal keganasan yang berlaku di selatan Thailand, saya rasa keganasan ini akan terus berlarutan.

Jadi, pada pandangan saya inilah tiga perkara sekurang-kurangnya kita sebagai negara jiran yang terdekat, kita sebagai bangsa yang mempunyai hubungan

agama, sosiobudaya dan juga ekonomi dengan penduduk di selatan Thailand dan juga sebagai pemimpin OIC, harus membuat sesuatu terhadap perkara ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Belum sebut lagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Sri Gading. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bukan Jeraikah, Tuan Yang di-Pertua?

5.09 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya rasa terpanggil, Tuan Yang di-Pertua, terpanggil sangat dengan usul sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Bukan hendak campur soal hal ehwal negara luar, bukan hendak campur hal ehwal negara yang lain, tetapi sebagai manusia.

Sebagai manusia, Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai perasaan hiba dan kecewa dengan peristiwa yang berlaku pada 25 Oktober di selatan Thai, pembunuhan yang zalim, perbuatan yang tidak boleh diterima oleh akal orang yang bertamadun. Saya pelik dan hairan bagaimana Kerajaan Thai boleh melayan orang-orang Islam di selatan Thai. Orang-orang ini bukan komunis, bukan pengganas dan bukan perusuh. Mereka adalah warganegara Thailand sendiri yang setia kepada negara mereka dan raja mereka. Kenapa mereka dilayan begitu zalim?

Tuan Pengerusi, perbuatan ini adalah suatu perbuatan yang zalim, kotor, sangat keji dan tidak berperikemanusiaan. Yang ditembak ditembak, sebagai contoh, yang ditawan diikat tangan ke belakang, dihumban ke dalam lori, disusun. Waktu hendak mati, saya difahamkan mereka terkencing, terberak, termuntah, mereka menahan kesakitan hendak mati itu dengan menggigit mangsa di bawahnya. Apakah ini peri kemanusiaan? Apakah askar Thailand tidak ada akal fikiran? Sudah gilakah mereka? Apakah ini latihan yang sepatutnya sebagai seorang askar?

Di Malaysia, Tuan Pengerusi, orang hendak bawa khinzir pun dia masuk ke dalam sarung, ke dalam bekas, disusun-susun supaya khinzir satu dengan yang lain tidak bertindih-tindih. Apakah perbuatan seperti ini boleh diterima oleh akal Perdana Menteri Thailand? Apakah Perdana Menteri Thailand merasa bangga dengan

perbuatan zalim askar dan polis mereka? Saya harap dunia, dunia, dunia akan mengutuk perbuatan ini dan kita hendak beri tahu Perdana Menteri Thailand bahawa perbuatan kotor ini jangan diulang pada masa-masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Jerai. Akhir sekali Yang Berhormat bagi Jerai. Selepas ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.13 ptg.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya kira keseluruhan rakyat Malaysia bukan sahaja Ahli Parlimen yang ada pada Dewan Rakyat hari ini tetapi seluruh rakyat Malaysia, kita menyeru supaya Thaksin Shinawatra ini dibawa kepada *International Tribunal* untuk dibicarakan di atas perbuatan kejamnya terhadap manusia. Itu sahaja tempat yang harus kita bawa Perdana Menteri Thailand ini.

Kita kena ingat, keseluruhan kita kena ingat bahawa agenda ini mungkin bukan agenda Perdana Menteri Thailand sahaja tetapi juga agenda daripada Barat untuk memulakan pergaduhan di antara umat Islam dengan bukan Islam supaya sempadan kita ini juga akan menjadi negara seperti di Israel, di Palestin, di Iraq ataupun di mana-mana negara Islam lain. Ini kita harus ingat kerana mungkin ini taktik Yahudi untuk memulakan, menghancurkan keamanan yang ada di negara Malaysia ini tetapi mungkin kerana sambutan mereka daripada rakyat Malaysia ataupun agen-agen mereka yang ada di bumi Malaysia ini tidak kesampaian, mereka gunakan Kerajaan Thailand untuk memulakan peristiwa menghentam, membunuh umat Islam yang berada di Thailand supaya jika berlaku sesuatu, sudah tentu sempadan tidak aman dan kononnya apabila orang Islam ini lari ke Malaysia, mungkin mereka mengatakan orang-orang Islam ini adalah militan, orang-orang Islam ini adalah pengganas, orang-orang Islam ini adalah penjahat, maka mereka akan serang negara kita. Ini harus kita fikirkan bersama. Mungkin Thaksin menjadi agen kepada mereka, Thaksin menjadi tali barut kepada Barat. Kalau tidak manakan Thaksin sanggup membunuh manusia yang bernafas ini sedemikian rupa?

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Tuan Pengerusi, boleh minta jalan sedikit. Saya hendak bagi input, tiga bulan dulu Pemerintah Pasifik Tentera Amerika telah melawat Selatan Thailand.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Dia melawat itu saya tidak tahulah, dia tidak khabarkan kepada saya. *[Ketawa]* Tetapi kita kena ingat agenda-agenda Barat yang tersirat ini. Jika ini berlaku, Tuan Pengerusi, maka tercetuslah satu lagi peperangan, *interference* oleh negara Barat seperti yang berlaku di Iraq dan akan berlaku di Iran, dan akan berlaku di Syria. Melihat Malaysia sebuah negara yang menjadi pakar rujuk kepada negara-negara Islam yang hidup majmuk dengan berbilang kaum.

Cuma masa agak terhad, tidak boleh Tuan Pengerusi hendak beri kepada barisan *Backbenchers*, MCA atau apa, hendak bangkit menyokong dan daripada MIC, tetapi kerana masa terhad ...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Bagi mencelah, mencelah boleh.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Mencelah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Mencelah? Sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Tuan Pengerusi, bagi pihak MCA pun kita sokong kerana ini adalah satu tindakan yang tidak berperi kemanusiaan *[Tepuk]* serta penindasan secara mutlak dan saya yakin ini adalah tindakan keji yang perlu kita kritik dengan keras.

Teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Thaksin itu saya nampak tafsiran pihak pembangkang adalah berlainan. Dia kata itu mengelirukan tetapi bagi saya ia adalah jelas. Sebarang bentuk keganasan kita tidak setuju tetapi itu untuk anti-terrorisme. Bagi mereka yang melakukan penindasan, tidak kira askar atau siapa pun, kita perlu mengambil tindakan tegas menghukum mereka! Saya rasa itulah apa yang kita hendak suarakan kepada Parlimen ataupun pihak kerajaan Thailand. Apa komen Yang Berhormat bagi Jerai?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jerai, ada satu minit lagi ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Itu pandangan yang cukup tepat oleh Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. *[Ketawa]* Inilah menunjukkan bahawa kita Malaysia, rakyat Malaysia sayangkan Malaysia. Baiknya, umat Islam terluka, terbunuh mereka merasai kesakitannya. Begitu juga seandainya rakan sekeluarga kita terluka atau terbunuh, kita juga merasainya sedangkan di sebelah sempadan Thailand itu adalah keluarga kita juga kerana separuh daripada kawasan itu adalah

Negeri Kedah pada suatu ketika dahulu. Yang Berhormat bagi Arau pun mempunyai ramai adik-beradik di sana, dia teriak-teriak sat-sat depan saya *[Ketawa]*.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya mahu dicatatkan di Dewan yang mulia ini bahawa biar apa sekali pun yang berlaku, kita rakyat Malaysia, tidak kira pembangkang atau kerajaan, harus bermuafakat antara satu sama lain, memberi sokongan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita untuk mengambil tindakan dan apa jua keputusan kita akan sokong kerana sebagai Pengerusi OIC beliau boleh menyuarakan dan boleh mengatakan sesuatu, dan kita sebagai Wakil Rakyat dan rakyat Malaysia harus berada bersama dengan beliau untuk memastikan peristiwa yang berlaku di Thailand bersempadan negara kita ini tidak melarat dan membabitkan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Di samping itu juga Tuan Pengerusi, saya menyokong Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Kita kena mendoakan kepada *Allah Subhanahu Wataala* supaya Tuhan melindungi negara kita dan menolong umat-umat Islam yang menjadi mangsa pengkhianatan binatang Thaksin Thailand itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya minta pihak Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.17 ptg.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menggulung usul ini bagi pihak Menteri Luar Malaysia kerana beliau berada di luar negara.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai isu keganasan pasukan keselamatan Thailand ke atas penduduk-penduduk beragama Islam di Tak Bai, Narathiwat, Selatan Thailand. Pandangan dan cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbincangan adalah amat berguna dan menjadi pertimbangan kepada kerajaan dalam menentukan hala tuju dasar negara mengenai isu yang berkaitan.

Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia amat merasa kesal dan sedih dengan tragedi berdarah yang berlaku pada 25 Oktober 2004 di Tak Bai yang telah mengorbankan sekurang-kurangnya 84 penduduk Islam tempatan. Yang amat menyedihkan lagi ialah kejadian tersebut berlaku ketika semua umat Islam sedang melakukan ibadat puasa Ramadan.

Tragedi Tak Bai ini bukanlah pertama kali di mana ramai penduduk Islam terbunuh akibat dari tindakan keterlaluan tentera Thailand. Sebelum daripada ini, pada 28 April 2004, seramai 112 penduduk Islam telah terbunuh apabila mereka menyerang balai-balai polis di Pattani, Yala dan Narathiwat. Seramai 34 daripada 112 orang yang terbunuh ditembak semasa mereka berlindung di Masjid Kraisi di Patani. Jumlah kematian di Tak Bai dan Pattani adalah berdasarkan kepada angka rasmi yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Thailand. Namun demikian, sekiranya diambil kira laporan mengenai orang-orang yang didapati hilang dan tidak dapat dikesan oleh ahli-ahli keluarga mereka, ia akan menimbulkan kemungkinan bahawa angka kematian dan yang hilang adalah lebih besar dari apa yang diumumkan.

Malaysia sebagai negara jiran yang rapat dengan Thailand dan di mana sebahagian daripada rakyat kawasan sempadannya mempunyai pertalian persaudaraan dengan penduduk sebelah Thailand, merasa amat sedih dan kesal di atas tindakan ketenteraan yang keterlaluan oleh pasukan keselamatan Thailand ke atas penunjuk-penunjuk perasaan di Tak Bai.

Peristiwa di Tak Bai tidak sepatutnya berakhir dengan begitu tragik sekali sekiranya pasukan tentera Thailand lebih berwaspada di dalam urusan meleraikan tunjuk perasaan tersebut. Kekhuatiran Malaysia terhadap kejadian di Tak Bai telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam percakapan telefon beliau dengan Perdana Menteri Thailand pada 27 Oktober 2004. Beliau telah nyatakan rasa sedih di atas kematian yang berlaku kerana diakibatkan oleh kekerasan yang keterlaluan, yang dilakukan oleh pihak tentera Thailand ke atas penunjuk-penunjuk perasaan.

Yang Berhormat Perdana Menteri juga telah menegaskan bahawa kebanyakan penunjuk-penunjuk perasaan telah meninggal dunia akibat mereka diasak dan ditimbun di atas lori tentera semasa mereka dibawa ke kem tahanan. Tindakan tanpa perikemanusiaan oleh tentera Thailand tersebut boleh dianggap sebagai satu kekejaman. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menasihatkan Perdana Menteri Thailand supaya mengelakkan daripada berlaku lagi kematian dan penggunaan kekerasan untuk menyelesaikan masalah Selatan Thailand. Beliau juga menyarankan supaya Kerajaan Thailand mengadakan pertemuan dengan pemimpin-pemimpin tempatan di wilayah tersebut untuk mengurangkan ketegangan dan meredakan keadaan.

Beliau juga telah mengingatkan Perdana Menteri Thailand bahawa masalah di Selatan Thailand perlu ditangani dengan penuh berhati-hati dengan mengambil

kira sensitiviti masyarakat Islam di wilayah itu. Penggunaan kekerasan hendaklah dielakkan supaya insiden seperti itu tidak merebak ke wilayah-wilayah lain di Thailand. Selain dari itu Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah juga bercakap melalui telefon dengan Menteri Luar Thailand pada 27 Oktober 2004, di mana beliau telah membangkitkan mengenai kejadian di Tak Bai yang tidak sepatutnya berlaku. Lebih-lebih lagi ketika umat Islam sedang menjalani ibadah puasa dalam bulan Ramadan.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah turut membangkitkan mengenai cara pihak berkuasa Thailand yang terlalu keras dalam menangani tunjuk perasaan yang dijalankan secara aman. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga turut menyampaikan pandangan beliau kepada Menteri Luar Thailand bahawa adalah tidak wajar peserta tunjuk perasaan tersebut dilabel sebagai pengganas oleh pihak berkuasa Thailand. Ini kerana mereka mempunyai sebab yang kukuh untuk mengadakan tunjuk perasaan yang dijalankan secara aman.

Cara pihak berkuasa Thailand menangani tunjuk perasaan tersebut yang berkemungkinan menyebabkan ia hilang kawalan. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah juga memaklumkan Menteri Luar Thailand, bahawa kejadian di Tak Bai akan menjadi isu dalam Pertubuhan Persidangan Islam OIC. Lebih-lebih lagi pihak berkuasa Thailand dilihat keterlaluan di dalam menangani tunjuk perasaan yang menyebabkan kematian penduduk awam beragama Islam yang tidak berdosa.

Pada 30 Oktober 2004, kerajaan juga telah membuat keputusan supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri membuat lawatan segera ke Bangkok untuk bertemu dengan Perdana Menteri Thailand bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kejadian di Tak Bai dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Thailand untuk memulihkan keadaan di Selatan Thailand. Walau bagaimanapun Kerajaan Thailand telah meminta supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri Malaysia dan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menangguhkan lawatan tersebut buat sementara waktu kerana ianya mungkin disalah tafsirkan oleh sesetengah pihak.

Seterusnya Kerajaan Thailand meminta supaya lawatan tersebut diadakan apabila keadaan mengizinkan. Terdapat ramai pemimpin negara asing dan masyarakat antarabangsa juga telah membidas dan mengecam tindakan keterlaluan oleh pasukan keselamatan Thailand terhadap penunjuk-penunjuk perasaan di Tak Bai.

Pada 30 Oktober 2004, Setiausaha Agung OIC Dr. Abdelouahed Belkeziz telah mengeluarkan kenyataan rasmi yang menyatakan rasa kesal dan sedih OIC terhadap insiden di Tak Bai dan meminta Kerajaan Thailand mengambil tindakan yang lebih bertanggungjawab dalam usaha menangani masalah Selatan Thailand.

Setiausaha Agung OIC tersebut juga menyarankan agar Kerajaan Thailand menyelesaikan masalah keselamatan di Selatan Thailand melalui rundingan bagi mengembalikan keamanan di selatan negara tersebut. Jawatankuasa Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengusulkan kepada Kerajaan Thailand untuk menghantar satu pasukan untuk menjalankan siasatan berhubung dengan tragedi di Tak Bai. Bagaimanapun cadangan ini telah ditolak oleh Kerajaan Thailand atas alasan bahawa satu jawatankuasa bebas telah pun ditubuhkan untuk membuat siasatan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kejadian di Selatan Thailand itu, mempunyai kesan kepada kita semua terutamanya penduduk-penduduk di kawasan sempadan. Kerajaan sedar bahawa untuk memelihara keamanan dan kestabilan serantau, Malaysia perlu akur dengan Dasar Tidak Mencampuri Hal Ehwal Dalam Negara Lain dan perlu menghormati keutuhan dan kedaulatan Wilayah Thailand. Namun demikian, oleh kerana tragedi yang menimpa penduduk-penduduk Islam tersebut berlaku terlalu hampir dengan sempadan Malaysia kita tidak dapat mengelak daripada menyuarakan pandangan dan kekecohan kita mengenai kejadian tersebut.

Dalam hal ini kita telah meminta Kerajaan Thailand supaya menangani masalah di Selatan Thailand dengan segera, secara bijaksana dan mengambil kira sensitiviti perasaan dan kefahaman terhadap masyarakat mereka sendiri. Sekiranya perkara ini tidak ditangani segera, ia boleh mencetuskan masalah dan konflik yang lebih besar dan akan mengancam keselamatan dan kestabilan negara-negara di rantau ini. Selepas kejadian di Tak Bai, keadaan keselamatan di Selatan Thailand dilaporkan semakin bertambah buruk dengan peningkatan kejadian serangan dan pembunuhan yang dianggap sebagai tindakan balas oleh orang tempatan terhadap kekejaman yang dilakukan oleh tentera Thailand.

Statistik menunjukkan bahawa sejak 26 Oktober 2004 hingga 22 November 2004 seramai 36 orang telah dibunuh oleh orang-orang yang tidak dikenali dan mangsa adalah anggota tentera polis, kakitangan kerajaan, sami dan orang awam yang kebanyakannya beragama Buddha. Suasana keganasan yang berlarutan dan tidak menentu ini akan merosakkan imej serta boleh menjejaskan ekonomi negara-

negara di rantau kerana kawasan kita ini akan dipandang sebagai kawasan yang tidak selamat untuk perdagangan, pelaburan dan pelancongan.

Selain daripada itu, keadaan keresahan di Selatan Thailand ini juga akan memberi peluang kepada kumpulan-kumpulan pengganas antarabangsa mengambil kesempatan untuk bertapak di kawasan tersebut. Ini secara tidak langsung akan memberi alasan yang kukuh bagi kuasa-kuasa besar untuk turut campur tangan di dalam menangani masalah keganasan tersebut, yang mana akan memburukkan lagi keadaan. Ekoran dari keadaan keselamatan yang semakin tidak menentu di Selatan Thailand, kerajaan telah mengeluarkan kenyataan yang menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak membuat lawatan ke sana sehingga keadaan keselamatan kembali pulih.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan mengenai kemungkinan Kerajaan Thailand memberi status autonomi kepada wilayah selatan negara tersebut sebagai salah satu jalan penyelesaian kepada konflik yang sedang berlaku di sana. Ingin saya tegaskan bahawa sebarang usul mengenai pemberian autonomi tersebut terletak di atas keputusan Kerajaan Thailand sendiri. Dalam hal ini, Malaysia tidak langsung berhasrat untuk mencampuri hal dalaman Thailand kerana ia sentiasa menghormati keutuhan dan kedaulatan wilayah negara tersebut.

Dalam hal ini Malaysia juga berpendirian tegas dan tidak menyokong apa-apa jua bentuk perjuangan pemisahan ataupun mana-mana individu yang mempunyai kaitan dengan pejuang pemisah. Malaysia tidak pernah dan tidak akan membenarkan wilayahnya digunakan sebagai tempat latihan ataupun perlindungan elemen-elemen berkenaan. Sebagai sebuah negara yang berjiran dan berkongsi sempadan, keselamatan dan kestabilan di Selatan Thailand adalah sama pentingnya kepada Malaysia. Jika keadaan di Selatan Thailand tidak terkawal ia akan turut membangkitkan sentimen negatif rakyat terhadap kerajaan, terutamanya bagi mereka yang tinggal di sempadan Malaysia Thailand yang mempunyai saudara mara dari kalangan penduduk di Wilayah-wilayah Selatan Thailand.

Oleh hal yang demikian, sejak bermulanya kekacauan dan keganasan di selatan Thailand, Malaysia telah mempertingkatkan kerjasama dengan Thailand, khususnya menjaga keselamatan di kawasan sempadan. Ini termasuk mengadakan rondaan bersama, menubuhkan Perintah Medan Bersama (*Joint Field Command*) dan menggiatkan lagi kerjasama pertukaran maklumat.

Malaysia juga telah menyatakan kesediaannya untuk berkongsi pengalaman dengan Thailand di dalam menangani masalah kumpulan Militan dan pelampau agama secara lebih terancang dan berkesan. Untuk mengatasi masalah pelampau agama, Kerajaan Malaysia juga telah menyatakan kesediaannya untuk menghantar pensyarah agama Malaysia yang bertauliah untuk memberi ceramah dan khutbah di kalangan masyarakat Islam di selatan Thailand. Namun begitu, Kerajaan Malaysia hanya akan menghantar penceramah-penceramah tersebut sekiranya terdapat permintaan rasmi daripada pihak Thailand.

Selain daripada itu, kerajaan juga bersedia membantu pihak Thailand untuk mewujudkan pentadbiran sekolah pondok yang lebih bersistematik untuk menghindarkannya daripada dipengaruhi oleh anasir-anasir pelampau agama. Kerajaan Malaysia juga telah bersetuju untuk memberi latihan kemahiran vokasional melalui Program Giat Mara kepada penduduk-penduduk di selatan Thailand untuk memudahkan mereka mencari pekerjaan dan meningkatkan pendapatan. Malaysia dan Thailand telah bersetuju bahawa faktor kemiskinan dan kekurangan pembangunan ekonomi merupakan antara penyebab utama kepada masalah keselamatan di selatan Thailand.

Sehubungan itu, kedua-dua negara telah bersetuju untuk menubuhkan Jawatankuasa Malaysia Thailand mengenai strategi pembangunan bersama di kawasan sempadan ataupun *Malaysia Thailand Committee On Joint Development Strategy In The Border Areas* (JDS) untuk membangunkan sosioekonomi masyarakat yang tinggal di kawasan sempadan bersama. Program JDS ini merangkumi sembilan bidang kerjasama iaitu pembangunan infrastruktur dan rangkaian pengangkutan, pembangunan sumber manusia dan pendidikan yang melibatkan pendidikan agama, pelancongan, perdagangan dan pelaburan, kebudayaan dan perhubungan di antara penduduk, pertanian termasuk perikanan, ternakan dan saliran, kewangan terutama pembangunan Bank Islam bagi wilayah-wilayah di selatan Thailand, serta tenaga dan bantuan bencana.

Projek pertama yang telah dilaksanakan di bawah JDS adalah projek pembinaan jambatan Bukit Bunga 'Buketa' di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Thailand telah menyempurnakan Majlis Pecah Tanah pada 14 Oktober 2004 yang lalu. Secara keseluruhannya, JDS akan dapat meningkatkan dan memperkembangkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Thailand, terutamanya untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat di sempadan kedua-dua negara. Namun begitu, kejayaan JDS

amatlah bergantung kepada komitmen dan kesungguhan pihak Thailand untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi menjayakan rancangan pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan yang diambil oleh Malaysia berkaitan dengan isu di selatan Thailand adalah tepat dan terbaik dengan memahami soal keutuhan dan kedaulatan wilayah Thailand. Sebagai negara jiran yang bertanggungjawab, kita sentiasa prihatin dengan perkembangan yang telah berlaku. Oleh itu, kita mendapati adalah wajar untuk memberi pandangan dan cadangan yang objektif serta jujur bagi kebaikan bersama.

Kita tidak berhasrat untuk mengajar mana-mana negara bagaimana mereka patut bertindak dalam soal dalaman. Tetapi, dalam hal ini kita mahu negara jiran tersebut memahami sensitiviti dan pertalian masyarakat kita mengenai perkembangan yang berlaku di selatan Thailand. Kita juga mahukan kestabilan dan keamanan wujud di rantau ini supaya semua rakyat di setiap negara dapat hidup dalam keadaan aman dan damai serta menikmati kemakmuran dan kesejahteraan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah berlarutan dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan dengan yang demikian, saya tutupkan perbahasan ini. Dengan itu, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga pukul 10.00 pagi besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.